

Jilid III
Bil. 57



Hari Isnin
6hb Disember, 1993

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
House of Representatives

PARLIMEN KELAPAN
Eighth Parliament

PENGGAL KETIGA
Third Session

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 10833]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1994

Jawatankuasa—

Jadual:

Maksud B. 28, B. 29, B. 30, B. 31, B. 32 dan B. 33 [Ruangan 10868]

Maksud B. 34 [Ruangan 10943]

USUL:

Anggaran Pembangunan 1994

Jawatankuasa—

Maksud P. 28, P. 31, P. 32 dan P. 56 [Ruangan 10868]

Maksud P. 34 [Ruangan 10943]



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
CAWANGAN KUALA TERENGGANU
1997

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELAPAN

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR
MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J.,
D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S.
(Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, DATO' SERI ANWAR
BIN IBRAHIM, S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., D.M.P.N. (Permatang Pauh).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, S.P.M.P.,
D.P.M.S., D.P.M.P., D.G.S.M. (Labis).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU,
S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P.,
D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Kerja Raya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S.
(Kanowit).

Yang Amat Berbahagia Menteri Hal Ehwal Sabah, TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU
HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.K.,
K.C.R.L., K.S.T.J., O.B.E. (Limbawang).

Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH
AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Pendidikan, DATUK AMAR DR HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD,
S.I.M.P., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, S.S.S.A., D.S.D.K.,
D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna,
DATO' HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S., S.M.T.,
P.I.S. (Kuala Selangor).

„ Menteri Kesihatan, DATO' LEE KIM SAI, D.S.S.A., P.P.N. (Hulu Langat).

„ Menteri Pertahanan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL
RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S.,
D.S.A.P. (Pekan).

- Yang Berhormat Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., B.S.I. (Pulau).
- „ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, S.P.M.T., D.S.S.A., D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Besut).
- „ Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK LAW HIENG DING, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR TING CHEW PEH, D.P.M.P. (Gopeng).
- „ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, TAN SRI DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, P.S.M., P.G.D.K., S.P.D.K., J.P., A.D.K. (Semporna).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Undang-undang, DATO' SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi).
- „ Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.J. (Ledang).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN HAJI JAFFREY, J.M.N. (Silam).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S, K.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' MOHAMED FARID BIN ARIFFIN, D.S.P.N. (Balik Pulau).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, DATO' TENG GAIK KWAN, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N (Raub).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S, A.B.S. (Miri).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K. (Kulim Bandar Baharu).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' HAJI TENGKU MAHMUD BIN TENGKU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOHD. YASIN BIN KAMARI, A.M.N., P.D.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., K.M.N., A.M.N., P.P.C. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DATUK DR FONG CHAN ONN, D.M.S.M. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., S.M.J., K.M.N., P.P.T. (Sik).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' CHAN KONG CHOY, D.P.M.S. (Lipis).
- „ Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' M. MAHALINGAM, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Kapar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, D.P.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, DATO MOHAMED BIN JAMRAH, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T., J.P. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, DATO' ISMAIL BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' MOHD. NOH BIN RAJAB, D.S.N.S. (Tampin).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, TUAN MOHD. SHARIFF BIN HAJI OMAR, P.P.T. (Tasek Gelugor).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATO' K. KUMARAN, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATUK S. S. SUBRAMANIAM, D.P.M.S., J.S.M., P.J.K., A.M.S. (Segamat).
- „ TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).

- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).
- „ DATUK HAJI ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ TUAN ABDUL MALEK MUNIP (Muar).
- „ DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN MUHAMMAD, D.P.M.T., A.M.N., P.J.K. (Kuala Nerus).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan).
- „ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN NOR (Bayan Baru).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- „ TUAN AHMAD SHUKRI BIN HAJI HASSAN (Machang).
- „ DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., J.S.M., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ DATU AMIR KAHAR BIN TUN DATU MUSTAPHA (Marudu).
- „ TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ TUAN HAJI BADRUDDIN BIN AMIRULDIN, B.K.M., P.J.K. (Jerai).
- „ DATUK HAJI BASRI BIN BAJURI, D.S.S.A., K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).
- „ TUAN HAJI BUNYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
- „ TUN DAIM ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).
- „ DR. V. DAVID (Puchong).
- „ TUAN FONG KUI LUN (Klang).
- „ TUAN FOO PIEW KOK (Batu Gajah).
- „ TUAN GEORGE SANGKIN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HAJI HAMZAH BIN HAJI MOHAMED ZAIN (Tasek Chenderoh).

Yang Berhormat TUAN HARRISON NGAU LAING (Baram).

- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN JENDOL, P.J.K. (Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).
- „ TUAN IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).
- „ CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA (Sungai Petani).
- „ LT. KOL. (B) IBRAHIM BIN SAREH (Jelebu).
- „ PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO HAJI ISAHAK (Kota Bharu).
- „ TUAN HAJI ISHAK BIN ARSHAD (Kangar).
- „ DATO' DR HAJI JAMALUDDIN BIN HAJI JARIIS, D.I.M.P. (Rompin).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JOSEPH MAUH ANAK IKEH (Selangau).
- „ TUAN KANG CHOW OH (Kluang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KERK KIM HOCK (Pasir Pinji).
- „ DR KUA KIA SOONG (Petaling Jaya).
- „ TUAN LAI LUN TZEE (Sandakan).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Ipoh).
- „ TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).²
- „ TUAN LIM HOCK SENG (Bagan).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LIM LAY HOON (Padang Serai).
- „ DATIN LING CHOOI SIENG (Lumut).
- „ TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM (Sabak Bernam).
- „ DATUK MAIDOM P. PANSAI (Kota Belud).
- „ DR T. MARIMUTHU (Telok Kemang).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN MICHAEL LISA KAYA @ GOR KAYA (Bukit Mas).
- „ DATO' HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, D.I.M.P., P.J.K. (Maran).

Yang Berhormat TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Nilam Puri).

- „ TUAN MOHAMED KAMAL BIN HUSSAIN (Lembah Pantai).
- „ TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN (Johor Bahru).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ DATO' HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ DATO' HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P. (Larut).
- „ DATUK MONGGOH OROW, P.G.D.K., K.M.N., A.D.K. (Tuaran).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
- „ DR NAWAWI BIN MAT AWIN (Tambun).
- „ DATUK NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN ONG TIN KIM (Telok Intan).
- „ DR OSMAN MINUDIN (Kinabalu).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ TUAN G. PALANIVEL (Hulu Selangor).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ DATUK DOMINIC JOSEPH PUTHUCHEARY, P.G.D.K., A.S.D.K. (Nibong Tebal).
- „ DATO' HAJI QAMARUZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai).
- „ TUAN RADIN MALLEH (Padas).
- „ PUAN HAJAH RAKIBAH BINTI HAJI ABDUL MANAP (Shah Alam).
- „ Y.B.M. TENGGU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).
- „ PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM (Santubong).
- „ TUAN RUHANIE BIN HAJI AHMAD (Parit Sulong).
- „ TUAN SAIDIN @ YUSOF BIN ADAM (Tanjong Karang).
- „ DR SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ TUAN HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED (Kok Lanas).

Yang Berhormat TUAN TAIMIN BIN LUMAING (Pensiangan).

- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Sri Aman).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN WAHAB BIN SUHAILI (Batang Sadong).
- „ WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN (Kota Setar).
- „ WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR (Batang Lupar).
- „ TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).
- „ WAN OMAR BIN WAN MAJID (Pasir Puteh).
- „ TUAN WEE CHOO KEONG (Bukit Bintang).
- „ DATUK AMAR JAMES WONG KIM MIN (Bintulu).
- „ TUAN JASON WONG, SING NANG (Lanang).
- „ TUAN WONG WING ON (Kampar).
- „ TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ TUAN VUN SHIN CHOI @ JOSEPH VOON (Tanjong Aru).
- „ TUAN GEOFFREY YEE LING FOOK (Tawau).
- „ TUAN YIM CHEE CHONG (Seremban).
- „ TUAN PHILIP YONG CHIEW LIP (Gaya).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

- Setiausaha Dewan Rakyat : Tuan Haji Abdul Rahman bin Haji Ali, A.M.N., P.J.K.,
A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.
- Ketua Penolong Setiausaha : Haji Taijadin bin Saberan.
- Penolong Setiausaha : Abdullah bin Abdul Wahab.
- Penolong Setiausaha : Zamani bin Haji Sulaiman.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

- Pegawai Penerbitan : Ramaswamy.
- Penolong Penyunting : Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

- Haji Suhor bin Husin.
Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop.
Supiah binti Dewak.
Ismail bin Haji Hassan.
Hajah Kelsom binti Ghazali.
Mohamed bin Osman.
Norishah binti Mohd. Thani.
Zaharah binti Naim.
Su Soon Chuan.
Norwahidah binti Azizi.
Rozita binti Abd. Samad.
Jainah binti Sakimin.
Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop.

BENTARA MESYUARAT

Lt. Kol. (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Isnin, 6hb. Disember, 1993

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Tuan Billy Abit Joo.

(Soalan No. 1 — Y.B. Tuan Billy Abit Joo tidak hadir)

**KAPAL TERBANG KECIL —
PEMBINAAN DI MALAYSIA**

2. Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menghuraikan rasional di sebalik projek membina kapal terbang kecil di negara ini. Apakah persiapan dari segi menyediakan tenaga manusia terlatih untuk menangani projek tersebut.

22. Tuan Mohamed Kamal bin Hussain minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:

- (a) apakah prospek industri penerbangan di negara ini dan pasaran antarabangsa sehingga Kerajaan membeli Eagle Aircraft yang beroperasi di Australia; dan
- (b) adakah Kerajaan bercadang membawa balik teknologi dan

kepakaran pembuatan kapal terbang tersebut di Malaysia dan memulakan satu era industri penerbangan yang lebih canggih seperti pembuatan jet-jet pejuang dan helikopter pengempur.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Datuk S. S. Subramaniam): Tuan yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bersama-sama soalan No. 22 pada hari ini dari Yang Berhormat dari Lembah Pantai kerana ia menyentuh perkara yang sama.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Baiklah.

Datuk S. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, industri membuat kapal terbang adalah merupakan industri strategik yang perlu diterokai dan dibangunkan. Untuk jangka masa panjang, industri ini akan memberi sumbangan yang besar kepada pertumbuhan ekonomi negara kerana ianya mempunyai paras nilai tambah, teknologi dan kandungan tempatan yang tinggi, di samping dapat mewujudkan rantai industri di negara ini. Pada masa ini dalam fasa pertama untuk membangunkan industri ini, Kerajaan memberi penumpuan kepada industri pembinaan kapal terbang kecil. Ini adalah wajar kerana Malaysia masih baru di dalam menerokai industri ini. Sebagai sebuah negara yang masih lagi di peringkat permulaan menceburkan diri di

dalam industri ini, adalah wajar ianya dimulakan dengan pengeluaran kapal terbang yang mempunyai kos sederhana. Dalam pada itu, keupayaan untuk mengilangkan komponen-komponen untuk industri ini juga sedang diterokai.

Pemindahan teknologi yang terlibat di dalam fasa satu ini akan mengukuhkan keupayaan Malaysia untuk menerokai bidang-bidang industri ini yang lebih canggih pada masa depan. Oleh yang demikian, Malaysia telah melihat pembangunan industri penerbangan ini di dalam perspektif yang menyeluruh dan dalam jangka masa panjang di mana industri pembuatan kapal terbang di Malaysia ini bukanlah hanya bertujuan untuk menjadikan Malaysia menjalankan aktiviti-aktiviti pemasangan sahaja, tetapi juga menjalankan penyelidikan dan pembangunan keluaran komponen-komponen yang akhirnya berupaya membuat dan menjual kapal terbang. Industri pembuatan yang dipilih ini termasuklah industri yang menggunakan bahan-bahan canggih, iaitu "advanced composite materials", dengan izin.

Mengenai persiapan dari segi penyediaan tenaga manusia terlatih untuk menangani pembangunan industri ini, Kerajaan telah pun menghantar sekumpulan jurutera dan juruteknik ke Australia secara berperingkat-peringkat untuk menjalani latihan selaras dengan usahasama Kerajaan dengan Syarikat Eagle Aircraft International Australia. Di samping itu juga, Kerajaan sedang dalam proses untuk meningkatkan keupayaan Pusat Latihan MAS, Kolej Penerbangan Awam dan Sekolah Latihan Juruterbang sebagai, dengan izin, "Centre of Excellence" bagi rantau Asia di bidang latihan juruterbang, juruteknik dan pengawal trafik udara untuk kepentingan industri "aero-space" tempatan. Tindakan juga telah diambil untuk mengenalpasti keperluan

sumber manusia yang terlatih dalam bidang-bidang tertentu di dalam industri ini, termasuk keperluan kakitangan mahir dalam Jabatan Penerbangan Awam. Sehubungan dengan itu, Kerajaan seterusnya akan mengambil tindakan untuk menambahkan lagi bidang kemahiran dalam industri ini melalui latihan di dalam dan di luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, industri penerbangan di Malaysia pada umumnya mempunyai peluang masa depan yang cerah. Industri ini dipilih untuk digalakkan dan dibangunkan kerana ia akan memberi peluang bagi Malaysia untuk melangkah ke hadapan kepada satu negara perindustrian dalam usaha untuk mencapai Wawasan 2020. Selain daripada itu, sebagai industri yang strategik, sememangnya wujud ruang pasaran yang luas untuk keluaran kapal terbang khususnya pengeluaran kapal terbang kecil di pasaran antarabangsa. Ini dapat dibuktikan bahawa sekarang ini amat kurang sekali pengeluar-pengeluar kapal terbang kecil di dunia. Pengeluar-pengeluar kapal terbang kecil utama di dunia, iaitu "Cessna" dan "Piper" yang beroperasi di Amerika Syarikat dahulunya menguasai 80% pasaran dunia. Walau bagaimanapun, kini kedua-dua syarikat ini hanya menumpukan perhatian kepada industri pembuatan kapal terbang besar dan sederhana sahaja. Mereka tidak lagi menjadi pengeluar kepada kapal terbang-kapal terbang kecil dunia. Sebahagian besar dari kapal terbang-kapal terbang kecil, terutama di Amerika Syarikat, kini telah berusia lebih dari 25 tahun dan mengalami pelbagai ubahsuai serta memerlukan baikpulih.

Menyedari akan wujudnya kekosongan dan peluang-peluang pasaran antarabangsa inilah, maka Kerajaan telah mengambil keputusan untuk membeli Eagle Aircraft yang beroperasi di Australia. Keputusan ini merupakan satu

langkah yang tepat dan kena pada masanya. Adalah dijangkakan sekiranya Malaysia dapat menguasai antara 20% hingga 30% pasaran kapal terbang kecil dunia, ianya dianggap sebagai suatu kejayaan serta menguntungkan. Pada masa ini, Syarikat Eagle Aircraft Malaysia Sdn. Bhd. telah mengambilalih kesemua saham-saham Eagle Aircraft International yang beribu pejabat di Australia. Kerajaan sememangnya menyedari bahawa industri pembuatan dan pengeluaran kapal terbang melibatkan perbelanjaan yang besar. Walau bagaimanapun, perlu dijelaskan bahawa kemasukan Malaysia dalam industri ini adalah secara beransur-ansur, iaitu di tahap pengeluaran kapal terbang-kapal terbang kecil kos sederhana sahaja di peringkat permulaannya.

Kerajaan sememangnya bercadang untuk membawa balik teknologi dan kepakaran pembuatan kapal terbang ke Malaysia dan seterusnya memulakan satu era baru, iaitu mewujudkan industri penerbangan di Malaysia. Untuk jangka-masa panjang, tentulah Malaysia akan terus memajukan lagi industri ini kepada industri penerbangan yang lebih canggih dan berupaya mengeluarkan kapal terbang-kapal terbang yang lebih besar dan moden yang memerlukan teknologi yang tinggi.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berlandaskan kepada perkembangan diplomatik terakhir di antara Malaysia dengan Australia, adakah Kerajaan bercadang untuk membawa balik seluruh operasi Eagle Aircraft ini ke Malaysia secara segera.

Yang keduanya, saya ingin dapat tahu berapa banyakkah peratusan saham yang dimiliki oleh Kerajaan Malaysia dalam operasi pengeluaran kapal terbang ini dan adakah Kerajaan juga mempunyai rakan kongsi yang lain di dalam urusan ini?

Datuk S. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, kerjasama antara pihak Malaysia dan Eagle Aircraft Sdn. Bhd. ialah di atas satu perjanjian yang telah pun dibuat antara pihak kita dengan pihak Australia. Ini akan dijalankan sebagaimana yang telah dipersetujui dalam perjanjian itu dan tidak akan dijelaskan oleh mana-mana pihak khususnya daripada apa yang telah berlaku di dalam perhubungan diplomatik di antara Malaysia dan Australia pada masa kini.

Berhubung dengan peratus saham yang dipunyai oleh pihak Kerajaan dan juga pihak swasta, saya tidak ada angka-angka yang tepat, saya memerlukan notis dan akan memberi jawapan secara bertulis.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Tuan Haji Mohamad bin Sabu.

(Soalan No. 3 — Y.B. Tuan Haji Mohamad bin Sabu tidak hadir)

PENCEMARAN UDARA DI KUALA LUMPUR — TAHAP BAHAYA

4. Dr. Kua Kia Soong minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

- (a) apakah langkah-langkah kecemasan yang telah diambil oleh Kerajaan berhubung dengan pengumuman bahawa konsentrasi pencemaran udara di kawasan Kuala Lumpur telah melebihi tahap bahaya;
- (b) adakah Jabatan Alam Sekitar mengenalpasti punca utama pencemaran udara ini, jika ya, apakah puncanya; dan
- (c) berapa banyak firma yang bertanggungjawab dalam mencemarkan persekitaran yang telah didakwa sejak tahun 1980 dan apakah hukuman yang dikenakan ke atas perbuatan mereka.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Peter Chin Fah Kui): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat kepekatan tahap pencemaran udara di kawasan Kuala Lumpur pada masa sekarang belum mencapai taraf berbahaya. Apa yang sebenarnya ialah paras bahan pencemaran udara seperti gas nitrogen dioksid dan karbon monoksid di sebahagian jalan raya yang sesak telah mencapai nilai garis panduan yang disyorkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Kadang-kala paras bahan pencemaran gas karbon monoksida dan oksid-oksida nitrogen melebihi nilai garis panduan berkenaan terutamanya pada waktu-waktu keadaan lalulintas menjadi terlalu sesak, cuaca yang panas dan angin yang stabil. Keadaan ini menyebabkan bahan pencemaran meningkat sedikit demi sedikit sehingga mencapai atau melebihi paras garis panduan WHO.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan memang menyedari perkara ini dan langkah-langkah kawalan sewajarnya sedang diambil bagi mengatasinya. Satu pasukan petugas yang dianggotai oleh pelbagai agensi Kerajaan telah ditubuhkan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar bagi merangka pelan tindakan untuk menangani masalah ini. Pelan tindakan ini mengandungi tindakan-tindakan, antaranya adalah mengurangkan kandungan sulfur dan plumbum dalam bahan api; menukarkan penggunaan bahan api petrol dan

disel kepada gas asli dalam kedua-dua sektor pengangkutan dan industri; mewujudkan sistem pengangkutan awam yang lebih cekap dan berkesan seperti "Light Railway Transit", "City Bus" dan "KTM Commuter"; mengadakan sistem pengurusan trafik yang lebih baik dan menggubal undang-undang baru yang lebih ketat bagi mengawal pelepasan asap dan gas-gas dari kenderaan bermotor. Dengan adanya pelan tindakan seperti ini, kualiti udara khususnya di Kuala Lumpur akan bertambah baik pada masa hadapan.

- (b) Punca utama pencemaran udara khususnya di Kuala Lumpur adalah dari kenderaan bermotor. Mengikut kajian yang dijalankan pada tahun 1992 yang lalu, 67% beban pencemaran gas oksid-oksida nitrogen dan 100% beban karbon monoksid adalah berpunca dari kenderaan bermotor.
- (c) Nama-nama individu atau firma yang dikesan bertanggungjawab terhadap pencemaran udara di sekitar alam sekitar Kuala Lumpur akan dikenakan tawaran kompaun atau diambil tindakan mahkamah. Sejak tahun 1980 sehingga pertengahan tahun 1993, sebanyak 472 kes pencemaran udara telah dikompaun kerana melanggar peraturan yang berkaitan dan denda sebanyak RM200,000 telah dibayar. Dalam masa yang sama, sebanyak 50 kes telah didakwa kerana melanggar peraturan yang berkaitan dan denda sebanyak RM100,000 telah dibayar atas denda-denda yang dikenakan oleh mahkamah.

Dr. Kua Kia Soong: Tuan Yang di-Pertua, soalan 'tambahan. Saya rasa Timbalan Menteri telah memberi satu gambaran situasi pencemaran udara yang begitu baik. Kalau laporan surat khabar yang dikawal oleh Barisan Nasional boleh dipercayai, saya ada baca bahawa seorang Ahli National Haze Council telah mengatakan situasi pencemaran udara di Kuala Lumpur akan meningkat ke tahap atau situasi seperti di Bangkok. Bangkok memang ada reputasi sebagai sebuah pusat bandar raya dalam dunia yang terkotor sekali. Tetapi gambaran yang diberi oleh Timbalan Menteri begitu baik. Adakah ini bukan sahaja satu krisis alam sekitar dalam Malaysia tetapi juga satu krisis keyakinan Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar? Saya hendak tahu adakah Kementerian akan gubalkan undang-undang atau syarat-syarat yang lebih tegas terhadap kilang-kilang dan projek-projek industri yang lain yang mencemar?

Yang kedua, adakah Kementerian foresee, dengan izin, situasi seperti ini dan ahli National Haze Council itu juga kata situasi yang begitu buruk adalah oleh sebab Kerajaan tiada wujudkan satu sistem pengangkutan awam supaya situasi yang disebabkan oleh projek-projek seperti projek Proton yang mengakibatkan situasi yang lebih buruk ini?

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, krisis alam sekitar yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling Jaya ini, saya rasa ini pertama kali yang saya dengar dan juga dihebahkan oleh sesiapa juga.

Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan saya tadi, saya sudah sebut pihak Kerajaan telah ambil perhatian tentang perkara peningkatan tahap pencemaran udara di Kuala Lumpur dan telah mengambil tindakan seperti yang saya nyatakan tadi, termasuk apa yang disebutkan oleh Ahli

Yang Berhormat, iaitu mewujudkan sistem pengangkutan awam yang lebih berkesan. Perkara-perkara seperti ini telah diambil perhatian dan satu pasukan petugas (task force) telah diwujudkan dalam Kementerian untuk merangka pelan-pelan tindakan ini. Saya rasa, kalau Ahli-ahli Yang Berhormat sabar sedikit, pelan-pelan tindakan ini akan diumumkan tidak berapa lama lagi, macam mana tindakan akan diambil untuk mengurangkan pencemaran di sekitar Kuala Lumpur ini.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, tentang langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian berkenaan dan keupayaan pelaksanaannya, oleh sebab saya datang dari Bandar Kuching, maka selalu ada peluang untuk berjalan kaki di Kuala Lumpur ini. Jikalau Yang Berhormat Timbalan Menteri jalan kaki di Jalan Batu, Jalan Tuanku Abdul Rahman, Jalan Tun Perak dan sebagainya susah mahu bernafas. (*Ketawa*) Betul! Perempuan-perempuan semua tutup mulut, tutup hidung – tidak boleh tahan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, asap daripada kenderaan-kenderaan awam seperti bas-bas, bas-bas mini, lori-lori, saya rasa sendirilah tanpa ada data saintifik atau apa-apa, memang sudah melebihi.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, jangan berucap. Apa soalan Yang Berhormat?

Tuan Sim Kwang Yang: Soalan saya, bagaimanakah dengan angka yang diberi tadi – 50 kes yang dituduh, 100,000 kes yang dikompaunkan, bagaimanakah ini akan berjaya kecuali jika tindakan lebih keras diambil tentang syarikat-syarikat yang mengendalikan pengangkutan awam ini. Apakah akan dirancangan pada masa hadapan supaya public transport company yang utamanya disarankan sebagai pesalah-pesalah yang bersalah.

Soalan tambahan kedua, Tuan Yang di-Pertua,

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, sudah duakan?

Tuan Sim Kwang Yang: Satu sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ini yang ketiga.

Tuan Sim Kwang Yang: Okaylah.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Saya rasa satu sahaja, iaitu keupayaan bagi mengawasi keadaan pencemaran udara di Kuala Lumpur.

Tuan Yang di-Pertua, memang kita tidak nafikan, dari segi enforcement atau pelaksanaan pengawasan adalah rumit sedikit bagi pihak DOE untuk mengawal situasi 24 jam sehari lalulintas jalan raya di Kuala Lumpur ini. Saya rasa seperti Ahli-ahli Yang Berhormat di sini maklum, kadangkala pasukan pengawasan telah mengambil tindakan lalulintas jalan raya di Kuala Lumpur ini untuk mengawal situasi kereta-kereta yang melepaskan asap hitam dan kereta-kereta yang dikesan membuat bagitu telah di "compound". Inilah tindakan-tindakan sebagai satu tugas biasa yang telah dibuat oleh pihak DOE atau JPJ, Kementerian Pengangkutan (Ministry of Transport).

Perkara-perkara ini telah dijalankan seperti biasa. Apa yang patut kita sedar ialah kenderaan yang bermotor ini sentiasa meningkat bilangannya. Oleh sebab bilangan kenderaan ini meningkat maka kita dapatlah melihat lebih banyak kereta di atas jalan raya yang melanggar syarat undang-undang lalulintas tentang pelepasan asap hitam. Saya boleh memberi jaminan kepada semua Ahli Yang Berhormat di sini, termasuk Bandar

Kuching, kita cuba dengan kakitangan yang sedia ada menambah operasi ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Tuan Ahmad Shukri bin Haji Hassan.

(Soalan No. 5 — Y.B. Tuan Ahmad Shukri bin Haji Hassan tidak hadir)

ECO — MALAYSIA/IRAN MEMPERLUASKAN KERJASAMA EKONOMI

6. Puan Hajah Rakibah binti Haji Abdul Manap minta Menteri Luar Negeri menyatakan memandangkan Malaysia dan Iran telah mengambil langkah pertama merintis jalan bagi memperluaskan kerjasama ekonomi di kalangan negara anggota Pertubuhan Kerjasama Ekonomi (ECO) dengan ASEAN, apakah bidang atau projek ekonomi yang akan diusahamakan.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan): Tuan Yang di-Pertua, Pertubuhan Kerjasama Ekonomi (ECO) ialah satu pertubuhan serantau yang dianggotai oleh Iran, Turki, Pakistan, Afghanistan, Azerbaijan, Kazakhstan, Kirgiztan, Tadjikistan, Turkmenistan dan Uzbekistan. Hubungan di antara ASEAN dan ECO masih lagi di peringkat permulaan.

Pada bulan Januari tahun ini, Setiausaha Agung ECO telah menjemput Setiausaha Agung ASEAN untuk melawat Ibu Pejabat ECO di Taheran. Jemputan ini telah disambut baik oleh ASEAN dan Setiausaha Agung ASEAN diharap dapat memenuhi undangan tersebut pada bulan April tahun hadapan. Dari lawatan beliau kelak, ASEAN bolehlah mengkaji modaliti-modaliti dan bidang-bidang kerjasama yang sesuai bagi menjalin hubungan antara ASEAN dan ECO.

BUKU-BUKU — PENGENAAN CUKAI TINGGI

7. **Puan Siti Zainabon binti Abu Bakar** minta Menteri Kewangan menyatakan mengapakah cukai yang dikenakan pada buku-buku terlalu tinggi sedangkan Kerajaan menggalakkan rakyat supaya membaca.

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, semua buku tidak dikenakan sebarang duti ataupun cukai. Itu sahaja, terima kasih. (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Tuan Wong Sing Nang.

(*Soalan No. 8 — Y.B. Tuan Wong Sing Nang tidak hadir*)

PEKERJA ESTET — SISTEM PENCEN

9. **Dr. T. Marimuthu** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan bolehkah Kerajaan memperkenalkan "sistem pencen" kepada pekerja-pekerja estet melalui kemudahan 'kewangan SOCSO'.

Timbalan Menteri Sumber Manusia (Dato' M. Mahalingam): Tuan Yang di-Pertua, buat sementara waktu Kerajaan tidak ada apa-apa rancangan untuk memperkenalkan sistem pencen untuk pekerja-pekerja estet.

Tuan Fong Kui Lun: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sumber kewangan bagi pekerja-pekerja ladang untuk menghadapi hari tua ialah simpanan dalam KWSP. Selain itu, adakah Kerajaan menggalakkan ladang-ladang mewujudkan Staff Provident Fund untuk para pekerja masing-masing. Jika digalakkan, apakah nama ladang-ladang yang mempunyai kemudahan ini?

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, ini satu isu yang spesifik, saya minta notis dari Yang Berhormat berkenaan.

Dr. T. Marimuthu: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian Sumber Manusia mempunyai skim-skim yang lain yang boleh menjamin financial security kepada pekerja-pekerja estet apabila mereka bersara dari estet-estet itu?

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, sektor estet dan sektor swasta memang ada perjanjian antara NUPW dan MAPA, dan Kerajaan tidak terlibat dalam hal ini.

LEBUH RAYA GUA MUSANG — LOGING SIMPANG PULAU (PERAK) — PEMBINAAN

10. **Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob** minta Menteri Kerja Raya menyatakan kenapakah Projek Lebuhraya Gua Musang-Loging Simpang Pulau (Perak) ditangguhkan pembinaannya.

Timbalan Menteri Kerja Raya (Tuan Kerk Choo Ting): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebenarnya projek yang dimaksudkan itu bukanlah ditangguhkan tetapi ianya dilaksanakan secara berperingkat-peringkat mengikut keperluan semasa memandangkan peruntukan Rancangan Malaysia Keenam yang telah diluluskan tidak dapat menampung kos pembinaan bagi keseluruhan projek ini yang mengandungi 8 pakej.

Setakat ini, hanya Pakej 1 iaitu Jalan Simpang Pulai ke Pos Slim di negeri Perak sepanjang 27km sahaja sedang dalam pembinaan. Kemajuan sebenar projek ini ialah 88%.

Bagi Pakej 2 pula, iaitu Jalan Pos Slim ke Loging yang panjangnya 31km di sempadan negeri Perak, negeri Pahang dan negeri Kelantan, dan Pakej 7, iaitu jalan dari Jambatan Pasir Pulau ke Kampung Teris sepanjang 34 km di negeri Terengganu, tawaran dijangka dikeluarkan pada awal tahun 1994. Pakej-pakej yang lain akan dilaksanakan berperingkat-peringkat dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Nampaknya pembinaan Lebuh Raya antara Gua Musang-Loging Simpang Pulai ini perlahan sangat. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu dalam jangka masa beberapa tahun semua projek ini akan selesai kesemuanya.

Satu lagi, baru-baru ini kalau tidak silap saya, Yang Berhormat Menteri mengumumkan bahawa satu lagi rangkaian Lebuh Raya yang menghubungkan Hulu Kelantan dengan Terengganu akan dilancarkan dalam Budget baru-baru ini, kalau tidak silap saya.

TEKNOLOGI CANGGIH — HASIL PENYELIDIKAN

11. Tuan Saidin @ Yusof bin Adam minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan berapa banyakkah hasil penyelidikan teknologi canggih yang dibuat oleh para cendekiawan negara pada setiap tahun. Baru-baru ini sahaja, dua orang pensyarah dari Fakulti Kejuruteraan UTM telah mencipta sebuah pesawat ringan dua tempat duduk. Apakah ciptaan mereka ini akan disalurkan kepada sumber-sumber tertentu untuk dimanfaatkan.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sumbangan sektor swasta dalam memajukan bidang penyelidikan dan pembangunan (R & D) masih belum

menepati sasaran-sasaran iaitu 40% dari jumlah pelaburan R&D negara. Pada masa ini sektor swasta adalah dalam lingkungan 20% daripada pelaburan R&D negara. Bagi menggalakkan kegiatan R&D di sektor swasta, Kerajaan telah memperkenalkan beberapa insentif cukai seperti potongan cukai dua kali bagi aktiviti R&D, elaun bangunan industri dan sebagainya. Berkenaan peruntukan sektor swasta bagi R&D, ingin dimaklumkan Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar tidak mempunyai maklumat menyeluruh mengenai peruntukan sektor swasta dalam kegiatan R&D oleh sebab sektor swasta tidak diwajibkan mengemukakan maklumat mengenai perkara ini kepada Kementerian saya. Walau bagaimanapun mengikut data daripada Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA), nilai perbelanjaan R&D oleh sektor swasta yang diberi insentif potongan cukai dua kali bagi tempoh mulai tahun 1984 sehingga Julai 1993 adalah RM134.2 juta. Sehubungan dengan kegiatan R&D di sektor awam, sukacita dimaklumkan bahawa sumbangan Kerajaan dalam pelaburan R&D melalui program "Intensification of Research by Priority Areas" atau dengan singkatnya IRPA adalah RM413.8 juta dalam Rancangan Malaysia Kelima dan RM558.2 juta dalam Rancangan Malaysia Keenam.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah hasil penemuan penyelidikan dari universiti-universiti dan institusi-institusi penyelidikan yang berpotensi untuk dimajukan untuk kegunaan industri adalah sebanyak 140. Daripada jumlah ini sebanyak 64 hasil R&D sedang giat diperdagangkan oleh pihak Malaysian Technology Development Corporation Sdn. Bhd. (MTDC) dan universiti/institusi penyelidikan masing-masing. Hasil-hasil R&D yang berpotensi dimajukan untuk maksud komersialisasi termasuklah teknologi baru, produk-produk dan proses-proses.

Jenis penggalakan yang disediakan untuk memajukan penemuan-penemuan R&D berpotensi adalah:

- (i) Pemberian wang pendahuluan untuk melaksanakan kajian kebolehlaksanaan (feasibility studies). Perkhidmatan ini adalah dilaksanakan oleh pihak Malaysian Technology Development Corporation (MTDC).
- (ii) Bantuan dalam mepakejkan hasil penyelidikan dalam bentuk "investment plan" untuk memudahkan pemasaran hasil R&D dilaksanakan oleh MTDC.
- (iii) Bayaran pendaftaran paten di beberapa institusi penyelidikan dan universiti.
- (iv) Peruntukan di bawah Pelan Tindakan Teknologi (Technology Action Plan) untuk membiayai fasa pembangunan projek-projek R&D.

Berkenaan projek pesawat ringan dua tempat duduk yang sedang diusahakan oleh pensyarah-pensyarah Universiti Teknologi Malaysia, sukacita dimaklumkan bahawa projek ini masih di peringkat ujian dan cubaan. Sekiranya projek ini berjaya, ia berpotensi dikomersialisasikan oleh mana-mana pihak sebagai pesawat terbang kelas pelatih dan riadah.

- (a) Sumbangan sektor dalam memajukan bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D) masih belum menepati sasaran, iaitu 40% dari jumlah

pelaburan R&D negara. Pada masa ini, sumbangan sektor swasta adalah dalam lingkungan 20% daripada pelaburan R & D negara. Bagi menggalakkan kegiatan R&D di sektor swasta, Kerajaan telah memperkenalkan beberapa insentif cukai seperti potongan cukai dua kali bagi kategori R&D, elaun bangunan industri dan sebagainya.

- (b) Berkenaan peruntukan sektor swasta bagi R&D, ingin dimaklumkan, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar tidak mempunyai maklumat mengelirukan mengenai peruntukan sektor swasta dalam kegiatan R&D oleh sebab sektor swasta tidak diwajibkan mengemukakan maklumat mengenai perkara ini kepada Kementerian saya. Walau bagaimanapun, mengikut data daripada Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA), nilai perbelanjaan R&D oleh sektor swasta yang diberi insentif potongan cukai dua kali bagi tempoh mulai tahun 1984 hingga Julai 1993 adalah RM134.2 juta.
- (c) Sehubungan dengan kegiatan R&D dalam sektor swasta, sukacita dimaklumkan bahawa sumbangan Kerajaan dalam pelaburan R&D melalui program Intensification of Research By Priority Areas (IRPA), adalah RM413.8 juta dalam Rancangan Malaysia Kelima dan RM558.2 juta dalam Rancangan Malaysia Keenam.

Tuan Wong Wing On: Tuan Yang di-Pertua, rancangan R&D ini memang penting untuk mempertingkatkan pertumbuhan ekonomi Malaysia. Tetapi masalah yang saya nampak adalah, sumber tenaga manusia intelektual seperti saintis, jurutera dan sebagainya. Saya ingat ada dua sumber yang penting iaitu bekas-bekas warganegara Malaysia yang pernah menjadi warganegara asing seperti Australia, New Zealand, England dan sebagainya. Tetapi, sekarang ada satu trend bahawa mereka hendak pulang dan kembali ke tanah air untuk berkhidmat. Apa yang saya hendak tahu ialah, ini adalah sumber manusia yang amat penting. Adakah Kementerian akan menubuhkan satu unit untuk menolong mereka untuk mencadangkan kepada Kementerian Dalam Negeri supaya memudahkan proses mereka untuk mendapat semula kerakyatan Malaysia. *(Disampuk)*

Yang kedua ialah, apakah usaha Kementerian untuk mendapat perkhidmatan dari saintis-saintis bekas Soviet Union dan bekas Eropah Barat yang memang bertaraf tinggi seperti dalam sains aerospace.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Terima kasih Ahli Yang Berhormat dari Kampar. Memang ada program yang kita cuba laksanakan untuk menggalakkan saintis-saintis yang berada di luar negeri pulang ke tanah air kita. Perkara ini masih dalam peringkat akhir dikaji dan satu kertas akan dihantarkan kepada pihak Jemaah Menteri untuk diluluskan tidak berapa lama lagi.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang galakan yang diberikan oleh pihak Kerajaan kepada R & D sama ada pihak Kerajaan akan membenarkan sebuah syarikat asing yang mengkhususkan usaha

mereka terhadap R&D sahaja dimiliki secara keseluruhannya atau 100% ekuitinya oleh orang asing dan juga bahawa kakitangan atau penyyclidik terdiri daripada orang-orang asing tanpa mengikuti syarat-syarat seperti yang ditetapkan sekarang dalam garis panduan galakan untuk pelabur asing.

Kedua, kalau pihak Kerajaan tidak berminat berbuat demikian, adakah pihak Kerajaan akan membenarkan satu offshore R&D seperti yang dilakukan oleh pihak Kerajaan untuk offshore financing supaya negara dapat menikmati usaha atau keputusan daripada penyelidikan yang dibuat seperti ini demi membantu pembangunan ekonomi negara?

Tuan Peter Chin Fah Kui: Untuk makluman Yang Berhormat, perkara-perkara yang ditanya tadi ialah di bawah bidangkuasa Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan juga pihak MIDA. Pihak Kementerian saya cuba untuk mengkoordinatkan syarat-syarat yang ditetapkan untuk syarikat-syarikat asing yang hendak membuat usaha-usaha penyelidikan dan pembangunan di negara kita. Sama ada syarat-syarat yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, ini saya belum dapat mengenalpasti.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Tuan Jawah anak Gerang.

(Soalan No. 12 — Y.B. Tuan Jawah anak Gerang tidak hadir)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Puan Lim Lay Hoon.

(Soalan No. 13 — Y.B. Puan Lim Lay Hoon tidak hadir)

HUBUNGAN DUA HALA MALAYSIA — UZBEKISTAN

14. Tuan Ahmad bin Omar minta Menteri Luar Negeri menyatakan semenjak wujudnya hubungan kerjasama antara Malaysia dan Republik Uzbekistan, apakah bentuk usahasama yang telah diwujudkan sama ada dalam bidang ekonomi, pendidikan, agama, kebudayaan dan lain-lain.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan): Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha untuk mengeratkan hubungan dua hala dan kerjasama antara Malaysia dan Uzbekistan, Kerajaan telah menubuhkan Kedutaan Malaysia di Tashkent, Uzbekistan pada bulan Jun 1993.

Semenjak Republik Uzbekistan mencapai kemerdekaannya pada bulan Ogos 1991, Kerajaan Malaysia telah menandatangani empat perjanjian dua hala dengan Kerajaan Uzbekistan, iaitu:

- (i) Perjanjian Kerjasama Kebudayaan dan Sainifik;
- (ii) Perjanjian Kerjasama Ekonomi dan Teknikal;
- (iii) Perjanjian Perkhidmatan Udara; dan
- (iv) Perjanjian Pengaturan Pembayaran Dua Hala.

Berbagai usaha telah pun diwujudkan di antara Malaysia dan Uzbekistan dan ianya merangkumi berbagai bidang seperti berikut:

Bidang Ekonomi

Pakar-pakar pertanian dari Institut Bio-organik Kimia Akademi Sains Uzbek dan MARDI telah bekerjasama dan

mewujudkan hubungan di antara kedua-dua institusi penyelidikan. Satu memorandum persefahaman telah ditandatangani pada 15hb Januari 1992, di mana kedua-dua pihak telah bersetuju untuk bertukar-tukar maklumat mengenai penyelidikan dan teknologi pengeluaran makanan.

Di samping itu, pihak sektor swasta dan ahli-ahli perniagaan Malaysia juga telah mengambil kesempatan hubungan dua hala yang baik ini untuk melibatkan diri di dalam usaha-usaha perlombongan minyak, gas serta emas, pembinaan hotel dan pejabat, telekomunikasi, industri pemprosesan kapas, pembuatan coklat dan perbankan. Terdapat juga beberapa orang artisan Uzbekistan yang diambil bekerja untuk menghiasi dan memplaster siling serta dinding sebuah masjid di Langkawi.

Bidang Pendidikan

Dalam bidang pendidikan, terdapat beberapa orang penuntut-penuntut Uzbekistan yang melanjutkan pelajaran mereka di UIA. Untuk semester dua sesi 1993/94 UIA telah juga menawarkan sebanyak 10 tempat untuk penuntut-penuntut dari Uzbekistan.

Kementerian Pendidikan juga bercadang untuk memperolehi pensyarah-pensyarah dari Uzbekistan dalam bidang-bidang sains dan teknologi serta perubatan, kejuruteraan, sains komputer, perakaunan, arkitek, komunikasi massa, pertanian, perikanan dan perhutanan.

Bidang Agama

Dalam bidang agama pula, dalam usaha untuk mengeratkan lagi hubungan kerjasama dalam bidang agama, beberapa lawatan telah diadakan oleh pegawai-pegawai dari Pusat Islam serta Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri ke Uzbekistan.

Di samping itu, Uzbekistan juga telah menyertai sebagai pemerhati di Majlis Tilawah Membaca Al-Quran peringkat antarabangsa pada tahun 1989 dan 1990. Sejak 1991, Uzbekistan telah menghantar wakilnya untuk menyertai Majlis Tilawah Membaca Al-Quran.

Kebudayaan

Dalam mengeratkan hubungan kebudayaan pula, suatu "Minggu Malaysia" telah diadakan di Tashkent pada September 1990 serta bulan Oktober 1992. Satu "Minggu Filem Uzbek" juga telah diadakan di Kuala Lumpur pada bulan Disember 1992. Ianya diadakan untuk mempamerkan dan mempersembahkan seni kebudayaan kedua-dua buah negara.

Lain-lain

Akhirnya, suatu kursus latihan diplomasi telah juga diadakan di Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negeri di Malaysia di bawah program Kerjasama Teknikal Malaysia (MTCP) untuk melatih pegawai-pegawai diplomat dari Uzbekistan serta negara-negara lain daripada Asia Tengah yang telah pun tamat diadakan.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sedikit penjelasan. Iaitu saya difahamkan Uzbekistan ini adalah sebuah republik yang terkenal dengan teknologi tinggi di dalam pembuatan kapal terbang. Malah kapal terbang kargo yang terbesar yang dipamerkan di pameran LIMA '93 di Langkawi ini adalah dibuat di Uzbekistan. Adakah Kerajaan bercadang untuk mengadakan usahasama ataupun mengadakan transfer of technology daripada Uzbekistan ke Malaysia supaya syarikat Eagle Aircraft (M) Sdn. Bhd. ini yang diusahasama di antara Malaysia dengan Australia dapat kita ketepikan dan kita adakan usahasama di antara Uzbekistan dengan Malaysia?

Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, Eagle Aircraft sudah pun kita ambil alih sahamnya sepenuh daripada pihak Australia. Kini 100% Malaysia punya. Berkenaan dengan kerjasama dalam bidang pembuatan kapal terbang dengan pihak Uzbekistan, ianya masih dalam tinjauan kita dan kita sedang melihat sama ada kita boleh mendapatkan transfer of technology daripada Kerajaan ataupun syarikat di Uzbekistan untuk kita bawa ke Malaysia.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh kerana Uzbekistan adalah bekas negara yang pernah dijajah oleh komunis, apakah pemulihan pemikiran yang dilakukan oleh Malaysia bersama-sama dengan negara Islam bagi membantu ke arah pemulihan pemikiran yang dikongkong oleh saki-baki fahaman komunis supaya kembali kepada ajaran Islam yang tulen?

Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, kita telah memberitahu tadi bahawa sebenarnya kita mempunyai banyak pertukaran pakar-pakar agama daripada Malaysia khususnya ke Uzbekistan dan juga membawa pakar-pakar agama dari Uzbekistan datang ke Malaysia dan daripadanya kita dapatlah bertukar-tukar pandangan, dan sedikit-sebanyak memberi sedikit galakan atau memberi sedikit petunjuk tentang cara-cara yang kita boleh meningkatkan semula peningkatan agama di Uzbekistan secara perlahan-lahan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Dr. Sanusi bin Daeng Mariok.

(Soalan No. 15 — Y.B. Dr. Sanusi bin Daeng Mariok tidak hadir)

**PELABURAN — BILANGAN
PELABUR ASING**

16. Tuan Haji Mahbud bin Haji Hashim minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan berapakah bilangan pelabur asing yang melabur di negara ini, dan negara manakah yang paling besar membuat pelaburannya.

Datuk S. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, dalam tempoh 1990 hingga September 1993, sejumlah RM95,255 juta projek perkilangan telah diluluskan di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian 1975 yang melibatkan penyertaan ekuiti asing. Dari jumlah tersebut kira-kira RM56,038 juta atau 59% adalah dari sumber asing dan RM39,187 juta atau 41% adalah melibatkan sumber domestik.

Negara Taiwan mendahului negara-negara lain dengan jumlah pelaburan asing sebanyak RM11,766 juta. Ia diikuti oleh Jepun, RM11,578 juta; Amerika Syarikat RM6,123 juta; Perancis RM4,138 juta; United Kingdom RM3,177 juta dan Indonesia RM2,990 juta.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Tuan Joseph Mauh anak Ikeh.

(Soalan No. 17 — Y.B. Tuan Joseph Mauh anak Ikeh tidak hadir)

**PUSAT PERTUMBUHAN DESA —
PENCAPAIAN PROJEK**

18. Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan apakah pencapaian projek-projek Pusat Pertumbuhan Desa yang dilancarkan oleh agensi-agensi pembangunan wilayah. Wilayah manakah yang paling berjaya di dalam bidang ini?

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar (Dato Mohamed bin Jamrah): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, Program Pusat Pertumbuhan Desa adalah merupakan satu program yang panjang yang berasaskan pendekatan Hala Cara Baru dan mempunyai matlamat untuk membangun dan memodenkan kawasan luar bandar melalui proses perbandaran.

Pusat Pembangunan Desa berfungsi sebagai pusat perkhidmatan kepada rangkaian kampung-kampung di sekitarnya di mana kemudahan-kemudahan masyarakat dan infrastruktur dibekalkan bagi menampung keperluan sekurang-kurangnya 2,500 orang penduduk.

Pusat Pembangunan Desa dibangunkan berasaskan kedudukan yang strategik dan boleh menjadi 'catalyst' kepada pembangunan kampung-kampung yang terlibat.

Jumlah pusat-pusat pertumbuhan yang dirancang dan dibangunkan oleh tujuh buah agensi Lembaga Kemajuan Wilayah (LKW) ialah sebanyak 36 buah. Melalui program ini LKW telah berjaya menempatkan seramai 248,711 orang penduduk. Antara kemudahan-kemudahan yang disediakan ialah perumahan dan ruang niaga bagi menggalakkan penglibatan usahawan bumiputera bergiat dalam sektor industri.

Di bawah program perumahan pula, secara keseluruhannya, LKW telah membina sebanyak 29,102 unit rumah berbagai jenis. Manakala bagi ruang niaga, sebanyak 1,026 unit ruang niaga telah dapat dibina. Dari segi bilangan peniaga pula, seramai 744 orang telah mendapat faedah daripada program ini. Keadaan ini menunjukkan kesemua LKW telah berjaya membangunkan pusat-pusat pertumbuhan ini bagi mencapai hasrat dan tujuan asalnya. Dari segi bilangannya, sebahagian

besar pusat-pusat itu terdapat di kawasan DARA diikuti oleh KETENGAH dan KEJORA. Bagaimanapun, bagi Projek Pusat Pembangunan Desa di luar kawasan wilayah, perlaksanaannya memerlukan kerjasama dengan Kerajaan Negeri.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen mengatakan tadi bahawa Program Pusat Pembangunan Desa adalah merupakan suatu program jangka panjang. Jadi apakah justifikasi bagi pihak Kerajaan untuk menutup semua agensi pembangunan wilayah yang menguruskan Pusat-pusat Pembangunan Desa ini?

Dato Mohamed bin Jamrah: Tuan Yang di-Pertua, justifikasinya kerana kita akan memberi peluang kepada pihak swasta untuk mengendalikan pembangunan Lembaga Kemajuan Wilayah ini.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen mengatakan pihak swasta akan diberi amanah untuk menjalankan pembangunan wilayah. Adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedar bahawa apabila benda ini diswastakan, syarikat-syarikat ini akan mengaut keuntungan? Jadi, beban tanggungan itu kelak akan ditanggung oleh masyarakat-masyarakat di luar bandar? Kenapakah Kerajaan bercadang untuk menswastakan pembangunan wilayah kerana ini adalah tanggungjawab Kerajaan untuk membangunkan masyarakat di luar bandar?

Dato Mohamed bin Jamrah: Tuan Yang di-Pertua, yang akan diswastakan ialah komponen-komponen daripada projek itu. Dan berkenaan dengan mengapakah ia diswastakan dan adakah tidak ia membebaskan kepada peserta-

peserta; jawabnya, yang akan diswastakan ialah LKW yang berasaskan kepada 'land-based prosperity' sahaja.

AIR/ELEKTRIK DAN TELEFON KE SEMUA KAMPUNG — BEKALAN

19. Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan seperti berikut:

- (a) bilakah semua kampung-kampung di Malaysia akan dibekalkan telefon, air dan elektrik;
- (b) adakah sedar bahawa klinik-klinik desa belum mencukupi; dan
- (c) adakah sedar bahawa dewan-dewan orang ramai sudah tidak sesuai lagi bagi Wawasan 2020. Kalau sedar, apakah tindakan yang akan diambil.

Dato Mohamed bin Jamrah: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Mengikut perancangan Kerajaan, semua kampung di Malaysia akan mendapat bekalan air dan api pada akhir tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh iaitu pada tahun 2000. Mengenai pembekalan telefon pula, matlamat Telekom Malaysia adalah untuk menyediakan satu telefon awam bagi setiap kampung di seluruh negara pada akhir tahun 1995. Oleh itu, Telekom Malaysia telah memperuntukkan sebanyak RM2.2 bilion bagi tempoh Rancangan Malaysia Keenam untuk membangunkan telekomunikasi di luar bandar.

- (b) Kerajaan sentiasa memberi keutamaan terhadap perkhidmatan perubatan dan kesihatan untuk penduduk luar bandar dengan cara menambah kemudahan-kemudahan kesihatan atau menaikkan taraf kemudahan-kemudahan kesihatan yang sedia ada. Pembinaan klinik desa adalah berdasarkan kepada norma yang ditetapkan iaitu sebuah klinik bagi 2,000 hingga 4,000 penduduk. Sehingga sekarang terdapat sebanyak 1,276 buah klinik desa di seluruh Malaysia.

Di bawah Rancangan Malaysia Keenam, sebanyak 189 klinik desa lagi telah diluluskan pembinaannya dan dari jumlah tersebut, sebanyak 118 klinik desa telah siap dibina.

Untuk memberi perkhidmatan kesihatan yang terbaik, Kementerian Kesihatan juga telah menyewa beberapa buah rumah atau bangunan persendirian untuk dijadikan klinik desa untuk menampung kekurangan. Selain daripada itu, perkhidmatan kesihatan luar bandar akan membina klinik desa yang baru dari masa ke semasa mengikut keperluan masyarakat tempatan.

- (c) Kementerian Pembangunan Luar Bandar tidak terlibat dalam program menyediakan dewan-dewan orang ramai dan pembinaannya pada masa ini adalah berdasarkan kepada spesifikasi yang ditetapkan oleh Pejabat-pejabat Daerah atau Pihak Berkuasa Tempatan yang

dikira mengambil asas-asas seperti kesesuaian tempat, mengikut jumlah penduduk dan kos pembinaan yang munasabah.

Jika sekiranya Yang Berhormat mendapati ada dewan orang ramai yang dibina tidak lagi bersesuaian dengan Wawasan 2020, maka adalah wajar perkara tersebut dikemukakan kepada pihak yang bertanggungjawab menyediakan kemudahan ini untuk mengkaji pengubahsuaian.

Tuan Chian Heng Kai: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Kerajaan sedar bahawa salah satu sebab iaitu penduduk-penduduk di Kampung tidak mendapat bekalan air dan elektrik adalah oleh kerana tuan tanah tidak meluluskan permohonan penduduk-penduduk di kampung itu dan mereka minta penduduk membayar satu amaun yang besar kepada tuan tanah? Mereka yang duduk di sana tidak mampu. Jadi, apakah usaha Kerajaan akan mengambil supaya masalah ini boleh dapat di atasi supaya penduduk-penduduk yang miskin boleh juga dapat bekalan air dan elektrik?

Dato Mohamed bin Jamrah: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan masalah tuan tanah tidak memberi kebenaran, kita pada mulanya meminta dan memujuk mereka memberikan kebenaran. Tetapi sekiranya, apabila perkara ini tidak boleh dilakukan juga, Kerajaan mempunyai kuasa untuk mengambil balik tanah di bawah Kanun Tanah Negara.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menjelaskan tadi bahawa pra-syarat untuk kewujudan sesuatu klinik desa adalah

2,000 hingga 4,000 penduduk bagi setiap klinik. Saya bertanya di sini, sekiranya sebuah kampung itu adalah terpencil, bermakna ia terpisah jauh daripada kelompok-kelompok kampung yang lain tetapi terdapat keperluan untuk memerlukan klinik desa, adakah kampung yang sedemikian, walaupun tidak memenuhi kriteria penduduk antara 2,000 hingga 4,000 penduduk, boleh dipertimbangkan untuk mendapat perkhidmatan klinik desa?

Dato Mohamed bin Jamrah: Tuan Yang di-Pertua, satu sahaja asas yang kita berikan tadi berkenaan dengan jumlah penduduk. Tetapi sekiranya perkara ini perlu bagi masyarakat yang terpencil, kita boleh ada kriteria-kriteria lain yang membolehkan perkara itu dipertimbangkan.

PELANCONG — GARIS PANDUAN ETIKA

20. **Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan adakah beliau sedar bahawa kedatangan pelancong-pelancong asing telah menjejaskan kebudayaan dan moral rakyat di negara ini. Adakah Kerajaan bercadang untuk mengadakan garis panduan terutama dari segi pakaian, pergaulan dan perlakuan mereka ketika mereka berada di negara ini agar sesuai dengan konsep penerapan nilai-nilai Islam.

Dato' Abdul Raman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, pada umumnya, kebudayaan dan moral rakyat negara ini adalah pada peringkat yang boleh dibanggakan. Namun begitu, bagi makluman bersama, kebudayaan dan moral rakyat boleh terjejas oleh berbagai faktor, bukan semata-mata disebabkan kedatangan

pelancong-pelancong asing. Sehingga ketika ini, Kerajaan tidak bercadang untuk mengadakan garis panduan khusus mengenai pakaian, pergaulan dan perlakuan kepada pelancong-pelancong. Walau bagaimanapun, melalui risalah-risalah dan penerbitan-penerbitan mengenai pelancongan, Kerajaan sentiasa memberi gambaran kepada para pelancong tentang nilai-nilai dan norma yang sesuai di Malaysia. Ini termasuklah dari segi pakaian, kelakuan, bahasa dan sebagainya. Dalam masa yang sama, masyarakat Malaysia sentiasa digalakkan supaya mengamalkan tata-susila dan adat ketimuran bagi dicontohi oleh para pelancong.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, adakah setakat ini dalam makluman Kementerian sama ada Kerajaan atau Negeri Kelantan telah pun mengeluarkan garis-garis tertentu sebagaimana yang dipinta oleh Yang Berhormat tadi dari segi masalah pakaian, pergaulan dan perlakuan pelancong-pelancong yang datang ke negeri Kelantan? Saya timbulkan soalan ini kerana saya lihat di negeri Kelantan sendiri pun, pelancong-pelancong terlalu bebas. Bermakna bebas dengan pakaian mengikut selera peribadi diri sendiri.

Dato' Abdul Raman bin Suliman: Untuk makluman Yang Berhormat, sepanjang yang diketahui oleh Kementerian ini, Kerajaan Negeri Kelantan sendiri pun tidak mengeluarkan arahan seperti yang disebutkan.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Soalan tambahan. Apakah Kerajaan Pusat telah pun membuat dasar mengenai pelancong asing ini untuk negeri-negeri khususnya?

Dato' Abdul Raman bin Suliman:
Boleh ulang lagi?

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Apakah sehingga setakat ini Kerajaan telah pun membuat dasar mengenai pelancong-pelancong asing, misalnya, seperti Dasar Pendidikan Negara, Dasar Ekonomi Negara dan sebagainya, khususnya untuk dipatuhi oleh negeri-negeri di Malaysia ini?

Dato' Abdul Raman bin Suliman:
Tuan Yang di-Pertua, mengenai pakaian dan perlakuan ini, kita tidak buat.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Tuan Lai Lun Tzee.

(Soalan No. 21 — Y.B. Tuan Lai Lun Tzee tidak hadir)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Tuan Mohamed Kamal bin Hussain.

(Soalan No. 22 — Y.B. Tuan Mohamed Kamal bin Hussain tidak hadir)

CAGARAN TELEFON — PENGEMBALIAN AKIBAT PEMOTONGAN BEKALAN

23. **Tuan Liew Ah Kim** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada Kerajaan akan memulangkan semula 'cagaran' kepada pengguna-pengguna telefon, berikutan tindakan mengenakan mereka bayaran RM50 untuk menyambung semula apabila dipotong dalam tempoh satu minggu tidak menjelaskan bil. Sila nyatakan definisi 'cagaran' yang dikenakan oleh Syarikat Telekom Malaysia Bhd. kepada semua pengguna-pengguna telefon.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali): Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah diterangkan sebelum ini, soal bayaran sambungan semula RM50 bukanlah satu perkara yang baru. Ianya telah pun dikenakan pada tahun 1986 iaitu sebelum Telekom Malaysia Bhd. diswastakan. Dengan demikian, soal pengembalian cagaran seperti yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat tidak timbul. Cagaran adalah merupakan sebagai satu sekuriti bagi penggunaan telefon seorang pelanggan dan jumlah ini dipungut semasa pengguna melanggan perkhidmatan telefon. Cagaran ini hanya dipulangkan setelah pelanggan tidak lagi melanggan perkhidmatan yang berkenaan.

Tuan Liew Ah Kim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Nampaknya Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak faham apa yang saya tanya. *(Ketawa)* Saya memang tahu pelaksanaan bayaran menyambung balik sebanyak RM50 apabila perkhidmatan telefon yang berkenaan telah pun diberhentikan perkhidmatan sejak tahun 1986. Itu memang betul. Tetapi

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, jangan berucap.

Tuan Liew Ah Kim: Tuan Yang di-Pertua, masalah pokok ialah sekarang Telekom telah melaksanakan ketetapan baru iaitu dalam masa seminggu sekiranya bil tidak dijelaskan, perkhidmatan akan dipotong. Itulah dalam satu minggu. Apa maknanya sekiranya Telekom mengutip cagaran (deposit), untuk apa? Saya fikir ini tidak adil kepada semua pengguna.

Beberapa Ahli: Ya, betul.

Tuan Liew Ah Kim: Ini patut dikembalikan kepada semua pengguna, sekiranya dalam seminggu hendak memotong perkhidmatan itu. Saya minta penjelasan daripada Kementerian yang berkenaan, adakah adil kepada semua pengguna sekiranya pelaksanaan yang baru ini dilakukan. Itu sahaja.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya bayaran penyambung semula sebanyak RM50 ini telah pun dikenakan sejak tahun 1986. Tetapi oleh kerana pada masa itu Telekom tidak melaksanakan perkara ini secara komputer, maka pemotongan ini lambat dijalankan. Tetapi oleh kerana di masa ini Telekom Malaysia telah menggunakan komputer dan Telekom Malaysia begitu efisien sekali, maka itulah sebabnya pelanggan-pelanggan merasakan bahawa terlalu cepat telefon mereka dipotong oleh pihak Telekom Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang dinyatakan tadi dalam masa tempoh seminggu, Telekom Malaysia memotong sekiranya tidak dibayar bil telefon. Sekiranya telefon rosak lebih daripada 4 hari, pihak Kementerian juga memberikan syarat kepada Telekom Malaysia bahawa jika dituntut oleh pelanggan, mereka mesti membayar potongan kadar sewa telefon kepada pelanggan jika kerosakan itu melebihi 4 hari.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini ada beberapa pihak yang telah pun meminta pihak Menteri supaya memanjangkan tempoh membolehkan pelanggan-pelanggan membayar bil telefon dan ini telah pun dipersetujui oleh Yang Berhormat Menteri dan akan dilaksanakan oleh pihak Telekom.

Tetapi berlainan dengan bil elektrik, Tuan Yang di-Pertua. Bil elektrik tetap setiap bulan, misalnya, RM100 atau RM200. Tetapi bil telefon, bulan ini

mungkin RM50, bulan hadapan mungkin RM500. Maka itulah sebabnya Telekom Malaysia terpaksa bertegas berkenaan dengan perkara ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut sudah cukup.

(Masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 1, 3, 5, 8, 12, 13, 15, 17, 24 dan 25 akan dijilid dalam buku berasingan)

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1994

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 1994

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan 1994 dan Usul Anggaran Pembangunan 1994" dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis. *(Hari Kesembilan)*

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

*(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Jawatankuasa)*

*Maksud B. 28, B. 29, B. 30, B. 31, B. 32
dan B. 33 (Jadual) —*

*Maksud P. 28, P. 31, P. 32 dan P. 56
(Anggaran Pembangunan, 1994) —*

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Kota Melaka diminta sambung. Ada masa 5 minit lagi.

3.35 ptg.

Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka): Terima kasih Tuan Pengerusi. Di antara tahun 1982 hingga 1hb Mei 1992 iaitu gaji Encik Abdul Sani bin Abdul Ghani dengan elaun sebanyak RM583 sebulan. Manakala saya difahami di Parlimen oleh Yang Berhormat dari Nilam Puri bahawa Encik Mohamad Zin bin Osman adalah seorang atendan atau pekerja stesen pam minyak Shell milikan Tan Sri Rahim Tamby Chik yang beralamat Dayamik Sdn. Bhd., No. 437/9C, Jalan Melor, Bukit Baru, Melaka di mana perniagaan dijalankan, adalah sama dengan banglow mewah Tan Sri Rahim, Ketua Menteri Melaka yang bernilai RM500,000 yang dinamakan "Sri Jebat".

Pendedahan kali yang ke-60 "Peringgit Point" ini sebanyak RM4.5 juta menambahkan kekayaan Tan Sri Rahim kepada RM49.3 juta. Pihak Jabatan Hasil Dalam Negeri patut menyiasat macam mana sebuah syarikat yang mempunyai modal berbayar sebanyak RM72,000 dan seorang pengarah yang mempunyai gaji bulanan RM583 iaitu Encik Abdul Sani bin Abdul Ghani, mampu membina sebuah kompleks kedai bernilai RM4.5 juta tanpa sebarang pinjaman dari institusi kewangan dan hanya menerusi tabung dananya sendiri.

Tuan Pengerusi, saya amat kesal bahawa sungguhpun saya telah membuat laporan sebanyak 7 kali kepada BPR, masih belum ada sebarang tindakan yang diambil. Malah BPR nampaknya telah hilang minat dalam kes ini sungguhpun Tan Sri Rahim telah melakukan rasuah. Mustahil seorang Ketua Menteri di mana gaji terkumpul adalah RM1.8 juta selama 10 tahun kebelakangan ini mampu memiliki kekayaan atau harta benda melebihi RM49.3 juta.

Saya harap Jabatan Hasil Dalam Negeri tidak sebegitu tidak efisien dan berkesan seperti BPR dan membuat taksiran cukai yang betul demi menegakkan keluhuran undang-undang tanpa mengira kedudukan Tan Sri Rahim sebagai Ketua Menteri Melaka dan Ketua Pergerakan Pemuda UMNO. Jabatan Hasil Dalam Negeri juga patut menyiasat keseluruhan sumber kewangan Tan Sri Rahim sejak beliau menjadi Ketua Menteri Melaka. Rakyat Malaysia tidak berminat tentang elaun rasmi beliau, hanya tentang sumber kewangan tambahan dan luaran seperti yang saya senaraikan tadi.

Saya juga ingin bertanya sama ada pihak Kerajaan bersedia meminda undang-undang yang sedia ada, termasuk undang-undang rasuah, agar ahli pentadbiran seperti Menteri dan Ketua Menteri yang didapati mengamalkan rasuah atau dikenakan membayar cukai kalau memiliki harta benda atau menyenggara hidup di luar kemampuan rasminya. Kini pengumpulan harta benda secara luar biasa bukanlah satu kesalahan rasuah nampaknya atau kesalahan di bawah undang-undang cukai. Selagi undang-undang tidak dipinda untuk mengharamkan gejala buruk pengumpulan harta benda luar biasa ini, adalah susah untuk membanteras amalan rasuah atau mclarikan dari membayar cukai.

Saya juga hendak tahu mengapakah Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan enggan menjawab surat saya meminta beliau mengambil tindakan ke atas Tan Sri Rahim, dalam peranannya sebagai Pengerusi Jawatankuasa Kabinet Menentang Penyelewengan dan Rasuah. Adalah satu tindakan pengcut (act of political cowardist) kalau beliau hendak lari dari tanggungjawabnya dengan mengatakan bahawa perkara rasuah ini bukanlah halnya tetapi adalah tugas BPR sahaja. Kalau begitu, apakah gunanya

Jawatankuasa Kabinet Menentang Penyelewengan dan Rasuah? Lebih baik ia dibubarkan begitu sahaja kerana tidak berkesan langsung. Selagi Jawatankuasa Kabinet ini wujud, sebarang usaha Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan untuk lari dari menyiasat dan mengambil tindakan ke atas Tan Sri Rahim, menunjukkan bahawa beliau tidak jujur dan ikhlas serta hanya main-main atau pura-pura menentang rasuah, tidak lain dari kembiri politik terulung di negara kita.

Tuan Pengerusi,

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, sila gulung.

Tuan Lim Guan Eng: Ya. Tuan Pengerusi, akhirnya, saya juga ingin bertanya kepada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan mengenai skandal MAIKA yang baru dibuka siasatan semula, tentang percanggahan komen kenyataan yang diberikan oleh beliau dengan kenyataan yang diberikan oleh Presiden MIC dalam skandal hijacking 10 juta saham Telekom oleh Presiden MIC. Saya rasa selagi beliau tidak menjelaskan perkara sebenarnya, beliau juga sedikit-sebanyak terseret dalam skandal MAIKA yang melibatkan Presiden MIC.

Saya berharap beliau boleh menegakkan kebenaran dengan menyatakan secara muktamad sekali siapakah yang berbohong, sama ada beliau atau Presiden MIC? Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Padang Terap.

3.40 ptg.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar (Padang Terap): Tuan Pengerusi, saya merujuk pertama sekali kepada muka surat

181, Butiran 030000 iaitu Kod 0700 – Bayaran sewa kereta saloon Jabatan-jabatan Kerajaan, yang diperuntukkan untuk tahun 1994 sebanyak RM48 juta.

Saya ingin bertanya kepada pihak Kementerian, adakah ini bermakna bahawa kereta-kereta yang dipunyai oleh agensi-agensi dan Jabatan-jabatan Kerajaan yang ada pada masa ini akan dijual? Kerana kalau ditengok dari jumlah RM48 juta ini, tentu sekali keseluruhan kereta-kereta khususnya kereta eksekutif akan diberi ataupun akan digunakan oleh pihak Kerajaan dan agensi-agensinya secara penyewaan dan apakah persediaan yang dibuat untuk menyewa kereta sebanyak RM48 juta ini? Adakah syarikat-syarikat penyewaan dikenalpasti? Dan kalau ada, saya ingin tahu syarikat manakah yang telah dipilih untuk dijadikan tempat sumber kereta-kereta ini.

Dalam hal ini, Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh perkara masalah penggunaan kereta oleh pegawai dan Pengerusi-pengerusi di agensi Kerajaan. Saya hendak membangkitkan soal ini kerana dalam hal ini, saya mintalah pihak Kementerian Kewangan membuat satu peraturan yang mana pegawai-pegawai yang mengawal kereta-kereta ini mengadakan sedikit 'discretion' dan juga pertimbangan kemanusiaan. Kerana baru-baru ini seorang daripada kawan saya, iaitu seorang Ahli Parlimen yang menjadi Pengerusi satu agensi Kerajaan, apabila 'time' atau penggalnya habis dan beliau sedang menunggu perlantikan semula, tanpa apa-apa notis, keretanya ditarik balik, terpaksa beliau datang ke Parlimen dengan teksi. Pada saya, soal masa beliau habis duty sebagai Pengerusi satu-satu badan itu dan di tarik balik keretanya dari segi teori ini memanglah betul, dari segi peraturan birokrasi.

Tuan Pengerusi, seperti mana yang saya sebut di Parlimen ini selalu, apakah birokrasi kita merupakan birokrasi tanpa 'muka manusia'. Adakah kerana satu minit dia terlebih, dia dinafikan menggunakan kereta ini. Jadi, saya hendak minta pihak Kerajaan supaya mengarahkan pegawai-pegawainya agar mempunyai sifat 'penyayang' ini. Kerana walaupun dia telah habis satu minit, tetapi dia telah memberi khidmat yang cemerlang kepada agensinya. Apa salahnya diberi 'grace period' sebanyak dua minggu misalnya, kalau dia tidak dilantik semula tidak apalah – ambil, tetapi kalau dia masih menunggu perlantikan semula, apa salahnya beliau diberi kebenaran menggunakan kereta itu sehingga beliau dapat mencari kereta ganti untuk kegunaannya di Kuala Lumpur khususnya.

Jadi, Tuan Pengerusi, perkara yang saya sebut tadi ini bukanlah satu isolated incident, dengan izin, banyak yang telah pun dibangkitkan dan banyak cerita yang berkisar di sekitar perlakuan serupa ini. Saya mintalah supaya di dalam hal kita menekankan pembinaan satu masyarakat penyayang – the caring society, dengan izin, perkara ini tidak berlaku lagi.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, saya merujuk balik kepada muka surat 178, Butiran 060000 – Suruhanjaya Sekuriti, Kod 40000 – Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap kepada Suruhanjaya Sekuriti ini sebanyak RM50 juta untuk tahun 1994.

Di dalam aktiviti Suruhanjaya Sekuriti ini disebut, aktivitinya ialah:

- (i) untuk menjamin pembangunan pasaran sekuriti dan pasaran hadapan yang teratur.
- (ii) untuk melindungi kepentingan-kepentingan pelabur-pelabur awam dan pemegang saham minoriti; dan

- (iii) untuk memelihara integriti pasaran dan meningkatkan kecekapan pasaran.

Ketiga-tiga aktiviti ini adalah aktiviti yang relevant kepada apa yang saya hendak sebutkan.

Tuan Pengerusi, di dalam keadaan ekonomi sedang berkembang dengan pesat, khususnya perkembangan BSKL (KLSE) sahaja yang pada masa ini dikatakan Bursa Saham yang paling aktif dan terbesar di rantau Asia.

Saya ingin menyatakan di sini, perkembangan ini adalah disebabkan oleh penglibatan rakyat keseluruhannya, permintaan (demand) kepada saham-saham yang disenaraikan di dalam BSKL adalah tinggi, bukan setakat pelabur-pelabur profesional sahaja, Tuan Pengerusi, malah sekarang ini kita telah sampai ke tahap seperti mana wujud di Hong Kong dan di Tokyo, bukan sahaja orang-orang yang ada duit banyak sahaja. Tetapi kita dapati di kawasan-kawasan yang jauh daripada Kuala Lumpur, makcik-makcik, suri rumah malah pembantu rumah telah berlaku seperti mana yang berlaku di Hong Kong, tahu melabur di pasaran saham. Dan pelabur-pelabur ini saya masukkan di dalam apa yang dipanggil di sini 'pemegang saham minoriti', mereka ini menggunakan pasaran saham secara meluas dan pengagihan saham ini secara meluas.

Oleh itu, permintaan yang banyak di dalam pasaran saham ini dan apa yang berlaku sekarang ialah bekalan, saluran-saluran pembelian ataupun penjualan saham tidak cukup. Mungkin sekarang kalau kita tengok dari segi syarikat sekuriti – banyak, tetapi masih lagi tidak cukup, kerana banyak lagi syarikat-syarikat sekuriti yang tidak dapat membayar wang penjualan balik pada masa yang ditentukan

seperti 'T+7' dan lain-lain lagi. Ini menunjukkan bahawa syarikat-syarikat yang ada bukan sahaja bilangannya tidak cukup, malah modal, sumber dananya pun tidak cukup. Jadi, di sini satu lagi cara bagi Kerajaan untuk mengatasi masalah ini ialah mengadakan banyak lagi lesen-lesen Syarikat Sekuriti ini. Macam di bandar Alor Setar, Kedah, seluruh orang di Kedah akan datang ke bandar Alor Setar untuk membeli saham.

Pejabat Alor Setar Sekuriti, tiap-tiap hari penuh sesak macam market. Apa salahnya jikalau diadakan satu lagi lesen untuk Kedah, ditempatkan di Sungai Petani ataupun di Kulim.

Begitu juga di Kuala Lumpur, saya pasti banyak lagi permintaan-permintaan untuk khidmat penjualan saham ini sedang berlaku dan di kawasan-kawasan lain, di bandar-bandar yang sedang meningkat maju, lantaran pembangunan ekonomi di sekitarnya. Jadi, saya mintalah pihak Kementerian Kewangan menimbang semula supaya lesen-lesen Syarikat Sekuriti ini diperbanyakkan lagi, bukan setakat bilangan yang sedia ada.

Perkara ketiga, Tuan Pengerusi, ialah muka surat 179, Butiran 01700 – ASEAN Copper Fabrication Project (Filipina), yang mana di sini kita tengok perbelanjaan setakat ini hanya merupakan sebanyak RM30,000 pada hal anggaran kos projek RM23 juta dan projek ini kita lihat telah timbul dari setahun ke setahun semenjak 7-8 tahun yang lalu.

Saya ingin tahu apakah telah berlaku di dalam projek ini? Kita faham bahawa ini adalah satu daripada projek usahasama negara-negara ASEAN. Tetapi nampaknya apabila projek-projek lain seperti ASEAN Potash, ASEAN Bintulu sedang naik, projek ini masih lagi di peringkat bawah. Adakah projek ini masih dalam

perencanaan selepas 7 tahun difikirkan ataupun apakah ianya satu projek yang telah ditinggalkan ataupun di 'abandon' kan, dengan izin, Tuan Pengerusi. Apakah manfaat-manfaat yang akan didapati oleh industri negara kita melalui projek ini?

Dengan itu, saya menyokong, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Marang.

3.50 ptg.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Butiran 010000, Butiran 040000 dan Program/Aktiviti 010500.

Yang pertama saya ingin menyentuh berhubung dengan Perkhidmatan Kewangan dan saya ingin menyebut masalah peranan zakat di dalam kewangan negara. Walaupun ia diberi di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri tetapi terdapat pengendalian-pengendalian yang terlalu lemah yang sepatutnya ia menjadi suatu sumber yang penting kepada negara dan menjadi satu penyelesaian bagi menghadapi masalah kemiskinan terutamanya di dalam negara yang berkembang dengan golongan korporat yang menguasai politik dan ekonomi, dan berlakunya penswastaan Telekom dan lain-lain yang melibatkan dengan perniagaan dan berbagai-bagai kerja ekonomi yang sepatutnya hendaklah dikaitkan dengan zakat, sekiranya ia dikendalikan oleh orang Islam; dan hendaklah dikaitkan dengan unsur cukai, sekiranya dikendalikan oleh orang yang bukan Islam. Penckanan dalam masalah zakat merupakan satu pengagihan yang diwujudkan secara khusus bagi golongan yang tidak bernasib baik daripada hasil negara melalui penswastaan dan perniagaan yang dilibatkan oleh Kerajaan.

Sejauh manakah pihak Kementerian Kewangan mengendali dan menangani masalah ini supaya ianya diuruskan dengan cara yang lebih betul dan tepat dan dengan cara yang lebih berkesan bukan sahaja untuk menjadi salah satu daripada sumber kewangan yang penting tetapi mengikut Islam untuk memberkatkan harta negara supaya ia benar-benar menjadi manfaat dan supaya dijamin tidak berlakunya perkara yang sia-sia. Melalui unsur keberkatan yang tidak ada dalam istilah ekonomi Barat tetapi ianya wujud di dalam istilah ekonomi Islam sebagaimana yang dinyatakan oleh Allah S.W.T. yang bermaksud, "Ambillah daripada harta-harta mereka, yakni di kalangan orang-orang yang berada sama ada individu ataupun syarikat, golongan korporat dan lain-lain lagi sebagai sumbangan yang membersihkan mereka dan mempersucikan harta-benda mereka sendiri".

Seterusnya, saya ingin menyentuh masalah usaha untuk memisahkan sumber hasil daripada cukai-cukai, bahan-bahan atau barang-barang yang diharamkan oleh Islam, yang diizinkan oleh agama lain.

Kita tidak menafikan bahawa di dalam negara yang mengandungi masyarakat majmuk, kita tidak boleh menyekat kebebasan beragama dan tidak boleh menyekat kebebasan individu. Maka sudah tentu di dalam kegiatan rakyat melalui ekonomi, maka Kerajaan mengambil cukai arak, judi, hiburan dan lain-lain daripada orang-orang yang bukan Islam walaupun ianya diharamkan kepada orang-orang Islam. Tetapi satu usaha untuk memisahkan sumber hasil yang haram daripada Kumpulan Wang Disatukan hendaklah diusahakan. Ini merupakan satu perkara yang ditekankan oleh para ulama yang memperbincangkan tentang kewangan negara. Di antaranya ialah yang disebutkan di dalam kitab yang disebutkan oleh Menteri Kewangan dalam

penggulangan beliau – kitab Al-Kharaj, Mukaddimah dan lain-lain lagi – di mana ulama-ulama ini telah memberi penekanan supaya diadakan pemisahan sumber hasil yang haram mengikut ajaran Islam tetapi dibolehkan kepada penganut agama lain di mana agama mereka mengizinkan perkara-perkara yang tersebut.

Saya ingin menyentuh juga masalah aktiviti perjudian yang diberi lesen dan dikendalikan oleh Kementerian Kewangan dan masih banyak bercambah dan mungkin apa yang membimbangkan kita ialah ianya boleh memberi kesan negatif kepada akhlak dan kita perlu mengetahui bahawa perjudian ini diharamkan oleh semua agama, bukan sahaja oleh agama Islam. Jika sekiranya ianya dipesatkan lagi, bermakna usaha ke arah membendung perjudian ini tidak dilakukan dengan cara yang bersungguh-sungguh. Apa yang membimbangkan, ialah melibatkan kakitangan orang-orang Islam di dalam bidang perjudian dan sudah tentu ada di kalangan mereka yang serba salah sekiranya ditugaskan di bidang perjudian ini oleh pihak Kerajaan.

Seterusnya, saya ingin menyebut perkara yang berkait dengan pinjaman yang dibrikan kepada Kerajaan Negeri, pinjaman yang diberi kepada Badan-badan Berkanun dan lain-lain. Apakah diadakan pinjaman secara Islam kepada Kerajaan Negeri dan Badan-badan Berkanun tersebut supaya menghindarkan diri daripada kegiatan riba. Seterusnya kita perlu menyedari bahawa di dalam mengendalikan kewangan, kita mestilah menjalankan kewajipan melaksanakan yang baik dan mencegah kemungkaran. Bukan melaksanakan yang baik dan meneruskan kemungkaran, di mana ajaran Islam hendaklah dilangsung dan diteruskan dan usaha bagi menghapuskan riba hendaklah dilakukan. Bukannya ditekankan muamalah riba sebagaimana

yang berlaku sekarang dan termasuklah perkara yang sangat meragukan umat Islam berhubung dengan ASN dan ASB yang sehingga hari ini tidak ada pandangan daripada Majlis Fatwa Kebangsaan. Tidak ada satu pandangan, tidak ada satu fatwa dan tidak ada satu keputusan yang dibuat oleh Majlis Fatwa Kebangsaan ataupun Jabatan-jabatan Hal Ehwal Agama. Adakah pihak Kementerian Kewangan tidak merujuk kepada Majlis Fatwa dan kepada Majlis Hal Ehwal Agama berhubung dengan ASN dan ASB ini? Adakah Kerajaan berusaha ke arah mewujudkan skim 'Amanah Saham Islam' supaya dilakukan amalan secara Islam dengan sepenuhnya, dengan cara yang tidak meragukan umat Islam?

Di antara yang saya ingin sentuh juga ialah berhubung dengan EPF. Apakah langkah untuk menghapuskan kadar yang berdasarkan kepada faedah yang dilakukan sekarang ini? Mengapa tidak ditukarkan kepada muamalah secara mudharabah berdasarkan kepada berbahagi laba supaya ia lebih menyenangkan hati terutamanya di kalangan orang Islam? Dan sudah tentu muamalah secara mudharabah ini lebih memberi keuntungan dan pulangan yang lebih banyak kepada mereka yang terlibat dengan EPF ini.

Seterusnya, saya ingin menyentuh berhubung dengan Belanjawan – Butiran 010500 – di mana masalah Perbekalan Tambahan (Supplementary). Kita lihat tiap-tiap tahun berlaku tiga atau empat kali dikemukakan Perbekalan Tambahan. Apakah tidak ada satu perancangan yang teliti pada masa dikemukakan Belanjawan ini supaya kita tidak kerap mengemukakan Perbekalan Tambahan untuk dibahas berulang kali dalam Dewan ini? Dan mengeluarkan belanja di tengah jalan menunjukkan berlakunya suatu pengurusan

yang tidak tepat dan suatu kajian yang tidak mendalam ketika kita mengemukakan Belanjawan ini. Kemudian berlaku masalah kurang belanja bagi Perbelanjaan Pembangunan. Ini bermakna, di sana terdapat iaitu di peringkat pelaksanaan yang tidak berbelanja daripada kewangan yang diperuntukkan. Keadaan ini juga perlu dibuat kajian, adakah berlaku boros, umpamanya, atau belanja lebih daripada had. Sepatutnya sewaktu projek yang dilaksanakan hendaklah mengikut belanja yang munasabah, tetapi ini lebih daripada apa yang munasabah. Mungkin kerana hendak memberi keuntungan ataupun memberi imbuhan kepada kalangan-kalangan yang tertentu. Ini adalah merupakan satu cara yang memboroskan kewangan negara yang mesti diatasi oleh pihak Kerajaan amnya dan pihak Kementerian Kewangan khasnya.

Saya rasa itulah beberapa pandangan yang dapat saya kemukakan, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Jerai.

3.59 ptg.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin (Jerai): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menyokong Belanjawan Kementerian Kewangan dan saya ingin merujuk kepada muka surat 178, Maksud B. 28, Butiran 040000, B. 28 – Lembaga Pembangunan Langkawi.

Terlebih dahulu saya mengucapkan tahniah kepada Pengurusan dan Lembaga Pengarah Lembaga Pembangunan Langkawi yang saya kira telah berjaya membina Langkawi menjadi satu pusat pelancongan yang terkenal di seluruh dunia pada hari ini.

(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Jawatankuasa)

Dan dengan wujudnya Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA), maka kita dapat lihat hari ini anak-anak tempatan telah mendapat peluang berkhidmat, bekerja dan juga mengambil pengalaman daripada terutama sekali di dalam bidang pelancongan, perhotelan dan perniagaan.

Tuan Pengerusi, yang ingin saya utarakan pada hari ini ialah kewujudan sebuah anak syarikat Langkawi yang terlibat aktiviti di dalam Ferry Services.

Tuan Pengerusi, pada hari ini rakyat banyak merungut tentang kos perbelanjaan ataupun kos untuk kita melancong di Pulau Langkawi. Apatah lagi pegawai-pegawai Kerajaan yang berkhidmat di pulau tersebut menghadapi juga kos hidupnya agak tinggi. Jadi, saya kira LADA ini perlu juga melangkah kaki di dalam bidang memperseimbangkan kepada ekonomi di Pulau Langkawi itu sendiri supaya ia setaraf dengan pulau yang dikatakan "Pulau Bebas Cukai".

Perkhidmatan feri yang dijalankan oleh LADA tambangnya samalah dengan perkhidmatan yang dijalankan oleh syarikat-syarikat swasta. Satu ketika dahulu, saya telah mencadangkan supaya tambang tersebut diturunkan kepada RM5 kerana kalau kita kaji harga sekarang ini iaitu harga biasa RM10, harga first class RM13 – untuk satu laluan. Dan kalau kita pergi-balik harganya akan jadi RM20 bagi kelas biasa.

Jadi, kita bayangkanlah RM20 untuk seorang, kalau kita pergi berkeluarga – katakan keluarga yang ada 4 orang, jadi tambang feri itu sendiri telah menelan belanja hampir RM100. Harga makanan pula telah meningkat dan kita telah mendapat jaminan daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna bahawa mereka akan bertindak ke atas peniaga-peniaga – Alhamdulillah – syukur.

Tetapi saya harap LADA boleh memainkan peranan supaya menurunkan harga tambang feri dari Kuala Kedah ke Pulau Langkawi ataupun dari Kuala Perlis ke Pulau Langkawi. Kerana sungguhpun kita mengharap pelancong-pelancong daripada luar Malaysia tetapi kita juga kena ingat bahawa rakyat Malaysia juga ingin melihat Pulau Langkawi.

Saya boleh beri jaminan hari ini, tidak keseluruhan lagi rakyat Kedah yang biasa pergi ke Pulau Langkawi, begitu juga dari negeri-negeri yang lain-lain. Saya ingat rakyat negeri Johor pun tidak semua yang telah pergi ke Pulau Langkawi, dan ada di antara Wakil-wakil Rakyat, Ahli-ahli Yang Berhormat yang ada di sini tak biasa pergi Langkawi, termasuklah pegawai-pegawai Kerajaan yang dok ada hari ini. Fasal apa? Fasal kos yang tinggi, harga barang yang tinggi, sewa hotel yang tinggi dan sebagainya.

Saya juga ingin menyarankan kepada LADA supaya kita meluluskan banyak lagi pelabur-pelabur ataupun pengusaha-pengusaha yang ingin melibatkan diri di dalam bidang perhotelan secara sederhana ini. Kerana hari ini banyak hotel-hotel yang wujud bertaraf 5 bintang dengan harga sewaan yang begitu tinggi. Jadi, kalau kita boleh wujudkan banyak usahawan-usahawan tempatan yang dapat berusaha sama dengan tanah-tanah yang ada di Pulau Langkawi milik bumiputera ataupun bukan bumiputera, maka kita akan dapat hotel-hotel yang bertaraf sederhana, yang dapat dinikmati oleh keseluruhan rakyat Malaysia.

Kadang-kadang kita jumpa pelancong-pelancong, mereka bercakap fasal Langkawi, kita hendak tanya balik tidak boleh, fasal kita tidak biasa pergi. Jadi, kita kadang-kala hendak suruh dia pergi ke Pulau Langkawi, tetapi kalau dia bertanya: "What is so beautiful about

Pulau Langkawi”? dengan izin, kita hendak jawab tidak boleh – kerana kita tidak biasa pergi. Jadi, inilah kita harap LADA memainkan peranan supaya menolong bukan sahaja pengusaha-pengusaha yang telah berjaya tetapi juga pengusaha-pengusaha yang sederhana dan kecil ini supaya dapat membangun tanah-tanah yang ada, membina restoran-restoran yang tersusun dan bersih.

Tuan Pengerusi, kita dapat lihat banyak juga terdapat chalet-chalet yang berbentuk ‘A’ zaman sebelum merdeka dahulu – ada. Tetapi kadang-kadang air pun tidak ada, hendak kena pergi mandi ke tempat lain. Pagi-pagi gantung kain tuala pergi mandi – beratur, macam cerita P. Ramlee.

Jadi, kalau boleh set-up, sokong mereka, roboh balik yang itu, buat yang baru, beri bantuan yang sewajarnya supaya depa dapat nikmat hasil daripada pembangunan Langkawi yang begitu mendadak pada hari ini.

Tuan Pengerusi, hari ini dan esok kalau kita pergi ‘hendak sua kaki’ kata orang Kedah – tak boleh, ramai orang. Satu ketika, semasa LIMA dibuat dahulu, lembu empat lima ekor mati terkejut kerana kapal terbang. (*Ketawa*) Ini bukan saya melawak – betul! Yang duduk dekat dengan lapangan terbang, jet-jet datang dia terkejut – mati. Dan seorang daripada Ahli Yang Berhormat daripada Negeri Kedah pun mati terkejut kapal terbang – bukan saya melawak, terkejut kapal terbang itu. Hak ayam tak usah kiralah – seminggu tidak bertelur selepas itu – terkejut kapal terbang itu.

Jadi, pembangunan Langkawi hari ini cukup baik –Alhamdulillah! Tetapi kita kena tengoklah hak yang di bawah pun teringin juga hendak jadi usahawan, hak yang berhenti daripada Kerajaan dan

pencen sedikit, ada duit hadiah sedikit-sebanyak ini, berasa juga hendak jadi usahawan. Kadang-kadang depa ada tanah pusaka tetapi hendak mengusahakan tak boleh. Jadi, kalau boleh LADA ini tolonglah bantu mereka ini dari segi pembangunan ekonomi rakyat tempatan itu sendiri.

Saya berasa syukurlah kerana Kerajaan telah menubuhkan satu badan untuk menjaga kepentingan anak-anak Melayu di Langkawi itu. Tetapi setakat menjaga sahaja dengan tidak memberi bantuan mereka melibatkan diri di dalam industri yang ada pada hari ini dalam jangka masa panjang, kita tidak akan dapat bersaing dengan orang-orang lain yang berjaya di Pulau Langkawi itu.

Tuan Pengerusi, satu lagi berkenaan dengan perkara di muka surat 181 — Butiran 010000, Sewa Rumah Kerajaan Negeri yang diduduki oleh pegawai-pegawai jabatan-jabatan Persekutuan.

Tuan Pengerusi, perkara ini, saya kira kalau boleh Kerajaan peruntukkan lagi tambahan sedikit duit – banyak sedikit kerana pegawai-pegawai Kerajaan pun kadang-kadang bersungut. Kita dok tengok sekarang ini pembangunan rumah begitu indah, sedangkan pegawai-pegawai Kerajaan kadang-kadang duduk di rumah yang bocor. Bila hujan sahaja bawalah timba tahan di tempat yang bocor itu.

Jadi, kadang-kadang maintenance untuk rumah-rumah ini tak ada. Dan kalau boleh saya syorkan, bukan sahaja depa menduduki rumah-rumah yang dibina oleh Kerajaan kerana kebanyakan rumah ini sejak dari zaman lama dahulu, kira tiang rumah Kerajaan dahulu anai-anai pun tidak berani makan – kayu itu punya kuat, sampai anai-anai pun tidak berani makan. Jadi pest control tak payah pergi kacau rumah itu kerana kayu baik dari zaman

dahulu. Tetapi model rumah itu sudah agak lama. Jadi, kalau boleh kita berilah mereka ini kebebasan untuk menduduki projek-projek perumahan hari ini dan kita beri elaun perumahan yang agak bersesuaian dengan keadaan pada hari ini. Kadang-kadang rumah pada masa ini di Kuala Lumpur, rumah terrace dua tingkat pun dekat RM1,000 harga sewanya, terrace setingkat pun kalau di Bangsar sewanya RM700, RM800. Jadi, pegawai Kerajaan ini kita kena berilah depa standard sedikit. Jadi, bila ada standard tinggi itu foreigner datang pun dia hormat, dia segan. Dia kata: "Ini dia Malaysia, pegawai Kerajaan pun pakai tie pun kemas, baju pun kemas". Kadang-kadang kita hendak ajak mereka pergi ke rumah kawan-kawan yang kita kenal di luar negeri pun, dia tengok: "Oh! ini dia rumah pegawai Kerajaan".

Di negeri lain tidak usah kiralah, tambah-tambah di negeri-negeri yang susah itu. Rumah Kerajaan depa beri sewa bilik sahaja. Tetapi kita ini Alhamdulillah, cuma kita up-grade sedikit kedudukan pegawai-pegawai Kerajaan ini kerana depa pun kerja kuat. Alhamdulillah! Kerajaan beri bonus. Itu pun bonus lepaslah beli baju, buku sekolah tahun ini. Itu pun tak cukup. Jadi, kalau boleh saya cadangkanlah kalau Kerajaan untung, ekonomi baik, kita buat macam syarikat swasta. Kalau untung perniagaannya baik, dia dapat keuntungan lebih, beri bonus dua bulan. Kerajaan macam itu juga, kalau Kerajaan untung, income Kerajaan banyak, pendapatan banyak, tahun ini seimbang, tahun depan entahlah boleh lebih baik dari seimbang – beri bonus dua bulan.

Jadi, ini akan memberi semangat kepada depa untuk bekerja, depa tidak kira masa. Depa akan berkhidmat sepenuhnya kepada Kerajaan, taat setia kepada Kerajaan. Jadi, kalau parti Pembangkang

pergi 'cucuk-cucuk' depa pun, depa tak pakailah. Parti Pembangkang kerja hak itu sahaja bukan ada hak lain. Hak baik-baik kadang-kadang pun depa yang beri rosak.

Tuan Pengerusi, jadi kita jaga hak itu. Pelajaran anak-anak depa kita jaga, kalau anak-anak depa ini hendak pergi ke luar negeri, keutamaan biasiswa kita kena beri, fasal depa berkhidmat kepada Kerajaan, Jadi, anak ini kita kena beri keutamaan. Bukan semua pegawai-pegawai Kerajaan senang, Tuan Pengerusi. Saya tahulah, saya berkawan banyak. Kadang-kadang rokok pun minta kepada kawan, yang kaki hisap rokoklah – susah depa pun, maklum gaji tak cukup, sedangkan zaman sekarang ini bagus.

Satu lagi, Tuan Pengerusi, yang ini agak mustahak sebab dewan perniagaan kadang-kadang merungut juga. Mereka beritahu saya supaya bercakap dalam Dewan ini. Jadi, saya kata tak mengapa, tunggu semasa Kementerian Kewangan, saya hendak bercakap mengenai korporat. Merata-rata bercakap mengenai korporat. Kadang-kadang bawa beg James Bond kosong pun cakap korporat. Pakai kot, kaki pusing pun cakap korporat – dia sendiri mengaku. Jadi, kalau bolch, Tuan Pengerusi, mengikut circular Kementerian Kewangan Bil. 3/1982 biasa mengatakan keutamaan patut di beri kepada syarikat-syarikat bumiputera yang menjadi ahli dewan perniagaan bumiputera. Kalau tak silap saya juga, di perasmian Mesyuarat Agung Dewan Perniagaan Bumiputera Malaysia di Port Dickson – tahunnya saya tak ingat, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada berkata, Kerajaan mesti memberi keutamaan kepada syarikat-syarikat bumiputera yang menjadi ahli Dewan Perniagaan Bumiputera yang berdaya-maju dan mampu mengendalikan perniagaan tersebut.

Saya sendiri tak menyokong, kalau dia itu seorang bumiputera, tetapi dia tak reti apa pun – kita hendak beri juga? Itu akan merosakkan balik Kerajaan. Mereka yang berkemampuan, kadang-kadang dia ada duit, dia ada kemampuan, tetapi kerana dia tak ada perhubungan, jadi depa katalah, dengan izin, Tuan Pengerusi, “It is not what you know, but whom you know”. Kita tak mahulah perkara ini. Jadi, kalau boleh, orang itu layak, kita hendak bina banyak korporat-korporat Melayu, hendak bina banyak ahli-ahli korporat dalam tanah air kita ini.

Hari ini Alhamdulillah, banyak syarikat-syarikat bumiputera yang telah didaftar di BSKL. Ini menunjukkan kemajuan dan menunjukkan juga pegawai-pegawai Kerajaan buat larat, tolong – sampai setengah tak larat hendak bawa pun dapat lagi. Kalau lori itu berat tan, itu pun dapat lagi. Jadi, setengah itu mai lori kosong, kita tolonglah depa sedikit. Kalau tak boleh beri banyak, berilah sedikit. Beri mereka belajar sedikit-sedikit. Kadang-kadang mai permohonan, syarikat baru ditubuhkan dua tahun. Pegawai Kerajaan tanya, oh! tak ada pengalaman. Pergi Kementerian itu – tak ada pengalaman, mai Kementerian ini – tak ada pengalaman. Kalau satu Kementerian pun tak beri projek, dia hendak berpengalaman macam mana?

Ini perkara ikhlas orang bercakap kepada saya, jadi saya cerita macam itu lah. Beri satu projek, kalau dia berjaya, Alhamdulillah, beri satu lagi. Kadang-kadang satu syarikat itu kerana mereka kenal sedikit-sebanyak, dan ada pula pangkat-pangkat sedikit, ada pula “Y.A.B.,” “Y.B.” dan sebagainya – kadang-kadang Y.B. baca pelan pun tak reti, kerana itu beri juga. Jadi, kasihanlah kepada yang berusaha. Kadang-kadang pegawai Kerajaan tengok sekarang ini keadaan negara bagus, dia ‘opt’lah dari

kerjanya – umur 40 berhenti hendak jadi orang korporat. Habis duit pencen, habis duit hadiah, akhirnya declare bankrup, Tuan Pengerusi. Kasihan, ada banyak orang macam ini – duit habis, tak reti. Tunggu projek tak dapat, anak hendak ke sekolah, hendak pergi belajar ke luar negeri dan sebagainya dok belanja, lama-lama dia makan modal. Bila dapat bisness, modal tak ada. Pergi pada bank, bank kata umur sudah lebih, tak boleh beri banyak pinjaman – tak boleh juga.

Kementerian tolong fikirlah – yang ada semuanya cerdik. Saya orang kampung, bukan berapa cerdik sangat. Setakat hendak bersyarah itu bolehlah. Tetapi kita kena cari satu formula, satu jalan bagaimana kita hendak angkat – jangan angkat sedikit-sedikit, kita angkat biar semua naik seimbang. Jangan angkat yang duduk di Kuala Lumpur sahaja. Orang Kedah ini, Tuan Pengerusi, ibarat kata mandi basah kepala, tetapi kaki tak basah. Kadang-kadang basah, kadang-kadang tidak – dijirus basah kepala, tetapi kaki kering. Dok harap rendam dalam bendang mana boleh jadi, kaki makan air. Yang inilah kita tolong. Tengok sama, negeri Kedah beri sedikit, Pahang beri sedikit, Sarawak sedikit, Kelantan kita tak beri pun tak mengapa. Yang itu tak mengapa

Dato’ Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Ada yang bangun, ya?

Dato’ Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Saya hendak penerangan, Tuan Pengerusi. ‘Kaki makan airkah’ atau ‘air makan kaki’? (*Ketawa*)

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: Kalau kaki kering, kaki makan air; kalau kaki basah, air makan kaki.

(Ketawa) Sebab itu kadang-kadang anak dara kampung ini susah hendak laku. Mana ada anak dara kampung pergi ke bendang, dia tak mahu pergi lagi. Bila turun ke bendang, kembang kaki dan kukunya – mana anak teruna mahu! Mereka akan belek dari atas ke bawah. (Ketawa) Jadi, kasihanlah, berilah pada depa hendak belajar sama, beri chance pada orang kampung. Banyak yang ada di sini yang pakai kot semua berasal dari kampung. Kalau nak tahu, musim raya nanti sunyi bandar Kuala Lumpur. Itu pun setengah asal dari kampung, mai ke Kuala Lumpur, bukan hendak mengaku. Saya biasa jumpa, bila tanya, cik mai mana? Dia beritahu, saya mai daripada – cakap pelat Kuala Lumpur. Saya tanya cik mai dari mana? Saya mai dari Kedah. Kedah, cik duduk di mana? Dia kata, atas sedikit. Tahulah, atas di mana? Dia kata, Kuala Nerang. Di Kuala Nerang, cik duduk di mana? Kampung Napo. Awat tak khabar hang mai dari Napo, tetapi hang khabar mai dari Kedah! Dia segan hendak mengaku, takut tak laku, Tuan Pengerusi. Yang pelat Siam di kampung, bila mai di sini jadi pelat Kuala Lumpur, itu yang bercelaru.

Jadi, yang ini kita tolong agihkan, kalau ada peluang, kalau projek itu hendak buat di Kedah, pastikan orang Kedah dapatlah sedikit nikmat. Kalau hendak buat di Johor, pastikan orang Johor dapat, hendak buat di Sarawak, beri pada orang Sarawak. Kalau orang Penan pun bukan mereka tak reti, oleh kerana kita tak mahu mengajar mereka. Sekarang ini mereka sudah banyak mengerti. Orang Penan pun sudah cerdik. Dahulu bila keluar, mana ada pakai apa, tetapi la-ni sudah elok. Jadi, kita kena bangunkan mereka ini. Malah orang-orang Asli pun kita kena tolong. Takkan kita hendak biar rambut halus kerinting sampai bila-bila macam itu. Beri masuk universiti, tolak. Inilah kita hendak tolong sebab ekonomi kita membangun.

Jadi, saya harap sangatlah, Tuan Pengerusi, tolonglah. Sebenarnya perkara ini ada pada pegawai

Tuan Pengerusi: Masa Yang Berhormat sudah cukup.

Tuan Haji Badruddin bin Amriuldin: Orang kampung pesan – sedikit lagi, Tuan Pengerusi. Mereka kata pergilah pujuk, Tan Sri cukup baik. Kalau pujuk, dia berilah. Sedikit sahaja lagi, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Apa pula itu? Minta gulung.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih, Tuan Pengerusi, saya gulung.

Satu lagi, muka surat 184, Butiran 060000 – Kumpulan Wang Tabung Pinjaman Pelajaran. Tuan Pengerusi, saya minta kalau boleh pegawai-pegawai Kerajaan kaji dari semasa ke semasa mengenai biasiswa. Kalau belajar dalam negeri pun kita kena kaji, belajar di luar negeri pun kita kena kaji. Kos sara hidup di luar negeri meningkat. Saya biasa melawat student di luar negeri. Saya biasa pergi berjumpa kepada mereka dan mereka teriak pada saya. Saya tanya, awat hang teriak? Dia kata macam mana cik tak teriak, buku tak beli lagi. Biasiswa yang Kerajaan beri tak cukup, dia kata. Pada waktu malam dia kena pergi kerja di hotel sebab dia nak cari duit, nak beli buku.

Jadi, saya harap Kementerian tolong kajilah. Sekali-sekala keluar makan angin di luar negeri. Bila pergi luar negeri, jangan duduk di hotel, tetapi saya minta tidur bersama dengan student. Bila saya pergi, Tuan Pengerusi, depa beri saya duduk di hotel, tetapi saya tak mahu, sebab saya orang kampung. Tetapi semasa hendak

balik, saya tidurlah di hotel. Semasa saya pergi, saya tidur bersama depa. Saya kata, nah ambil duit, hangpa masak, aku nak rasa masakan hangpa. Cukup sedap. Oleh sebab depa duduk tempat orang, depa belajar macam-macamalah.

Depa teriak, sebab duit tak cukup. Biasiswa kadang-kadang sampai lambat. Ini satu kes, saya hendak marah Kerajaan Sabah. Ada satu student, biasiswanya dikerat sekerat jalan, sebab barangkali bapanya sokong Barisan Nasional. Terkangkang budak itu di sana. Nasib baik saya pergi jumpa, selamat balik. Saya suruh MARA beri, kasihan budak ini dia hendak belajar. Jadi, kita jangan buat macam itu. Kita tolong, sebab budak-budak ini kalau kita tolong, tak lama kemudian dia tengok surat pegawai itu sign, dia akan kenang pegawai itu sampai mati. Bagus Cik Rashid ini, dia tolong aku. Tetapi kalau dia minta sebulan, 'try' lah dalam jangka masa sebulan kita luluskan. Kadang-kadang jangan sampai tiga empat bulan.

Kelmarin, Tuan Pengerusi, orang di kawasan saya, bila saya balik ke kawasan saya, dia telefon saya, dia kata, 'Yang Berhormat, saya pergi hospital hendak X-Ray dada kena RM100'. Saya kata, 'hang X-Ray dada apa sampai RM100, budak-budak lain RM25 sahaja'. Dia kata, "hospital has charge RM100". Cuba fikir orang kampung hendak RM100 tiba-tiba, kalau tidak anaknya tidak boleh masuk universiti.

Jadi, saya harap Kementerian Kewangan adakan satu tabung juga untuk menolong sebagai pinjaman bagi membiayai mereka ini belanja untuk masuk ke universiti. Lepas itu, bila depa dapat balik biasiswa, potong balik tiap-tiap bulan RM20. Kadang-kadang depa dapat surat nak pergi universiti pun ta ada duit, tak mampu nak pergi. Nak pergi

kliniklah, nak pergi beli kasutlah. Di kampung tak mengapalah pakai seluar pendek, tetapi di universiti takkan nak pakai seluar pendek. Di kampung kain carik sedikit pun tak mengapa, boleh tampung, tetapi masuk universiti, kawan-kawan lain pakai kain elok-elok, dia hendak pakai kain carik pun seganlah hendak berkawan. Kita beri biasiswa ini pada mereka. Pinjaman untuk persiapan anak-anak mereka ini hendak masuk universiti. Yang ini bukan sahaja orang kampung, malah pegawai Kerajaan sendiri pun kalau ada anak lima-enam, kalau dapat masuk universiti, tak percaya tanyalah, teruk, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ya, ya, cukuplah.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih banyak, Tuan Pengerusi, kerana beri peluang.

Tuan Pengerusi: Larut.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya hendak ucap terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Cukuplah.
(Ketawa)

4.20 ptg.

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan (Larut): Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya hendak bercakap atas dua perkara yang ringkas. Yang pertama, mungkin ramai orang tidak sedar termasuk Tuan Pengerusi sendiri iaitu Maksud Bekalan 28 – Perbendaharaan Butiran 010000 – Perkhidmatan Kewangan, Program/Aktiviti 010100 – Pengurusan Am.

Jadi, Tuan Pengerusi, hari ini saya memang duduk dekat dengan Pengerusi Bank Rakyat dan kita memerhati bahawa saya ada bawa sedikit duit dari Bank Rakyat – pinjam Chairman punya. Ada

duit RM10, ada duit RM100, ada duit RM5, RM20 tidak ada – payah dapat, ada RM1,000. (*Ketawa*) Tetapi ada pun kalah juga MKT. (*Ketawa*)

Jadi, Tuan Pengerusi, berhubung dengan perkara ini saya suka menarik perhatian Perbendaharaan kita bahawa segala-galanya adalah berjalan dengan baik dan kita mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Menteri Kewangan yang juga menjadi Timbalan Perdana Menteri pada hari ini.

Jadi, saya harap di sini kalau Tuan Pengerusi tengok pada duit RM1, duit RM5, duit RM10, duit RM20, RM50, RM500 dan RM1,000, kita lihat duit kita tidak ada langsung tulisan Jawi. Saya tertarik hati apabila saya pergi ke negeri China baru-baru ini — Republic of China, ia mempunyai duit (People's Republic of China) bertulisan Jawi kerana ia menghormati orang Islam yang ramainya 80 juta orang di sana.

Ini mustahak. Ramai orang tidak sedar tetapi selepas ini ramai orang kata dia sedar. Jadi, ini adalah satu perkara yang baik. Kalau kita tidak dapat tulis banyak pun, kita tulis “Bank Negara” ataupun kita tulis “Wang Seringgit” ataupun masa saya sekolah dahulu, duit gambar kerbau ditulis “Wang kertas ini sah diperlakukan di Tanah Melayu” ataupun “Bank Negara” atau “Bank Negara Malaysia” atau macam-macam asalkan tulisan Jawi disertakan.

Jadi, bukanlah saya taksab sangat kepada tulisan Jawi ini tetapi kerana kita sebuah negara yang mengiktiraf diri kita sebagai negara Islam di dalam Perlembagaan. Jadi, kalau kita bandingkan di negeri Brunei, mereka menggunakan tulisan Jawi lebih banyak dari kita. Kita hendak duit kita supaya apabila “orang putih” datang, “orang merah” datang, “orang hitam” datang, mereka tengok ada

tulisan Jawi di duit kita. Jadi, saya rasa tulisan Jawi di duit kita ini amatlah mustahak apabila kita cetak duit baru untuk menyedarkan dunia bahawa kita adalah manusia yang beragama Islam dan negara ini dikenali sebagai negara Islam dan kita pula sebagai anggota Organisation of Islamic Countries (OIC). Saya rasa perlulah ini diambil tindakan dengan segera ataupun serta-merta apabila kita mencetak wang baru nanti.

Perkara yang kedua, Tuan Pengerusi, ialah Butiran 020000, muka surat 176. Dengan ringkasnya Program 020300 – Pengurusan Pinjaman dan Pelaburan.

Saya rasa pada hari ini banyak pinjaman perumahan dan pelaburan tidak begitu lancar kerana di dalam pelaburan TUB (Tabung Usahawan Baru) ataupun wang pinjaman untuk menolong bumiputera atau mana-mana usahawan yang terbengkalai dalam membina rumah-rumah dapat diberi lebih banyak lagi kepada usahawan-usahawan yang bertanggungjawab supaya mereka dapat menyelesaikan masalah-masalah rumah terbengkalai itu kerana pada hari ini kita lihat banyak rumah-rumah terbengkalai tetapi gaji pembeli-pembeli dipotong, elaun mereka dipotong untuk membayar pinjaman perumahan sedangkan mereka tidak mempunyai rumah. Apabila gaji dipotong, mereka terpaksa membayar sewa rumah lain untuk hidup dan kadangkala sampai 10 tahun, 12 tahun pun ada rumah-rumah terbengkalai ini tidak diselesaikan oleh pemaju-pemaju yang tidak bertanggungjawab.

Dalam hal yang demikian, kita dapati mereka menghadapi kesusahan dan tidak ada had di mana. Kalau umpamanya kita membawa perkara-perkara ini kepada peguam atau pergi ke mahkamah, ada juga pemaju-pemaju yang akan mengatakan bahawa tuntutan-tuntutan ke atas rumah

yang tidak siap ini tidak boleh dibuat lagi kerana masa terhad ataupun according to the law, the limitation period, dengan izin.

Jadi, ini adalah masalah-masalah yang dihadapi oleh pembeli-pembeli rumah dan saya berharap kalau ada syarat-syarat yang boleh diberi kepada pemaju-pemaju yang boleh membangunkan semula rumah-rumah ter-bengkalai itu, janganlah diketatkan sangat syarat itu. Bahkan kita mementingkan hak kehilangan rumah mereka kerana mereka tidak mempunyai rumah dan pinjaman mereka dipotong tiap-tiap bulan. Saya berharap juga pihak Kerajaan akan juga bertimbang rasa supaya mereka yang tidak mendapat rumah walaupun separuh bahagian dari pinjaman itu telah dikeluarkan supaya tidak meneruskan pembayaran mereka selagi rumah itu tidak dipulihkan semula.

Tuan Pengerusi, saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi: Alor Setar, kemudian Menteri menjawab.

4.25 ptg.

Tuan Chor Chee Heung (Alor Setar): Saya ingin merujuk kepada Butiran 06000 iaitu Suruhanjaya Sekuriti.

Tuan Pengerusi, saya telah pun membangkitkan beberapa perkara mengenai pengawalseliaan syarikat-syarikat yang telah disenaraikan dalam BSKL ketika ucapan dasar saya. Maka, pada hari ini Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh dua perkara lagi di bawah tajuk ini iaitu yang pertama, syarikat-syarikat yang mana sentiasa memberi terbitan melalui prospektus mengenai rights issues ataupun bonus issues, dengan izin, kepada pemegang-pemegang saham.

Saya ingin menekankan bahawa mereka harus mematuhi semua syarat yang telah pun diterbitkan di dalam prospektus yang dikeluarkan oleh syarikat-syarikat berkenaan sebab saya dapati banyak syarikat, walaupun mereka telah memberi terbitan dalam prospektus, salah satu syarat ialah segala skrip-skrip yang disubscribe oleh pemegang saham akan dihantar ataupun dikembalikan kepada pemegang saham dalam masa 21 hari iaitu satu statutory period yang diberikan kepada mereka tetapi saya mendapati banyak syarikat tidak membuat demikian dan saya percaya kalau mereka dengan sengajanya tidak menghantar balik skrip-skrip sijil-sijil saham kepada pemegang saham maka elemen spekulasi akan wujud.

Oleh yang demikian, saya berharap Suruhanjaya Sekuriti dapat mengawal dengan lebih tepat atas perkara ini sebab kalau syarikat-syarikat tidak berbuat demikian ataupun sengaja menghantar balik skrip-skrip ataupun saham kepada pemegang saham selepas 21 hari ataupun kadang-kadang lebih dari sebulan, maka orang-orang yang dapat menguasai syarikat ini dapat membuang saham atau menjual saham pada masa harga yang tinggi itu.

Dato Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Pengerusi, saya minta penjelasan daripada wakil dari Alor Setar. Adakah Ahli dari Alor Setar setuju bahawa sebab mengapa skrip-skrip ini tidak dapat diberi dalam masa yang ditentukan kerana bebanan permintaan kepada khidmat ini terlalu banyak dan justeru kerana itu saranan saya tadi untuk menambahkan lagi syarikat-syarikat sekuriti ini adalah betul.

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Pengerusi, kemungkinan salah satu sebab adalah seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Padang Terap. Saya juga kalau cadangan Yang Berhormat dari

Padang Terap dapat diberi pertimbangan oleh pihak Kerajaan. Alasan ataupun sebab-sebab yang diberikan oleh Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap, walaupun tepat, tetapi kita tidak boleh menerima sebab ini. Sebab – Prospektus itu ialah official document oleh syarikat-syarikat kalau mereka telah menetapkan tempoh 21 hari supaya skrip ataupun sijil-sijil saham dihantar balik kepada pemegang saham, saya percaya syarikat-syarikat ini terpaksa ataupun harus mematuhi syarat ini. Mungkin cadangan oleh Yang Berhormat dari Padang Terap boleh kita pertimbangkan, dan saya harap jika Suruhanjaya Sekuriti dapat mempertingkatkan lagi pengawalseliaan atas perkara ini, kemungkinan elemen spekulasi dapat dikurangkan.

Tuan Pengerusi, satu lagi perkara yang sekarang ini mungkin baru menjadi masalah ialah berkenaan dengan pertukaran kaunter-kaunter syarikat ke sistem CDS ataupun Central Depository System dengan izin. Perkembangan ini adalah baik bagi mewujudkan sebuah Bursa Saham yang canggih, dan merupakan kemajuan ke arah mutu antarabangsa memandangkan pada masa ini BSKL mempunyai market capitalisation, dengan izin, telah melebihi RM300 bilion. Akan tetapi, dalam masa transition atau waktu peralihan ini, semua firma-firma broker saham harus diberikan arahan oleh BSKL supaya menasihatkan para pelabur supaya mereka mengetahui sistem CDS itu, iaitu suatu sistem scripless atau dagangan tanpa skrip. Saya difahamkan ramai pelabur pada masa ini masih tidak mengetahui apa dia sistem CDS. Mereka hanya tahu, beli saham, kalau naik, boleh untung – CDS memang mereka tidak tahu lagi sebab ini adalah salah satu sistem yang paling canggih buat masa ini.

Walaupun dalam surat khabar kita dapat melihat BSKL selalu memberitahu

orang awam bahawa syarikat-syarikat yang baru bertukar dan diserapkan ke sistem CDS, tetapi bukan semua public membaca surat khabar. Ini akan membangkitkan banyak masalah sebab sekiranya mereka membeli saham ataupun kaunter saham yang mana baru diserapkan dalam CDS tanpa pengetahuan mereka dan mereka masih belum buka akaun dengan CDS. Ini akan membangkitkan banyak masalah, khususnya pada masa pasaran saham, pada masa ini begitu hangat. When the bulls are charging in, dengan izin, ramai pelabur beli sahaja tanpa mengetahui syarikat mana yang telah diserapkan dalam sistem CDS.

Ramai pelabur pada hari ini, bukan sahaja pelabur tulen macam saya ataupun Yang Berhormat dari Padang Terap – ramai juga adalah merupakan speculators. Kalau speculators membeli saham, kaunter saham yang mana syarikatnya telah pun diserapkan dalam sistem CDS dan kalau mereka ingin bermain secara kontra, masalah akan timbul. Sebab mereka semua tidak buka akaun lagi dan mereka pun tidak tahu apa akaun CDS. Sebenarnya, kita kena bayar RM10, mendaftar sebagai pemegang akaun CDS. Saya harap mungkin Suruhanjaya Sekuriti akan berpakat dengan BSKL supaya mengarah semua firma-firma broker menasihatkan ataupun sekurang-kurangnya memberitahu pelabur apabila mereka membeli saham, yang mana sebenarnya kaunter syarikat yang telah pun diserapkan dalam sistem CDS.

Tuan Pengerusi, di bawah Bekalan B. 32, Butiran 020000, iaitu di bawah tajuk Penaksiran Cukai-cukai dan juga Butiran 030000 – Program/Aktiviti 030100 – Pungutan Cukai-cukai, muka surat 191.

Tuan Pengerusi, di bawah tajuk ini, saya menimbulkan satu perkara iaitu Penaksiran Cukai Keuntungan Hartanah ataupun Real Property Gains Tax, dengan izin. Pada lazimnya, selepas kita menjual

hartanah dalam tempoh 30 hari, iaitu di bawah satu statutory period dalam Akta ini, pelupus ataupun penjual-penjual hartanah harus ataupun mesti menghantarkan borang Cukai Keuntungan Hartanah (CKHT) (Borang 1), termasuk dokumen-dokumen yang berkaitan kepada Jabatan Hasil Dalam Negeri untuk taksiran sama ada cukai perlu dijelaskan. Jika mempunyai keuntungan dan tidak melebihi 7 tahun, saya percaya kebanyakan transaksi-transaksi ini terpaksa dikenakan cukai keuntungan hartanah.

Saya dapati perkhidmatan oleh Jabatan Hasil Dalam Negeri dalam aspek ini perlu dipertingkatkan lagi sebab saya sentiasa menerima aduan bahawa firma-firma peguam yang mengendalikan transaksi penjualan telah memegang wang ataupun duit para penjual hartanah yang diwajibkan sebagai stakeholder. Selepas Borang CKHT 1 telah dihantarkan ke Jabatan Hasil Dalam Negeri, penaksiran sebenarnya akan mengambil masa 2 bulan. Saya percaya ini adalah satu masa yang agak panjang untuk Jabatan Hasil Dalam Negeri dapat melaporkan balik sama ada transaksi ini dikenakan cukai atau tidak. Tetapi terkini, saya mendapati kebanyakan kes yang dilaporkan kepada Jabatan Hasil Dalam Negeri mengenai CHKT tidak dapat apa-apa berita dan Jabatan Hasil Dalam Negeri pun tidak membuat usaha untuk memberitahu peguam yang berkenaan ataupun penjual-penjual ataupun pelupus hartanah sama ada cukai keuntungan dikenakan. Kadang-kadang duit ini dipegang oleh firma peguam sampai dua tiga tahun. Saya boleh mengakui perkara ini sebab dalam syarikat saya, iaitu firma peguam sentiasa melibatkan diri dalam transaksi ini bagi pihak pelanggan-pelanggan, dan dalam akaun saya sendiri terdapat beberapa juta ringgit yang mana kes ini sedang menunggu keputusan daripada Jabatan Hasil Dalam Negeri sama ada keuntungan cukai hartanah boleh dikenakan.

Saya harap Kementerian Kewangan dapat mempertingkatkan lagi perkhidmatan ini sebab jika Jabatan Hasil Dalam Negeri begitu cekap dalam penaksiran cukai pendapatan (income tax) perseorangan, saya percaya dalam aspek ini mereka juga dapat berbuat demikian. Saya selalu mendengar orang awam membuat komen mengatakan dari segi cukai perseorangan, Jabatan Hasil Dalam Negeri mereka begitu cepat. Tiap-tiap tahun, sebelum menjelang tahun depan, tahun ini kita sudah terima taksiran berapa kita kena bayar dan ini seolah-olah macam "Pay As You Earn". Tiap-tiap bulan kita kena bayar, sedangkan cukai kita tidak ditentukan lagi.

Atas perkara ini, saya harap Kementerian Kewangan dapat berusaha supaya perkhidmatan ini dapat dipertingkatkan lagi, memandangkan sebab pungutan cukai adalah salah satu jenis revenue atau hasil yang mana pihak Kerajaan mendapat. Jika masa penaksiran keuntungan cukai hartanah begitu berlarutan dan begitu lama, maka dalam satu aspek lain, kerugian adalah pada pihak Kerajaan.

Sekian, saya menyokong. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ya. Menteri menjawab.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan (Tuan Mustapha bin Mohamed): Tuan Pengerusi, bagi pihak Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan saya mengucapkan setinggi penghargaan kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan selama dua hari. Juga bagi pihak Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri serta Yang Berhormat bekas Timbalan Menteri Kewangan, saya

mengucapkan setinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengucapkan tahniah dan syabas kepada mereka atas segala usaha yang telah dibuat untuk memantapkan lagi pertumbuhan ekonomi negara.

Tuan Pengerusi, kali ini nampaknya tumpuan utama perbahasan adalah terhadap isu-isu berkaitan dengan broker saham. Berkaitan dengan Suruhanjaya Sekuriti, broker saham, perkembangan dalam pasaran saham. Ini melambangkan bahawa rakyat Malaysia semakin lama semakin berminat dalam isu-isu ini dan amat membanggakan ada Padang Terap, Arau, dan Alor Setar pun ada menunjukkan kawasan-kawasan ini mungkin ramai yang terlibat dalam pasaran saham. Oleh itu sebahagian besar daripada jawapan saya pada petang ini mungkin berkisar kepada isu-isu berkaitan dengan pasaran saham dan Suruhanjaya Sekuriti.

Tuan Pengerusi, pertama saya mula dengan Ahli Yang Berhormat Arau yang antara Ahli-ahli Yang Berhormat yang membangkitkan tentang Suruhanjaya Sekuriti selain dari Ahli Yang Berhormat Padang Terap, Ahli Yang Berhormat Pasir Mas pun ada, Ahli Yang Berhormat Alor Setar pun ada.

Sebelum saya pergi menjawab kepada soalan-soalan yang dibangkitkan, ingin dimaklumkan bahawa market capitalisation ataupun jumlah modal dalam BSKL kita hujung minggu lepas ialah kira-kira RM465 ribu juta. Satu angka yang amat besar dan berikutan itu juga terdapat peningkatan dalam daily trading volume begitu juga value pun meningkat dan ini adalah satu petanda yang baik untuk negara dan perkara ini telah menimbulkan kebimbangan beberapa Ahli Yang Berhormat sama ada sistem yang ada mampu untuk menangani masalah-masalah yang mungkin timbul.

Perkara utama yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Arau ialah berkaitan dengan modal saham syarikat-syarikat ini. Sepertimana yang kita sedia maklum, Menteri Kewangan yang dahulu telah pun mengenakan peraturan keperluan di mana syarikat-syarikat broker saham dikehendaki meningkatkan modal mereka kepada RM20 juta dan ini adalah satu perkembangan yang baik untuk menyiapkan kita bagi menghadapi cabaran-cabaran masa hadapan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, yang lebih penting dalam hal ini ialah shareholders' funds ataupun dana pemegang saham bukan semata-mata capital ataupun modal berbayar syarikat-syarikat berkenaan. Dalam hubungan ini, ingin saya maklumkan bahawa pada hari ini di negara kita terdapat 58 buah syarikat broker saham termasuk dua tiga yang tidak beroperasi dan daripada jumlah tersebut, kira-kira 69% adalah firma-firma yang mempunyai dana pemegang saham melebihi RM40 juta, iaitu 27 firma kesemuanya sekali. 69% daripada bilangan syarikat broker saham di negara kita mempunyai dana pemegang saham lebih RM40 juta dan yang kurang daripada RM40 juta hanya 30 firma.

Sebagai contoh, Tuan Pengerusi, di antara syarikat-syarikat broker saham yang mempunyai dana pemegang saham antara yang tertinggi ialah TA Securities sebanyak RM222 juta, Rashid Hussein Securities RM203 juta dan OSK Securities RM125 juta. Oleh hal yang demikian, pada pandangan Kerajaan, pada masa ini belum lagi tiba masanya untuk kita meningkatkan keperluan modal saham ini tetapi sekiranya perkembangan lanjut memerlukannya, maka sudah semestinya Kerajaan akan memberi perhatian kepada perkara tersebut.

Ahli Yang Berhormat dari Arau juga membangkitkan tentang skrip palsu. Ini, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada suatu masa dahulu memang menjadi masalah. Pada hari ini ia tidak lagi menjadi satu kebimbangan kepada pihak-pihak yang berkuasa. Dengan izin, it is a non-issue pada masa ini. Ahli Yang Berhormat Arau juga membangkitkan tentang 'strain' ataupun ketegangan yang mungkin timbul dalam syarikat-syarikat broker saham akibat dalam peningkatan trading volume. Ada di antara mereka yang bekerja mungkin 24 jam dan sebagainya. Ini sedang diatasi oleh pihak-pihak berkenaan, bukan sahaja oleh pihak Securities Commission tetapi juga oleh pihak KLSE. Umpamanya, untuk memastikan kawalan dan pengawasan yang rapi dikenakan ke atas syarikat-syarikat broker saham, BSKL telah memastikan ahli-ahlinya membuat laporan berikut:

- (i) Laporan aliran tunai mingguan;
- (ii) Laporan kecairan dana minimum bulanan;
- (iii) Laporan audit mengejut tahunan di samping audit berkanun tahunan.

Di samping itu pemeriksaan dan lawatan oleh pasukan AWAS (Advance Warning and Surveillance Unit) BSKL sendiri akan melawat ke syarikat-syarikat dari semasa ke semasa. Kerajaan berpendapat adanya langkah-langkah yang disebutkan tadi antara lainnya, maka masalah 'strain' yang mungkin dialami oleh beberapa syarikat broker saham akan dapat diatasi dan kita yakin syarikat-syarikat broker saham mampu menangani masalah ini.

Ahli Yang Berhormat dari Arau dan juga Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap mencadangkan antara lain mungkin

memandangkan keadaan semasa, bilangan syarikat broker saham hendak ditambahkan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini, Kerajaan masih lagi membekukan pengeluaran lesen-lesen baru syarikat broker saham kecuali yang dikeluarkan kepada Bank Islam baru-baru ini, yang mana bank tersebut akan menjalankan urusan broker saham ini mengikut syariah Islam. Yang lain-lain tidak ada yang baru yang ditubuhkan. Bermakna pada masa ini masih lagi Kerajaan membekukan.

Apa yang kita buat sekarang ini ialah untuk menggalakkan firma-firma broker saham membuka cawangan-cawangan baru di tempat-tempat tertentu di Kuala Lumpur di mana terdapat permintaan yang banyak. Kita sedar bahawa di kawasan-kawasan tertentu sama ada di Alor Setar, Shah Alam ataupun tempat-tempat yang lain terdapat peningkatan ketara di kalangan orang ramai untuk melabur dalam Bursa Saham Kuala Lumpur dan Kerajaan akan mengkaji perkara ini dari semasa ke semasa dan jika perlu akan mengambil tindakan sewajarnya.

Tuan Pengerusi

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Jarjis: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Ada yang bangun ya.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Jarjis: Tuan Pengerusi, minta penjelasan. Tadi Yang Berhormat ada mengatakan bahawa Kerajaan berkemungkinan akan menggalakkan atau membenarkan syarikat-syarikat ini membukakan cawangan (branches) dan Yang Berhormat ada mengatakan keutamaan akan diberi kepada bandar-bandar besar. Soalan saya adalah bahawa minat ataupun penglibatan atau penyertaan rakyat negara ini bukan hanya sekadar tertumpu di bandar besar. Kadang-kadang

yang mahu melibatkan diri juga adalah daripada luar bandar. Adakah Kerajaan akan memberikan keutamaan kepada syarikat-syarikat ini untuk membuka cawangan-cawangan di luar bandar supaya masyarakat di luar bandar juga dapat menyertai pasaran saham ataupun perniagaan dalam saham ini?

Tuan Mustapha bin Mohamed:

Saya menggunakan contoh-contoh Shah Alam dan beberapa bandar besar sekadar memberikan contoh di mana terdapat peningkatan dalam minat untuk melabur. Bukan saya memberikan jaminan bahawa perkembangan khusus akan diberikan kepada tempat-tempat tersebut. Jadi dalam hubungan ini, dalam menimbang permohonan-permohonan Kerajaan akan melihat kepada keadaan setempat dan sekiranya kawasan-kawasan tertentu yang kurang urban agaknya memerlukan, maka Kerajaan sedia menimbang permohonan yang tersebut.

Ahli Yang Berhormat dari Arau juga membangkitkan tentang masalah 'sub-remisier'. Beliau berkata bahawa 'sub-remisier' ini terlibat dalam trading. Mengikut peraturan memang tidak ada 'sub-remisier' dalam peraturan. Yang ada hanyalah mungkin 'trainee remisiers' ataupun 'remisier' yang dalam latihan dan mereka memang tidak boleh terlibat dalam kegiatan-kegiatan untuk berdagang dalam pasaran saham. Jika ada kes-kes begini, maka pihak berkenaan hendaklah melaporkan kepada pihak berkuasa. Kepada pelabur kita ingin menasihati supaya hanya berurusan dengan 'trained remisiers' ataupun remisier-remisier terlatih bukannya 'trainee remisiers' ataupun clerical assistants.

Tuan Chor Chee Heung: *(Bangun)*

Tuan Pengerusi: Ya. Alor Setar bangun.

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Pengerusi, saya minta penjelasan dari Yang Berhormat. Tadi Yang Berhormat sudah kata Kerajaan sedang menggalakkan broker-broker saham untuk membuka cawangan di semua negeri. Bagi menjaga kepentingan pelabur-pelabur, saya ingin tahu berapa sumbangan yang diberikan oleh broker saham kepada BSKL dan buat masa ini dapat "pool" nya – compensation fund atau apa-apa pun. Berapa nilai "pool" nya?

Yang kedua, adakah pihak Kerajaan bercadang untuk mengadakan satu jenis 'professional indemnity' supaya firma "share-brokers", kalau bankrapkah, siapa yang bertanggungjawab untuk membayar balik tabungan yang diberikan oleh pelabur-pelabur? Sekian, terima kasih.

Tuan Mustapha bin Mohamed:

Saya tidak ada angka-angka berkaitan dengan sumbangan yang dibuat oleh syarikat broker saham kepada Bursa Saham Kuala Lumpur. Tetapi jika kita baca daripada laporan akhbar sehari dua yang lalu, melihat kepada keuntungan yang diberi oleh BSKL, kalau tidak silap saya, saya kira RM150 juta. Ini melambangkan bahawa sumbangan, kebanyakan datang daripada syarikat-syarikat broker saham.

Berkaitan dengan 'indemnity fund', memang ini sudah ada dan jika mendapati kriteria-kriteria tertentu, bolehlah membuat permohonan.

Seterusnya, Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Arau juga membangkitkan tentang NAFTA dan kadar faedah yang terdapat di negara kita. Mengikut Ahli Yang Berhormat dari Arau, trend sekarang ini yang terdapat di seluruh dunia ialah negara-negara, bukan sahaja di Eropah tetapi juga di

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Jarjis: *(Bangun)*

Tuan Pengerusi: Ada yang bangun.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Jarjis: Saya minta penjelasan. Tadi, andaian Yang Berhormat Setiausaha Parlimen mengatakan kemungkinan remisier-remisier yang ditauliahkan oleh KLSE, terutama sekali kita dimaklumkan bahawa ada satu kuota yang dikenakan supaya berapa peratusan remisier satu firma itu mestilah bumiputera. Ada keluhan yang didengar dan saya ingin bertanya sama ada keluhan ini mendapat perhatian Kementerian bahawa ada syarikat-syarikat broker saham tertentu menggunakan remisier-remisier bumiputera sebagai nama sahaja! Ini macam ibarat 'Ali Babalah'. Mereka ini digunakan nama mereka, diminta sains apa borang yang perlu disain. Tetapi yang mengendalikan lesen remisier itu adalah bukan bumiputera. Ini tohmahan yang kita dengar. Adakah tohmahan ini benar ataupun mendapat perhatian Kementerian dalam perkara ini? Terima kasih.

Tuan Mustapha bin Mohamed: Tuan Pengerusi, adalah menjadi dasar Kerajaan untuk memastikan kaum bumiputera terlibat dalam setiap aspek dan sektor ekonomi negara, termasuk juga dalam institusi kewangan dan Bursa Saham Kuala Lumpur. Pada masa ini, walaupun penyertaan bumiputera bolehlah kita banggakan sedikit di beberapa sektor, kita berharap lebih ramai lagi bumiputera terlibat dalam BSKL dan broker saham ini dan sebagai remisier. Sekiranya Ahli Yang Berhormat ada kes tertentu, di mana berlaku penyelewengan sepertimana yang disebutkan, sila rujuk kepada saya dan kita akan menyiasat dan jika perlu kita akan mengambil tindakan sewajarnya.

Datuk Haji Basri bin Bajuri:
(*Bangun dan keluar dari Dewan*)

Tuan Pengerusi: Ya, ada yang bangun lagi.

Tuan Mustapha bin Mohamed: Tak jadi.

Tuan Pengerusi: Beliau berjalan keluar! (*Ketawa*)

Tuan Mustapha bin Mohamed: Seterusnya, Tuan Pengerusi, berkaitan dengan kadar faedah (interest rate) ini, memang jika dibandingkan dengan beberapa buah negara, kadar faedah negara kita mungkin dianggap agak tinggi, khususnya setelah berlakunya sedikit-sebanyak penurunan kadar faedah di negara-negara Eropah dan juga di negara-negara Amerika Utara. Dalam hubungan ini, kita ingin menekankan bahawa kadar faedah yang ada di dalam negara kita adalah berpatutan dan mampu untuk menggalakkan pelaburan dalam negara. Kalau kita baca akhbar hari ini, dua orang pakar daripada International Monetary Fund memberi pujian kepada negara kita atas kemampuan kita untuk menguruskan kadar faedah dengan baik, khususnya dalam meliberalisasikan dan melonggarkan syarat-syarat kewangan yang membolehkan kadar faedah ditentukan oleh keadaan pasaran. Oleh itu, kita berpendapat kadar faedah yang ada pada hari ini, yang memang turun beberapa bulan akhir-akhir ini mampu untuk menggerakkan kegiatan-kegiatan pelaburan dalam pelbagai sektor di negara kita.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Arau juga membangkitkan tentang MISC di mana mengikut beliau, pengerusinya telah melantik beberapa orang pegawai FELDA bagi menjadi pegawai kanan dalam MISC. Mengikut beliau, ini mungkin menyinggung perasaan pegawai-pegawai yang cukup mahir dalam bidang perkapalan. Melihat kepada perkembangan MISC, kita rasa MISC telah mencapai kejayaan yang cemerlang dan berjaya mampu mengharumkan nama negara, atau perniagaan yang meng-

untungkan negara. Sekiranya, perkara ini benar-benar berlaku sehingga menjejaskan kegiatan atau pengurusan MISC, Kerajaan akan mengambil perhatian atas ulasan dan pandangan yang dibuat oleh Yang Berhormat dari Arau.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Saya ingin bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, walaupun perkhidmatan MISC tidak terjejas malah mencapai kece-merlangan, tetapi ini bukan bermakna pengurusan MISC boleh bertindak dengan membelakangkan kepentingan kakitangan yang sedia ada bagi menjaga dan memberi penghormatan di atas sumbangan yang dibuat oleh kakitangan yang sedia ada. Maknanya alasan mengatakan bahawa MISC mendapat untung dan pihak pengurusan boleh buat apa sahaja, saya rasa alasan itu tidak cukup menyakinkan sebagaimana yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Arau. Sekian, terima kasih.

Tuan Mustapha bin Mohamed: Terima kasih, Yang Berhormat dari Pasir Mas. Kita akan mengambil perhatian pandangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Arau dan Pasir Mas dan, jika perlu, tindakan sewajarnya akan diambil.

Seterusnya, Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Arau juga membangkitkan tentang adanya beberapa orang pegawai Bahagian Kontrak yang beliau ternampak di Paris dan di beberapa tempat yang lain. Kerajaan ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat kerana mengemukakan maklumat ini dan saya sukacitalah sekiranya kalau Yang Berhormat ada maklumat terperinci, boleh kita siasat apa keadaan sebenarnya yang berlaku di Paris itu.

Tuan Pengerusi, saya pergi kepada Yang Berhormat dari Pasir Mas yang

membangkitkan, antara lain, tentang Maksud B. 28 yang pada pengamatan beliau sudah hilang daripada buku Anggaran Belanjawan ini kerana dahulunya dipanggil "Bekalan dan Kontrak". Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sekarang ini dipanggil "Pengurusan Perolehan" yang terdapat di muka surat 175 dengan peruntukan sebanyak RM5 juta. Jadi, bahagian ini memang masih ada lagi, cuma ditukar nama daripada "Bekalan dan Kontrak" kepada "Pengurusan Perolehan."

Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas juga membangkitkan tentang rayuan cukai pendapatan iaitu yang tertera dalam muka surat berkenaan dalam Anggaran Belanjawan, hanyalah merupakan peruntukan yang disediakan kepada Pesuruhjaya-pesuruhjaya Cukai Pendapatan dan mereka ini mendengar kes-kes rayuan yang mana tidak dapat diselesaikan oleh Jabatan Hasil Dalam Negeri. Oleh hal yang demikian, peruntukannya kecil, terdapat hanya 6 orang pesuruhjaya pada masa ini, dan mereka mendengar kes-kes yang tidak dapat diselesaikan oleh Jabatan. Kalau lihat daripada kes-kes tertunggak angkanya amat kecil, kira-kira 13 sahaja berbanding lebih daripada 690 kes yang telah diselesaikan. Urusan utama daripada Jabatan Hasil Dalam Negeri sebenarnya dibuat oleh Jabatan Hasil Dalam Negeri yang merupakan agensi utama bagi pihak Kerajaan yang mengutip segala bentuk cukai pendapatan, baik daripada syarikat, mahu pun daripada individu. Jadi, itu untuk menjelaskan kesangsian yang timbul dalam "kepala" Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas. *(Ketawa)*

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat membangkitkan tentang tender di mana mengikut Ahli Yang Berhormat, ada di antara pegawai-pegawai yang "pass the buck", dengan izin, kepada orang-orang politik. Sebenarnya, mengikut Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas,

pegawai-pegawai yang banyak terlibat dalam menentukan tender-tender, khususnya tender-tender kecil ini, dan beliau menyarankan supaya kita melihat daripada gaya hidup setengah daripada Pengerusi-pengerusi Lembaga Tender ini. Kerajaan mengambil berat tentang pandangan Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas dan jika Ahli Yang Berhormat ada kes-kes tertentu – dan saya percaya Yang Berhormat ada – beliau boleh mengemukakan kepada kita untuk disiasat.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Pengerusi, ini bukan daripada “kepala” saya. (*Ketawa*) Ini daripada pengamatan saya, bukannya saya maksudkan pengerusi-pengerusi tender. Maknanya, keseluruhan keputusan tender itu dibuat oleh Lembaga Tawaran yang mengandungi wakil Perbendaharaan, lazimnya wakil dari Jabatan Kerja Raya kalau membabitkan soal kontrak binaan; wakil daripada Majlis ataupun Lembaga Pengarah; wakil daripada EPU dan bermacam-macam wakil. Tetapi yang pentingnya, dalam sesuatu urusan Lembaga Tawaran iaitu pihak pentadbiran jabatan berkenaan ataupun juruperunding yang dilantik mengendalikan sesuatu urusan tender dan juga pihak wakil daripada Perbendaharaan. Ada 3 unit atau golongan yang penting yang saya harap pihak Kementerian Kewangan memerhati mereka-mereka tertentu, bukan semua, saya tidak kata semua. Tetapi ada setengah-setengah yang disangsi dari segi gaya hidup mereka, bagaimana mereka memperolehi punca pendapatan. Apabila melihat gaya hidupnya, lebih daripada gaji.

Tuan Pengerusi, kalau kita lihat daripada gaya hidup sesetengah, saya menyebut ini secara umum, saya tidak mahu memberi contoh, cuma umum, iaitu kalau seseorang itu bergaji RM10,000 sebulan, kalau dia berpuasa, dia tidak makan dan tidak minum, dia tidak menukar baju, kalau setahun berapa dapat? RM10,000 itu tinggi.

RM120,000 dapat daripada gaji kalau tidak makan, tidak minum, berpuasa, baju tidak pernah tukar, seluar dalam tidak pernah tukar, semua tidak pernah tukar. Macam mana mereka ini boleh hidup gaya yang luar biasa. Itu persoalan saya supaya diperbetulkan, terutamanya terbahitlah juga Ketua-ketua Pengarah yang saya sebutkan, bukan berertinya semua Ketua Pengarah, tetapi ada Ketua-ketua Pengarah. Kalau hendak saksi, boleh saya membawa Yang Berhormat Setiausaha Parlimen meronda sekitar Kuala Lumpur, ke kawasan Damansara Heights atau Ampang Jaya, ke rumah-rumah yang saya kenal, untuk melihat bagaimana keadaan pagar atau pintu masuk rumah, semua sekali.

Seorang Ahli: Saham!

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Ya, betul dia main saham. (*Ketawa*) Tetapi, agak luar biasa dari segi lama. Sebab itu, saya meminta supaya perkara ini diberi perhatian yang serius.

Tuan Mustapha bin Mohamed: Terima kasih, Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas. Memanglah Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas merujuk kepada beberapa individu, bukan kesemua. Bukan beliau mempersalahkan ramai pegawai-pegawai Kerajaan tetapi individu-individu tertentu. Insya-Allah, saya akan berbincang lanjut dengan Yang Berhormat Pasir Mas berkenaan dengan perkara ini, mungkin malam ini ataupun esok. Jadi, Tuan Pengerusi

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Ya, ada yang bangun pula ini.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya mengenai dengan hal ini juga. Adakah

sesuatu peraturan (directive) yang dibuat oleh Perbendaharaan dalam hal ini? Kerana, saya selalu didatangi oleh kontraktor-kontraktor khususnya di dalam tender yang dipengerusikan oleh Pegawai Kemajuan Negeri yang tidak ada orang politik langsung, semuanya pegawai. Jadi, apabila tender-tender yang direkomenkan oleh engineer yang menilai penawaran itu, selalunya tidak diikuti oleh Lembaga Tender. Misalnya, engineer merekomenkan yang nombor 3 paling bawah, diambilnya nombor 11 paling bawah. Jadi, banyak perkara berlaku yang engineer telah merekomenkan yang paling rendah diambil nombor 4.

Jadi, ini saya tidak mahulah hendak mengatakan PAC report sebab PAC belum meneliti tentang hal ini. Tetapi adakah peraturan-peraturan yang sedemikian diadakan atau diwujudkan oleh pihak Perbendaharaan? Kerana, apa yang berlaku ialah decision yang dibuat tidak mengikut logik langsung. Ianya boleh dikatakan "arbitrary". Kalau hendak dibuat decision secara "arbitrary", mengapa diadakan penilaian yang dibuat oleh pihak engineer dan QS?

Tuan Mustapha bin Mohamed: Tuan Pengerusi, untuk ini saya ada tiga pemerhatian. Yang pertama, kesemua tender dinilai mengikut dua kriteria:

- (i) dari segi kewangannya; dan
- (ii) dari segi teknikalnya.

Jadi, apabila kita bercakap tentang teknikal, sudah pastinyalah QS dan konsultan memang banyak terlibat dalam menilai tender berkenaan. Apabila datang kepada harga, ini pula melibatkan satu kumpulan yang lain. Kesemua tender akan melalui proses ini, penilaian teknikal dan penilaian kewangan. Itu yang pertama.

Yang keduanya, tender yang dipilih itu merupakan best evaluated tender, dengan izin, di mana kita tidak terikat dengan tender terendah. Tetapi pada pandangan kerajaan berdasarkan kemampuan kontraktor dan juga penilaian markah yang diberikan. Maka penender tersebut akan dipilih.

Akhirnya, ingin saya jelaskan bahawa kesemua tender ini diputuskan oleh Lembaga bukan diputuskan oleh seorang, ada check and balance, dengan izin, bukan bermakna Pengurus Besar ataupun seorang pegawai yang menentukannya. Kesemua Lembaga Tender mempunyai ahli-ahli lembaganya dan biasanya

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Pasir Mas bangun, Yang Berhormat.

Tuan Mustapha bin Mohamed: . . . biar saya teruskan. Biasanya, jika tidak ada percanggahan pendapat, ada consensus maka tender tersebut akan diputuskan kepada mereka yang diperakukan. Dalam kes-kes di mana terdapat percanggahan pendapat antara ahli-ahli Lembaga Tender, maka kes-kes seperti ini dirujuk kepada Kementerian Kewangan untuk keputusan.

Tuan Pengerusi: Ya, Pasir Mas.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Pengerusi, untuk mendapat penjelasan lanjut, apakah Yang Berhormat sedar dalam proses pengeluaran tender, kebanyakan sekarang ini digunakan juruperunding daripada luar iaitu juruperunding yang dilantik oleh jabatan ataupun badan-badan berkenaan. Apakah Yang Berhormat sedar sejauh manakah kerahsiaan atau tidak dibocor terutamanya dari segi maklumat-maklumat harga? Kerana, juruperunding ini adalah badan swasta yang tidak ada kawalan, yang mereka juga adalah orang-orang yang berniaga.

Tuan Pengerusi, saya membangkitkan perkara ini kerana saya pernah didatangi oleh seorang dua kontraktor yang memohon saya, kononnya sebagai orang politik untuk melobi sesuatu projek dan saya ditunjukkan maklumat-maklumat yang belum di bawa ke Mesyuarat Lembaga Tender. Jadi, saya hendak bertanya soalan kepada Yang Berhormat, bagaimana Kementerian Kewangan boleh memastikan juru-perunding-juruperunding yang dilantik oleh semua agensi Kerajaan dalam proses pengeluaran tender, tidak berlaku kebocoran kerahsiaan supaya maklumat-maklumat jangan satu-satu pihak sahaja yang mengetahui sehingga apabila mereka memasuki tender, harga mereka itulah yang lebih menepati kehendak sebagaimana anggaran juruperunding, 50% up or below. So, it is sometimes very close dengan dia punya harga. Jadi, ini berlaku kesangsian manakala kontraktor-kontraktor atau penender-penender lain yang "naive", masuk pun mungkin tidak ada harapan oleh kerana harga yang mereka buat itu berasaskan kepada perkiraan mereka sendiri.

Ini saya meminta Kementerian Kewangan mulai berhati-hati dan mencari pendekatan bagi memastikan kerahsiaan maklumat tender ini tidak bocor.

Tuan Mustapha bin Mohamed: Tuan Pengerusi, kerahsiaan memang merupakan satu asas yang penting dalam mana-mana tender. Sekiranya, maklumat dibocorkan oleh sesiapa jua, maka ini akan memberi kelebihan (advantage) kepada penender berkenaan. Oleh itu, Kerajaan mengambil berat jika adanya kes-kes kebocoran ini, memang kita dengar dari masa ke semasa, untuk ini kita memerlukan bukti. Jika dirujuk kepada kami, insya-Allah kita akan mengambil tindakan sewajarnya.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Jarjis: Tuan Pengerusi, saya minta sedikit penjelasan. Perkara yang ingin saya bangkitkan ialah bagi sistem pengurusan perolehan bagi projek-projek yang dibiayai oleh pinjaman luar negara. Ada yang kita dengar bahawa projek-projek yang dibiayai oleh pinjaman luar, kita difahamkan kata pemutus untuk tender-tender ini bukan di tangan Kementerian Kewangan. Tetapi kata pemutus ini adalah di tangan "lender". Adakah ini benar? Kalau sesuatu projek itu dibiayai misalnya, oleh Kerajaan Jepun ataupun Kerajaan Ingeris, apabila diputuskan atau dicadangkan oleh Lembaga Tender, Kementerian Kewangan sudah tidak boleh lagi menjadi kata pemutus. Kata pemutus dalam sistem perolehan ini atau jenis projek yang dibiayai oleh pinjaman luar negeri adalah melalui "lender" itu sendiri. Adakah ini benar atau pun tidak?

Tuan Mustapha bin Mohamed: Tuan Pengerusi, institusi-institusi kewangan antarabangsa yang memberikan pinjaman kepada Kerajaan Malaysia mengenakan peraturan-peraturan yang tertentu berkaitan tender yang hendak dikeluarkan. Misal kata, sebuah sekolah itu hendak dibina dengan pinjaman daripada Asian Development Bank, maka ada peraturan-peraturan tendernya. Tetapi peraturan-peraturan ini merupakan peraturan yang universal, tidak ada percanggahan dengan peraturan-peraturan yang kita sendiri amalkan.

Oleh hal yang demikian, walaupun untuk tender-tender ini, kita ada Lembaga Tender dan kita tidak semestinya mengikut telunjuk pemberi pinjam berkenaan. Dengan lain perkataan, kita menentukan tender tersebut berdasarkan garis panduan yang diedarkan oleh pemberi pinjam, tetapi garis panduan itu berbentuk 'universal' yang diterimapakai oleh kita juga.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Jarjis: Sehubungan dengan perkara ini, kadang-kadang sesuatu projek itu banyak value-added, banyak kepentingan tempatan yang mungkin bercanggah daripada kepentingan 'lenders'. Sebab 'lenders' yang membiayai pinjaman ada kepentingan mereka, seperti value-added, penggunaan barang tempatan, penggunaan tenaga tempatan. Oleh kerana keadaan negara kita, sumber kewangannya sudah kukuh, adakah Kerajaan sanggup mengkaji kembali mana-mana projek-projek yang dibiayai oleh 'lenders' ini, kalau peraturan mereka, walaupun universal, tetapi bercanggah dengan kepentingan kita, adakah Kerajaan sanggup hendak 'review' kembali? Kita 'finance' diri kita sendiri, tidak perlu kita pakai sumber kewangan mereka? Terima kasih.

Tuan Mustapha bin Mohamed: Saya hendak menjawab soalan ini dengan ringkas. Pada masa ini, Tuan Pengerusi, Kerajaan tidak banyak lagi meminjam daripada institusi-institusi kewangan antarabangsa dengan kedudukan kewangan kita yang semakin teguh dengan 'Belanjawan Berimbang', pertama kali dalam sejarah 'surplus' sebanyak RM195 juta tahun ini. Maka Kerajaan tidak ada lagi keperluan untuk meminjam daripada luar negeri dan mungkin kebimbangan yang disuarakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Rompin itu akan dapat diatasi. Insya-Allah.

Tuan Pengerusi, seterusnya mengenai teguran Yang Berhormat dari Pasir Mas yang membangkitkan tentang bilangan pegawai yang mengawasi syarikat-syarikat sektor awam seramai 13 orang, kata beliau tidak cukup.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan mengawasi syarikat-syarikat Kerajaan melalui beberapa agensi, bukan sahaja melalui Kementerian

Kewangan, tetapi juga agensi-agensi berkenaan, umpamanya Kementerian Perusahaan Awam mempunyai banyak agensi yang diawasinya.

Antara peranan utama Kementerian Kewangan ialah menubuhkan satu Unit yang dipanggil 'Badan Pengawasan Syarikat-syarikat Awam' pada tahun 1986. Tugas utama Unit ini ialah untuk melihat pada syarikat-syarikat Kerajaan yang berjumlah 1,000- semua sekali dengan pelaburan Kerajaan sebanyak RM21,000 juta – satu angka yang besar. Kerajaan pada ketika itu amat bimbang dengan perkembangan yang tidak baik dalam beberapa syarikat, khususnya dari segi kerugian besar yang dialami. Oleh hal yang demikian, bermula tahun 1986 kita telah review ataupun mengkaji semula kira-kira 79 buah syarikat sektor awam yang besar, yang memerlukan 'penjadualan' semula pinjaman yang memerlukan bantuan Kerajaan.

Sukacita saya melaporkan di sini, walaupun bilangan pegawainya kecil seramai 13 orang, tetapi inputnya mungkin nampak kecil bagi Pasir Mas, tetapi dari segi outputnya kita dapat lihat pada hari ini beberapa syarikat telah dapat dipulihkan hasil daripada usaha bilangan pegawai yang kecil ini.

Kalau kita lihat kepada HICOM, Kedah Cement Sdn. Bhd., Perwaja Steel Sdn. Bhd., kesemua syarikat-syarikat ini telah dipulihkan setelah dikaji semula dan dibincang di peringkat Kementerian Kewangan.

Kalau Ahli Yang Berhormat baca 'Malaysian Business' keluaran terakhir umpamanya, kita boleh lihat syarikat-syarikat yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur, peraturan yang terbesar, mengikut *Malaysian Business* ini berjumlah

RM62.2 ribu juta nilai saham Kerajaan di Bursa Saham Kuala Lumpur. Ini adalah untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antaranya berikutan dari usaha-usaha yang dibuat oleh Kerajaan untuk mengkaji semula kedudukan syarikat bagi memperakukan supaya syarikat-syarikat itu disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur. Jadi, dengan ringkasnya ingin saya tegaskan, walaupun bilangan pegawai unit ini kecil seramai 13 orang, tetapi di segi outputnya telah membawa banyak perubahan kepada 'corporate scene', dengan izin dalam negara kita Malaysia.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: (*Bangun*)

Tuan Mustapha bin Mohamed: Ya.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Pengerusi, saya ingin mendapat penjelasan. Memang dari segi peranan mereka dalam menentukan kedudukan syarikat-syarikat kepentingan awam, walaupun sedikit, tetapi telah menunjukkan kerja yang baik. Itu adalah dalam konteks 'penyenaraian' syarikat-syarikat tersebut di Bursa Saham Kuala Lumpur. Contohnya, ada beberapa buah syarikat yang selama ini 'tenat', di mana Kerajaan 'writes-off' dan menubuhkan syarikat baru dan membawa ke Bursa Saham Kuala Lumpur and 'then turns the matters to the public'. Itu saya rasa adalah salah satu cara yang saya anggap walaupun baik, tetapi persoalan saya ialah sebelum sesuatu ataupun dalam sesebuah syarikat kepentingan Kerajaan, dari segi pengawasan daripada mula supaya ianya jangan sampai menjadi 'teruk' atau 'sakit' barulah selepas itu terpaksa mencari jalan untuk menyelesaikan masalah tersebut sebagaimana berlaku kepada Perwaja Steel Sdn. Bhd., pada satu masa dahulu.

Begitu juga kepada Kedah Marble Sdn. Bhd. Memang sekarang ini sudah pulih, sesudah dibawa ke Bursa Saham Kuala Lumpur dengan sokongan Kerajaan tentulah

mendapat keyakinan pelabur-pelabur dan harga saham naik. Tetapi dalam konteks ini, bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberi contoh, di mana syarikat-syarikat kepunyaan Kerajaan yang belum lagi disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur, tetapi menunjukkan kejayaan, keuntungan yang memuaskan, berasaskan kepada pengawalan yang dibuat oleh kakitangan yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan untuk menyelia syarikat-syarikat kepentingan awam ini? Itu persoalan saya. Sekian, terima kasih.

Tuan Mustapha bin Mohamed:

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sepertimana yang saya katakan tadi, beberapa syarikat sebelum disenaraikan ataupun sebelum dipulihkan memang dikaji dengan teliti oleh badan atau bahagian ini. Umpamanya Perwaja Steel Sdn. Bhd., pada satu masa dahulu mengalami masalah yang besar dan hari ini, syarikat ini belum lagi disenaraikan. Pada tahun lepas ia mencatatkan keuntungan sebanyak RM15 juta. Inilah antara contoh. HICOM, walaupun belum lagi disenaraikan, tetapi pada tahun lepas telah mencatatkan keuntungan sebanyak RM407 juta. Ini adalah contoh-contoh di mana melalui pengawasan yang lebih teliti.

Tuan Pengerusi, saya ingin memaklumkan Ahli Yang Berhormat, bahawa sebelum tahun 1986, tidak ada satu Agensi Pusat yang betul-betul serius melihat kepada kedudukan syarikat-syarikat awam. Buat pertama kalinya dalam tahun 1986, dalam sejarah negara dan Kerajaan di mana kita kumpulkan kesemua kedudukan syarikat-syarikat ini. Dan kita lihat 'makro' secara 'total', kita dapati kedudukan sebenarnya. Jadi, sesungguhnya penubuhan Badan Pengawasan Syarikat-syarikat Awam dalam tahun 1986 telah membawa banyak perubahan, khususnya dalam pengurusan dan juga prestasi syarikat-syarikat kepunyaan Kerajaan.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Jarjis: Penjelasan.

Dalam perkara ini, kita mengucapkan 'syabaslah' apa yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat tentang kejayaan syarikat-syarikat awam Kerajaan yang sudah disenaraikan dalam pasaran saham. Penjelasan saya atau persoalan yang saya ingin bawa dengan ekuiti ataupun harta Kerajaan yang ada dalam pasaran saham itu, dari segi 'market capitalisation'. Kalau kita lihat dari segi 'nett-worth' atau 'market capitalisation', jika kita campurkan TNB dengan STM sahaja melebihi RM100 bilion.

Persoalan saya, adakah Kerajaan berhajat 'to divest' atau 'sell down' kepentingan Kerajaan ini dalam syarikat-syarikat yang disenaraikan untuk membiayai projek-projek besar lain Kerajaan? Contohnya, kita dengar pembinaan Lapangan Terbang Antarabangsa di Sepang akan membelanjakan sebanyak RM8 billion. Ura-ura Kerajaan untuk membangunkan Project Hydro Bakun di Sarawak akan menelan belanja kira-kira RM28 bilion, dengan 'divesting' kepentingan Kerajaan, tidak semestinya sampai kehilangan majoriti, hanya 23% sahaja sudah boleh membiayai projek-projek besar Kerajaan seperti yang saya nyatakan ini.

Persoalan saya atau penjelasan saya ialah sama ada Kerajaan boleh bercadang 'instead of', dengan izin, 'to go for borrowing, external borrowing atau internal borrowing', macam baru-baru ini membiayai LRT, kita menggunakan EPF. 'Instead of' menggunakan wang EPF, mengapa tidak kita 'divestkan' kepentingan kita? Kalau kita juga boleh kurangkan dalam 50%, kita boleh menggunakan 'golden share'. Adakah Kerajaan berhajat untuk pergi ke arah ini untuk mendapatkan sumber kewangannya bagi membiayai projek-projek baru? Terima kasih.

Tuan Mustapha bin Mohamed: Tuan Pengerusi, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan pada masa ini mempunyai kepentingan dalam 7 buah syarikat yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur. Yang terbesar ialah Syarikat Telekom Malaysia dan Tenaga Nasional. Dalam Syarikat Telekom Malaysia kita ada 74.75%, dalam Tenaga Nasional 73.4% ekuiti kita dalam syarikat-syarikat tersebut, dalam hubungan ini Kerajaan mengkaji dari masa ke semasa.

Sepertimana yang dimaklumkan oleh Ahli Yang Berhormat memang pembinaan Lapangan Terbang Antarabangsa di Sepang memerlukan perbelanjaan yang besar, walaupun perbelanjaan Kerajaan tidaklah besar, kerana kebanyakannya akan diswastakan. Project Hydro Bakun di Sarawak juga memerlukan perbelanjaan yang besar, tetapi tidak semestinya semua akan dibelanjakan oleh Kerajaan, sudah semestinyalah Kerajaan akan mengkaji kedudukan kewangan dari semasa ke semasa. Buat masa ini, Kerajaan masih lagi belum ada apa-apa rancangan untuk 'sell down' kita punya ekuiti saham dalam syarikat-syarikat yang disenaraikan itu.

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Jawatankuasa)

Tuan Pengerusi, seterusnya perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Pasir Mas iaitu 'One-offs Expenditure', dengan izin, berjumlah RM5.39 juta yang terdapat di muka surat 179.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ini adalah untuk membina projek sebuah kilang baja pertanian yang akan ditempatkan di Thailand. Projek ini telah diluluskan oleh ASEAN Economic Ministers pada bulan Oktober, 1990 dan syarikat ditubuhkan pada bulan Mac, 1991.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah ekuiti dalam syarikat ini ialah US\$86.7 juta. Pemegang saham yang terbesar ialah Thailand 71%, Malaysia 13%, Indonesia 13% dan yang lain-lain negara ASEAN 1% sebuah negara. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, pengeluaran pertama baja pertanian ini dijangka bermula pada tahun 1995.

Dalam hubungan ini, Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap ada membangkitkan tentang satu projek iaitu "ASEAN Copper Fabricated Project" di Filipina. Projek ini telah lama diputuskan oleh Kerajaan, iaitu sejak tahun 1984 lagi dengan modal sebanyak RM10.4 juta, satu projek yang sudah lama dipersetujui tetapi memandangkan kekacauan yang berlaku di Filipina, maka pada hari ini pelaksanaan projek ini masih lagi dalam keadaan tidak menentu.

Tuan Pengerusi, seterusnya, satu perkara lagi yang menarik banyak minat ialah berkaitan dengan bayaran sewa kereta saloon yang berjumlah RM48 juta. Perkara ini dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas dan juga Padang Terap. Ingin saya maklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, bahawa Kerajaan telah membuat keputusan untuk men-swastakan "saloon cars" ini. Bermakna, pada masa ini Kerajaan yang mengendalikan dan menguruskan kenderaan-kenderaan ini dan Kerajaan pada masa ini mempunyai kira-kira 7,000 buah kenderaan di seluruh negara. Bermula 1hb. Januari akan datang, perkhidmatan 'saloon cars' ini akan diswastakan dan bayaran RM48 juta ini merupakan bayaran perkhidmatan yang akan dibayar kepada syarikat yang akan mengendalikan urusan ini bagi pihak Kerajaan. Dengan penswastakan tersebut, maka Kerajaan akan dikurangkan bebannya. Tahun pertama memang nampak banyak –

RM48 juta. Tetapi dalam jangka panjang, Kerajaan menjangkakan ia akan memberi keuntungan besar kepada Kerajaan, selain daripada dapat mengurangkan bilangan kakitangan Kerajaan, ia dapat mengurangkan penyelenggaraan (maintenance) dan lain-lainnya. Kerajaan yakin dalam jangka masa panjang, kita akan dapat memperolehi savings ataupun dapat menjimatkan perbelanjaan dengan penswastakan ini. Itu berkaitan dengan peruntukan RM48 juta yang dibangkitkan.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Pasir Mas bangun.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Apakah Yang Berhormat mempunyai maklumat di mana dalam tawaran kepada pihak yang akan menjalankan secara penswastakan ini, bilakah agaknya di mana Kerajaan tidak payah menanggung? Berapa tahun masa yang akan diambil yang mana tidak ada lagi pembiayaan Kerajaan untuk perkhidmatan kereta saloon ini? Dari segi jangka masa, berapa tahun?

Tuan Mustapha bin Mohamed: Tuan Pengerusi, Kerajaan perlu terus-menerus menanggung perbelanjaan. Jika saya memberi gambaran Kerajaan akan dapat menghapuskan sama sekali, saya mohon maaf. Apa yang saya maksudkan ialah Kerajaan akan menyelamatkan perbelanjaan. Kalau tahun depan RM48 juta, dan kita bandingkan jumlah perbelanjaan dengan kos yang dibelanjakan oleh Kerajaan dalam membeli kereta, menyclenggara kereta dan lain-lainnya dan setelah dibuat perkiraan, Kerajaan mendapati cadangan ini menguntungkan dan Kerajaan pasti akan dapat keuntungan (savings). Kerajaan perlu

terus membiayai perbelanjaan ini, terus membayar sewa kepada syarikat berkenaan tetapi dalam jangka panjang, Kerajaan memperoleh keuntungan daripada tindakan menswastakan kereta-kereta saloon ini.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Pengerusi, saya ingin mendapatkan penjelasan lanjut. Apabila Kerajaan memberi, umpamanya geran sebanyak RM48 juta, walaupun sudah diswastakan kepada pihak yang akan mengendalikannya, dan dalam masa mereka mengendalikan kereta-kereta tersebut, kereta ini digunakan oleh pihak Jabatan Kerajaan dan syarikat ini juga akan membuat caj kepada pihak Kerajaan. Jadi, saya ingin lihat dari segi keuntungan yang diperolehi oleh pihak Kerajaan.

Tuan Mustapha bin Mohamed: Perbelanjaan ini bukan merupakan geran kepada syarikat yang berkenaan. Ianya merupakan bayaran ke atas perkhidmatan yang akan diberikan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tahun hadapan kita menjangkakan kira-kira 2,500 kereta daripada 7,000 buah ini akan kita gunakan daripada syarikat yang mengendalikan urusan ini. Mengikut formula-formula tertentu, syarikat ini akan mengenakan sewa kepada Kerajaan. Sewa ini adalah sewa bulanan dan perbelanjaan yang dimaksudkan RM48 juta itu diperolehi setelah didarabkan bilangan kenderaan 2,500 buah dengan kadar sewa purata yang dikenakan. Ini perbelanjaan yang dijangka dibayar oleh Kerajaan.

Tuan Pengerusi, seterusnya saya hendak menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong berkaitan dengan 'loan-sharks'. Kerajaan ingin mengucapkan terima kasih khususnya kepada Yang Berhormat dari Parit Sulong dan juga

Rompin yang memang beberapa kali membangkitkan perkara ini dalam Dewan yang mulia ini dalam tempoh satu-dua tahun ini. Memang ini satu masalah serius yang dihadapi dan kita tahu ada kelemahan-kelemahan yang terdapat dalam sistem yang ada pada hari ini di mana kita dapati bahawa institusi kewangan tidak dapat memenuhi kesemua sekali keperluan, khususnya keperluan peniaga-peniaga kecil yang ingin meminjam daripada mereka.

Oleh yang demikian, timbul fenomena 'loan-sharks' ini, bukan sahaja di Parit Sulong, Batu Pahat, Rompin tetapi juga di bandar-bandar besar. Kerajaan mengambil berat tentang perkara ini walaupun Kerajaan telah meliberalisasikan syarat-syarat pinjaman. Umpamanya, syarat pinjaman untuk penjaja kecil bukan setakat diliberalisasikan tetapi diberikan pinjaman tanpa faedah. Penjaja-penjaja pada hari ini ada 'Tabung Penjaja' berjumlah semuanya RM120 juta dan penjaja boleh meminjam tanpa dikenakan sebarang faedah. Tiada riba yang terlibat, tiada kadar faedah yang dikenakan. Walaupun sudah dilonggarkan syarat-syarat, Kerajaan mendapati masih ada lagi masalah dan kita ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkenaan, khususnya dari Pasir Sulong dan Rompin yang telah membangkitkan perkara ini. Kerajaan memang memandang serius terhadap masalah ini. Insya-Allah, dalam sedikit masa lagi Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan akan membuat pengumuman penting berkaitan

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Jerai bangun.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih, Tuan Pengerusi, soalan tambahan. Penjelasan, Tuan Pengerusi!

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Soalan tambahan tak ada. (*Ketawa*) Bukan sekarang.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Pengerusi, penjelasan. Berkenaan dengan pinjaman kepada penjaja-penjaja. Saya difahamkan bahawa Bank Negara telah menyalurkan pinjaman-pinjaman ini melalui Persatuan-persatuan Penjaja dan mereka ini mestilah menjadi ahli dalam persatuan tersebut. Adakah pihak Kementerian sedar bahawa setengah persatuan-persatuan ini mengambil kesempatan di mana mereka sendiri telah mengenakan caj yang terpaksa dibayar oleh penjaja-penjaja kecil untuk mendapatkan pinjaman. Kadang-kadang setelah pinjaman itu diberi, bank-bank yang mana peruntukan telah diberi melalui Bank Negara ini menghadapi masalah untuk mengutip balik pinjaman-pinjaman ini.

Saya ingin mencadangkan, kalau boleh bank-bank ini mengutip balik pinjaman ini secara harian ataupun diberi kepada persatuan-persatuan ini supaya mereka ini mengutip pinjaman-pinjaman ini secara harian dan diberi sedikit wang perkhidmatan kepada persatuan-persatuan ini supaya persatuan ini dapat menjalankan kerja-kerja mereka. Ini jelas terbukti, apabila 'Pekan Rabu' di Kedah mengamalkan sistem mengutip sewa kedai mereka itu secara harian. Jadi, di sebelah petangnya pegawai-pegawai 'Pekan Rabu' akan berjalan dan mengutip duit-duit ini dan mereka terus bayar balik kepada pihak MARA. Sekian.

Tuan Mustapha bin Mohamed: Tuan Pengerusi, pada masa ini terdapat dua bentuk pinjaman kepada penjaja kecil. Pertama, dipanggil 'Tabung Pinjaman Penjaja dan Penjaja Kecil' dengan peruntukan RM100 juta dan yang satu lagi dipanggil 'Skim Pinjaman Khas Persatuan' RM20 juta.

Yang pertama, Tabung Pinjaman Penjaja dan Penjaja Kecil' mengikut keadaan sekarang memang perlu kita rujukan kepada institusi kewangan dan tidak melibat sedikit pun Persatuan-persatuan Penjaja dan Peniaga. Tetapi tabung di mana kita memperuntukkan RM20 juta ini memang kita melibatkan persatuan. Ini adalah, antara lainnya tujuan Kerajaan ialah untuk memberikan tanggungjawab yang lebih kepada persatuan untuk melatih dan mendorong mereka supaya lebih bertanggungjawab.

Tetapi malangnya sebagaimana kata Ahli Yang Berhormat, ada di antara persatuan-persatuan ini yang telah menyeleweng. Dan oleh hal yang demikian, pada satu masa, bank-bank, Bank Negara dan CGC terpaksa menggantungkan pinjaman di bawah skim pinjaman khas persatuan ini kerana terdapatnya penyelewengan. Jadi, memang Kerajaan sedar perkara ini berlaku dan langkah-langkah sewajarnya akan diambil dan kita berharap apabila Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri mengumumkan syarat-syarat baru berkaitan dengan pinjaman CGC ini, beberapa keluhan yang disuarakan dalam Dewan yang mulia ini akan dapat dijawab, termasuk cadangan Ahli Yang Berhormat dari Jerai agar kutipan harian dibuat ke atas peminjam-peminjam tersebut. Itu berkaitan dengan pinjaman-pinjaman 'loan sharks'.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap semasa menyampuk perbincangan, ada membangkitkan tentang

'Amanah Ikhtiar Malaysia'. Kita ingin memaklumkan bahawa Kerajaan berpuas hati dengan pencapaian Amanah Ikhtiar Malaysia ini. Pada masa ini AIM telah pun mengeluarkan pinjaman kepada 22,000 sahabat iaitu mereka yang mempunyai pendapatan yang rendah dan kita dengan dukungan Kerajaan, umpamanya, kita telah memperuntukkan RM20 juta sebagai interest free loan kepada Amanah Ikhtiar Malaysia ini. Selain daripada itu, pada tahun hadapan kita menjangka mengeluarkan peruntukan Mengurus sebanyak RM2.9 juta untuk memperkemas serta memantapkan lagi operasi Amanah Ikhtiar Malaysia agar ia dapat membantu peniaga dan penjaja kecil dan juga mereka yang lain, yang daif, dengan itu akan dapat mengurangkan masalah 'loan sharks' yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi, seterusnya persoalan-persoalan yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka. Ahli Yang Berhormat Kota Melaka telah membangkitkan dua isu utama. Yang pertama berkaitan dengan kerugian atas kertas Bank Negara. Yang kedua berkaitan dengan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Melaka.

Berkaitan dengan kerugian Bank Negara seperti yang Ahli Yang Berhormat sedia maklum, penerangan tentang isu ini telah dibuat beberapa kali di sidang Parlimen yang lalu dan saya minta supaya kita merujuk kembali kepada rekod-rekod sidang Parlimen dengan penerangan yang panjang lebar yang telah diberikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan. Saya kira isu tersebut telah dijawab dan tidak harus perkara ini saya ulang lagi.

Tuan Lim Guan Eng: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Kota Melaka minta jalan.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Pengerusi, terima kasih kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Bolehkah saya bertanya memandangkan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen baru-baru ini telah menulis sebuah buku ekonomi yang begitu lengkap khususnya termasuklah peranan Bank Negara – bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberitahu Dewan yang mulia ini apakah kedudukan sekarang tentang kerugian dari segi reserve lain yang dialami oleh Bank Negara dari penglibatan mereka atau spekulasi mereka atau perjudian mereka dalam pasaran tukaran wang asing berbanding dengan kedudukan dalam tahun 1992?

Tuan Mustapha bin Mohamed: Tuan Pengerusi, saya ingin menegaskan tidak ada perjudian yang berlaku – yang pertama.

Yang keduanya, biasanya dalam amalan biasa, agensi Kerajaan, syarikat-syarikat ataupun Kerajaan sendiri menyiapkan akaunnya pada akhir tahun dan tahun kewangan Bank Negara Malaysia akan berakhir pada 28hb Februari tahun hadapan dan saya percaya perkara ini akan dapat kita ketahui apabila akaun Bank Negara dibentangkan di Dewan yang mulia ini dan juga untuk tatapan awam dalam masa tiga, empat bulan akan datang.

Tuan Wee Choo Keong: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ya.

Tuan Wee Choo Keong: Terima kasih, Setiausaha Parlimen. Bolehkah dengan semangat ketelusan (transparent) yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan sendiri, saya menyeru beliau memberitahu Parlimen sama ada benar bahawa Bank Negara telah mengalami lagi satu kerugian besar melebihi RM10 bilion beberapa bulan yang lalu, ini juga foreign exchange – perjudian itu. Dan

apakah tindakan yang telah diambil oleh beliau untuk memperolehi semula kerugian sebanyak RM12.8 bilion ini dalam tahun 1992 dan juga lagi satu kerugian besar yang saya sebut tadi RM10 bilion.

Tuan Mustapha bin Mohamed: Khabar-khabar angin yang disebarkan oleh Ahli Pembangkang daripada DAP yang telah tidak berasas dan saya tidak mahu pergi lebih lanjut dalam perkara ini kerana telah pun diberi penjelasan yang memang menjadi dasar Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan untuk telus dalam pengurusan kewangan. Dan kita yakin dan percaya semangat ketelusan ini akan dijelmakan apabila tiba masanya.

Seterusnya Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka membangkitkan tentang isu Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Melaka khususnya yang ada kaitan dengan Kementerian Kewangan iaitu berkaitan dengan Jabatan Hasil Dalam Negeri.

Dalam hal ini, Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan telah pun menjelaskan dalam Dewan yang mulia ini semasa menggulung perbahasan bahawa beliau dan Kerajaan khususnya akan mengambil tindakan kepada siapa sahaja tidak kira pangkat dan kedudukan. Perkara ini telah pun ditegaskan dan saya pasti surat yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka yang telah ditulis kepada Menteri Kewangan telah pun dirujuk kepada pihak-pihak yang berkenaan.

Tuan Pengerusi,

Tuan Lim Guan Eng: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Dia bangun Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Di sini bolehkah saya mendapat tahu sama ada pihak Jabatan Hasil Dalam Negeri telah mengadakan satu

siasatan yang penuh untuk menjamin bahawa Ketua Menteri Melaka, Yang Amat Berhormat Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik membayar cukai yang sepadan atau selari dengan milikan harta bendanya, yang meningkat ke tahap RM50 juta sekarang.

Yang kedua, sungguhpun saya tidak tahu sama ada Yang Berhormat boleh menjawab soalan ini, apakah peranan Jawatankuasa Kabinet menentang penyelewengan dan rasuah yang ditubuhkan oleh pihak Kabinet untuk membanteras amalan rasuah. Kerana setakat ini sungguhpun jawatankuasa ini telah ditubuhkan lebih empat atau lima tahun, tidak ada sebarang tindakan yang diambil.

Sungguhpun saya ada menulis banyak surat kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri mengenai amalan rasuah, tidak ada satu jawapan, tidak ada satu tindakan yang diambil. Apakah peranan – bukannya lebih baik jawatankuasa ini dibubarkan kerana hanya main-main sahaja.

Tuan Mustapha bin Mohamed: Kerajaan serius dalam sebarang apa tindakan yang dibuatnya, tidak pernah kita bermain-main, walaupun berkali-kali dituduh oleh pihak DAP bermain-main. Jawatankuasa Penyelewengan ini seperti mana yang kita tahu peranannya adalah untuk mencegah penyelewengan dan untuk memastikan segala urusan Kerajaan berjalan dengan baik dan lancar.

Berkaitan dengan persoalan satu lagi sama ada Jabatan Hasil Dalam Negeri menyiasat Ketua Menteri Melaka, mengikut dan amalan kita, kita tidak boleh reveal, dengan izin, ataupun mengisytiharkan tindakan-tindakan yang diambil terhadap mana-mana pembayar cukai walau seseorang itu pembayar cukai yang membayar cukai yang sedikit ataupun seorang pembayar cukai yang tinggi. Tetapi

saya ingin menegaskan sekali lagi bahawa sebagai sebuah Kerajaan yang telus, yang bertanggungjawab kepada rakyat, kita akan mengambil tindakan yang perlu bagi memastikan aduan-aduan yang diterima dan dikemukakan oleh pihak-pihak berwajib itu disiasat dengan teliti bagi memastikan tidak ada sebarang penyelewengan ataupun penyalahgunaan kuasa berlaku.

Tuan Pengerusi, satu lagi perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka ialah berkaitan dengan percanggahan komen antara Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan berkaitan dengan MAIKA. Perkara ini sebagaimana yang kita sedia maklum sedang dalam siasatan Badan Pencegah Rasuah dan tidak wajar bagi kita untuk membincangkan perkara ini dengan lebih lanjut lagi. Saya pun tidak ada maklumat kerana ini berkaitan dengan Badan Pencegah Rasuah yang bukan di bawah Kementerian Kewangan.

Selesai saya menjawab soalan-soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, dan saya telah pun menjawab beberapa soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap khususnya berkaitan dengan kereta sewa. Satu lagi perkara yang dibangkitkan berkaitan perkara ini ialah kereta Pengerusi

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Pasir Mas bangun.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Saya minta izin sekali lagi kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen mengenai dengan kereta sewa saloon. Kalau Yang Berhormat tidak keberatan untuk menjawab, apakah benar kereta saloon kepunyaan Kerajaan ini telah diswastakan kepada syarikat yang bernama DRB. Saya membangkitkan perkara ini kerana DRB ini salah seorang Executive Directornya

ialah Nasaruddin Jalil itu bekas Setiausaha Sulit Menteri Kewangan.

Saya membangkitkan perkara ini kerana saya tidak mahu timbul tohmahan dan diperalatkan oleh parti Pembangkang di luar, oleh kerana itu hak beliau untuk berniaga dan dilantik apa jua jawatan sehingga ada percakapan bahawa DRB ini dikaitkan dengan nama baik Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan.

Saya kira perlu Yang Berhormat Setiausaha Parlimen membersihkan anggapan dan tanggapan masyarakat sekarang ini kerana ianya tidak ada kena-mengena pada pandangan saya. Cuma saya hendak menghilangkan tohmahan-tohmahan ini yang dipercekapkan oleh setengah-setengah pihak. Sekian, terima kasih.

Tuan Mustapha bin Mohamed: Tuan Pengerusi, adalah tidak benar penswastakan kereta saloon ini diberikan kepada Syarikat DRB. Sebenarnya telah pun diumumkan melalui media massa bahawa penswastakan kereta-kereta saloon ini diswastakan kepada sebuah syarikat bernama Syarikat SPENCO Sdn. Bhd. yang tidak ada kaitan langsung dengan saudara Nasaruddin Jalil yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi.

Tuan Pengerusi, seterusnya saya pergi kepada, sepertimana yang saya katakan tadi, kereta seorang bekas Pengerusi agensi Kerajaan yang dalam proses peralihan, di mana birokrasi tanpa ada sebarang muka ataupun perasaan kemanusiaan telah mengambil balik kereta berkenaan, walaupun Pengerusi berkenaan dilantik semula sebagai Pengerusi Badan Berkanun berkenaan. Kita kesal dengan tindakan kasar pegawai yang terlibat, dan kita akan mengambil langkah-langkah agar kekasaran yang berlaku kepada Pengerusi yang berkenaan itu tidak akan berulang lagi di masa hadapan.

Saya telah pun menjawab persoalan-persoalan berkaitan dengan Securities Commission yang dibangkitkan oleh Padang Terap serta juga Asean Copper Fabrication Project.

Saya pergi sekarang kepada perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Marang, khususnya berkaitan dengan zakat. Sepertimana yang kita sedia maklum, dalam Belanjawan 1993, Yang Berhormat Menteri Kewangan telah mengumumkan bahawa kita akan mengambil langkah untuk menyelaraskan kutipan zakat dengan cukai pendapatan setelah perundingan diadakan dengan pihak-pihak berkenaan, termasuk pihak Kerajaan Negeri. Dan proses ini, saya ingin memaklumkan masih lagi berjalan. Ini adalah ke arah usaha untuk memperkemas lagi kutipan zakat, dan dengan itu menambahkan sumber bagi membolehkan kita membantu mereka yang wajib kita bantu dalam masyarakat kita.

Berkaitan dengan usaha-usaha hendak memberkatkan harta negara, khususnya saham-saham Kerajaan yang dimilikinya dalam syarikat-syarikat kepunyaan Kerajaan, Kerajaan mengambil perhatian dan pandangan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Marang tadi. Dalam hubungan ini, ingin saya tekankan bahawa memang pada masa ini sudah ada beberapa agensi Kerajaan yang mengeluarkan zakat. Selain daripada Lembaga Urusan dan Tabung Haji, baru-baru dan pihak Bank Simpanan Nasional juga ada mengeluarkan zakat kepada Kerajaan-kerajaan Negeri, dan zakat ini akan dibahagi-bahagikan kepada pihak-pihak yang berkenaan.

Seterusnya dibangkitkan tentang usaha-usaha untuk mengasingkan sumber hasil antara haram dan halal. Pada masa ini, semua hasil dimasukkan ke dalam Consolidated Fund ataupun Akaun Hasil

Berkanun Kerajaan, dan kita mengambil maklum perhatian tentang pandangan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Marang.

Begitu juga pandangan berkaitan dengan ASN/ASB, memang belum ada lagi fatwa yang dibuat oleh Majlis Fatwa Kebangsaan.

Berkaitan dengan EPF, ingin saya tegaskan bahawa bukan kadar faedah yang kita bayar, tetapi yang kita bayar dipanggil dividen – tahun lepas kadarnya 8%. Dividen ini adalah hasil daripada keuntungan yang diperolehi oleh pihak EPF berikutan pelaburannya, dan keuntungan daripada pelaburan tersebut diagihkan kepada pencarum-pencarum di seluruh negara.

Seterusnya, Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Jerai membangkitkan tentang feri di Langkawi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini kadar tambang feri, saya difahamkan, diputuskan setelah dirunding antara pengusaha-pengusaha feri yang berkenaan. Memang ada rakyat Malaysia yang tidak mampu untuk melawat Langkawi. Kita tahu ada orang Kedah yang masih lagi belum pergi ke Langkawi, walaupun orang tempat lain mungkin setelah menerima habuan sedikit-sebanyak terima kasih daripada rakan-rakan mereka dihantar ke Langkawi, dan memang ada yang tak mampu hendak ke Langkawi. Dalam pada itu, melihat kepada perkembangan pesat di Langkawi, Kerajaan berpendapat bahawa kadar tambang feri ini tidak sekali-kali menjejaskan kemasukan pelancong-pelancong ke Langkawi. Walaupun ada yang masih belum mendapat ke Langkawi, kita berharap dengan peningkatan taraf hidup rakyat, mereka akan dapat ke Langkawi.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Jerai bangun, hendak beri jalan, Yang Berhormat?

Tuan Mustapha bin Mohamed: Kos yang dikenakan ataupun tambang feri yang dikenakan mestilah berdasarkan kepada kos perkhidmatan, jika ferinya mahal, minyaknya mahal, gajinya mahal, dan jika mengikut saranan Ahli Yang Berhormat dari Jerai dikurangkan tambang daripada RM10.00 hingga RM5.00, maka Kerajaan juga yang akan terpaksa mensubsidikan penumpang-penumpang tersebut. Kerajaan bermakna kita dan apabila kita subsidize orang Jerai hendak pergi ke Langkawi, bermakna orang-orang lain daripada Kuala Lumpur terpaksa subsidize orang-orang di Jerai. Ini satu saranan yang mungkin baik, tetapi ingin saya tekankan bahawa sebarang subsidi sudah pasti akan melibatkan kos. Jika dikurangkan tambang, maka akan kerugian demi kerugian, bermakna oleh kerana LADA kepunyaan Kerajaan, maka Kerajaan terpaksa subsidise LADA.

Tuan Haji Badrudin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta sedikit penjelasan. Tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen mengatakan pihak LADA telah membuat perundingan dengan syarikat-syarikat yang mengusahakan perkhidmatan feri. Jadi, adakah pihak Kerajaan membuat kajian yang sebenarnya? Berapakah kos perbelanjaan bagi menjalankan perkhidmatan feri untuk satu perjalanan? Saya difahamkan bahawa syarikat-syarikat individu yang menjalankan perkhidmatan tersebut mendapat keuntungan yang berlipat ganda. Dalam masa setahun sahaja mereka boleh membeli tiga buah feri untuk ditambah. Ini menunjukkan bahawa perkhidmatan mereka ini mendapat keuntungan. Kalaulah Kerajaan mengadakan perkhidmatan feri ini dan kalau tambang pun adalah sama dengan tambang yang dikenakan oleh syarikat-syarikat persendirian ini, jadi apakah matlamat LADA menjalankan perkhidmatan feri?

Saya ingin cadangkan sekali lagi, kalau boleh LADA menjalankan perkhidmatan feri 24 jam, kerana kadang-kadang perkhidmatan hospital di Pulau Langkawi belum sampai ke tahap yang begitu baik. Insya-Allah, pada tahun ini barangkali ada peruntukan yang lebih untuk perkhidmatan hospital, jadi kadang-kadang jika seorang sakit demam di tengah malam, mereka hendak bawa pesakit itu ke Alor Setar, dan mereka terpaksa pinjam bot marin atau kadang-kadang kena sewa bot pula daripada peniaga-peniaga. Ini akan menelan belanja yang begitu banyak. Jadi, saya harap, kalau boleh, pihak Kementerian membuat kajian semula tentang perkhidmatan feri ini.

Tuan Mustapha bin Mohamed: Tuan Pengerusi, saya tidak ada angka-angka berkaitan kos yang terpaksa ditanggung oleh syarikat-syarikat feri. Jika benar apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat bahawa setelah setahun beroperasi, syarikat-syarikat mampu membeli dua tiga buah feri, maka ini memang benarlah perkhidmatan ini amat menguntungkan. Kita akan menyiasat kedudukan sebenar mengenai untung-ruginya perkhidmatan feri ini. Kita mengambil perhatian cadangan supaya diadakan perkhidmatan feri 24 jam. Saya difahamkan LIMA sudah pun bermula persiapannya dan perkhidmatan feri 24 jam akan diadakan dalam tempoh 10 hari. Itu untuk special occasion, dengan izin.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat juga membangkit dan mencadangkan supaya pihak LADA terlibat dalam pembinaan hotel-hotel kecil membantu usahawan kecil untuk membuka restoran dan sebagainya. Saya ingin maklumkan bahawa antara peranan utama LADA ialah untuk membina infrastruktur di Langkawi. Itu peranan utama ditubuhkan LADA mengawasi pembangunan di Langkawi dan mengawasi khususnya pembinaan infrastruktur. Ia tidak banyak terlibat dalam kegiatan-kegiatan untuk membantu orang-

orang Langkawi terlibat dalam sektor-sektor tertentu kerana kita sudah ada agensi-agensi berkenaan. Kita tidak mahu 'duplication' ataupun penduaan pertindihan fungsi. MARA umpamanya ada fungsinya. Begitu juga Kementerian-kementerian yang lain, dan kita berharap dan kita percaya Kementerian-kementerian ini dan juga institusi kewangan akan dapat membantu peniaga kecil di Langkawi. Selain dari itu, kita ada Amanah Saham Anak Langkawi (ASAL) yang ditubuhkan. Ini adalah antara usaha Kerajaan untuk memastikan bahawa orang biasa di Langkawi akan dapat mengikuti arus pembangunan pesat yang sedang berlaku di Langkawi.

Berkaitan dengan Rumah Kerajaan, Yang Berhormat dari Jerai mencadangkan supaya peruntukan yang lebih disediakan untuk penyenggaraan ataupun maintenance. Kita ambil perhatian tentang perkara tersebut.

Ahli Yang Berhormat dari Jerai juga menyuarakan keluhan beberapa golongan ahli perniagaan yang mengatakan bahawa dalam perniagaan ini yang penting bukan apa yang kita tahu, mengikut Yang Berhormat ataupun mengikut rakan-rakan Yang Berhormat tetapi siapa yang kita kenal. Kita memandang berat perkara ini kerana menjadi matlamat Kerajaan untuk memastikan bahawa bumiputera, khususnya, akan dapat berkecimpung dalam bidang perniagaan dengan jayanya dan kita berharap bumiputera akan mengambil bahagian sepenuhnya ataupun menggunakan sepenuhnya kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan.

Yang Berhormat juga membangkitkan tentang tabung pelajaran, jadi disarankan supaya Kerajaan mengkaji kadar biasiswa. Sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan memang dari masa ke semasa melalui Jabatan Perkhidmatan

Awam dan agensi-agensi lain termasuk Wisma Putra mengkaji elaun-elaun penuntut kita di luar negara tetapi mungkin ada yang masih belum berpuas hati kerana memanglah peruntukan terhadap kita tidak boleh hendak menerima kesemua sekali cadangan-cadangan yang dikemukakan.

Ahli Yang Berhormat dari Larut menyebut tentang ketiadaan tulisan Jawi dalam matawang kita. Walaupun perkara ini bukan pertama kali dibangkitkan, Kerajaan telah pun menyatakan pendiriannya bahawa kita akan mengkaji perkara ini apabila siri matawang-baru mungkin dikeluarkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga sekarang kita cuma mengeluarkan dua siri matawang. Pertama, pada tahun 1967 dan yang kedua kira-kira 10 tahun yang lalu – dua siri. Jadi, ada dua bentuk rekabentuk matawang dan apabila perkara ini dikaji, Kerajaan akan memberi perhatian kepada cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Larut.

Yang Berhormat dari Larut juga membangkitkan tentang mereka yang menghadapi masalah iaitu mereka yang meminjam untuk perumahan di mana potongan gaji dibuat dan ini membebankan mereka kerana rumah tidak siap. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah menubuhkan sebuah tabung iaitu Tabung Projek Pemulihan Terbengkalai antara lainnya untuk membantu pemaju-pemaju dan juga pembeli rumah memastikan kediaman terbengkalai ini akan dapat dibangunkan semula. Sehingga ini, kita sudah pun meluluskan lebih RM200 juta melibatkan 101 projek perumahan semuanya sekali untuk membangunkan semula rumah-rumah terbengkalai ini yang bilangannya melebihi 22,000 unit diseluruh negara. Kita berharap dengan adanya langkah Kerajaan untuk membantu

pemaju perumahan yang terlibat dalam projek-projek tergendala atau terbengkalai ini, maka sebahagian dari beban yang ditanggung oleh pegawai Kerajaan dan juga peminjam-peminjam lain akan dapat dikurangkan.

Akhir sekali, perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Alor Setar, saya telah pun menjawab beberapa perkara berkaitan dengan Securities Commission. Beliau membangkitkan kemungkinan spekulasi berlaku sekiranya skrip tidak dihantar dalam masa 21 hari. Kita akan menyiasat perkara ini. Memang kesemua syarikat yang hendak disenaraikan perlu mematuhi kesemua syarat yang terkandung dalam prospektus dan kita akan melihat perkara ini dan mengkaji sama ada benar berlaku, dan jika benar, bagaimana boleh kita mengurangkan masalah.

Berkaitan dengan Central Depository System (CDS), memang ini sahaja diperkenalkan dan tidak ramai pelabur yang memahami sepenuhnya. Kita menyambut baik saranan Ahli Yang Berhormat Alor Setar agar penjelasan lanjut diberikan kepada pelabur-pelabur supaya pelabur akan mengetahui sepenuhnya apa yang terlibat dalam CDS ini termasuk perlunya dibuka akaun dan sebagainya. Saya akan mengemukakan pandangan Ahli Yang Berhormat Alor Setar kepada pihak Bursa Saham Kuala Lumpur agar tindakan dapat diambil untuk menyebarkan maklumat seluas mungkin kepada mereka yang berkenaan supaya mereka tahu apa itu CDS dan implikasinya kepada kegiatan-kegiatan pelaburan mereka.

Tuan Pengerusi, itulah secara ringkasnya isu-isu utama yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekali lagi saya mengucapkan setinggi terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbincangan dan

saya berharap jawapan-jawapan yang diberikan itu sedikit-sebanyak membantu kita memahami bagaimana kita menguruskan kewangan negara, bagaimana kita berjaya mencapai tahap kemajuan cemerlang dan yang pentingnya bagaimana kita boleh bersama-sama berusaha bersungguh-sungguh untuk memastikan kemajuan pesat yang tercapai sejak tahun 1988 sehingga hari ini di mana kita mencapai kadar pertumbuhan yang membanggakan terus-menerus tiap-tiap tahun dapat dikekalkan, insya-Allah, dengan kerjasama Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM248,129,000 untuk Maksud B. 28; RM546,185,030 untuk Maksud B. 29; RM1,183,100,000 untuk Maksud B. 30; RM201,812,000 untuk Maksud B. 31; RM144,058,000 untuk Maksud B32; dan RM30,591,000 untuk Maksud B. 33 di bawah Kementerian Kewangan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak RM248,129,000 untuk Maksud B. 28; RM546,185,030 untuk Maksud B. 29; RM1,183,100,000 untuk Maksud B. 30; RM201,812,000 untuk Maksud B. 31; RM144,058,000 untuk Maksud B. 32; dan RM30,591,000 untuk Maksud B. 33 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM393,122,000 untuk Maksud P. 28; RM71,852,500 untuk Maksud P31; RM22,909,000 untuk Maksud P. 32 dan RM500,000,000 untuk Maksud

P. 56 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1994 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan dan disetujui.

Wang sebanyak RM393,122,000 untuk Maksud P. 28; RM71,852,500 untuk Maksud P. 31; RM22,909,000 untuk Maksud P. 32; dan RM500,000,000 untuk Maksud P. 56 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1994.

Maksud B. 34 (Jadual) —

Maksud P. 34 (Anggaran Pembangunan, 1994) —

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Kepala Bekalan B. 34 dan Kepala Pembangunan P. 34 di bawah Kementerian Kesihatan terbuka untuk dibahas. Alor Setar.

5.56 ptg.

Tuan Chor Chee Heung (Alor Setar): Terima kasih, Tuan Pengerusi, kerana memberikan peluang kepada saya untuk berhubung di bawah Kementerian Kesihatan. Saya ingin merujuk kepada Bekalan 34, Butiran 030000, muka surat 200 di bawah tajuk Rawatan Perubatan.

Tuan Pengerusi, saya percaya Kerajaan sentiasa berusaha untuk mempertingkatkan lagi perkhidmatan rawatan perubatan di hospital-hospital besar dan juga di hospital-hospital daerah dalam semua aspek. Maka mengenai perkara ini, saya ingin tahu, terdapat lagi beberapa hospital besar di setiap negeri yang belum mempunyai pakar-pakar ataupun specialists, dengan izin, dalam semua bidang perubatan. Saya percaya, banyak lagi hospital-hospital besar di negeri-negeri Malaysia masih belum mempunyai pakar-pakar perubatan sepertimana didapati di Universiti Hospital

Kuala Lumpur seperti neuro surgery, oncology dan juga plastic surgery dan lain-lain.

Maka saya hendak tahu negeri mana yang mempunyai hospital besar tetapi tidak mempunyai pakar-pakar di dalam bidang-bidang seperti yang saya sebut tadi. Memang sukar bagi rakyat yang mempunyai penyakit kerana sesetengah pakar perubatan hanya terdapat ataupun ditempatkan di Universiti Hospital atau Hospital Besar Kuala Lumpur.

Saya amatlah berharap supaya untuk dapat melihat kewujudannya semua pakar-pakar yang lengkap di hospital-hospital besar di setiap negeri sekurang-kurangnya kita tidak payah sebut lagi tentang Hospital Daerah. Di setiap negeri mesti mempunyai sebuah hospital besar atau general hospital, dan jika Kerajaan melalui usahanya dapat menempatkan di setiap hospital besar semua bidang perubatan yang mempunyai specialists atau pun pakar sendiri, maka begitu senang bagi pesakit-pesakit yang bermastautin di Alor Setar ataupun dalam negeri Kedah dapat menerima rawatan di Hospital Besar di situ. Tidak payah kita hendak belanja lagi tambang pesawat sampai ke Universiti Hospital untuk mendapatkan rawatan.

Tuan Pengerusi, negara kita mempunyai 13 negeri – ini bermaksud bagi sesuatu bidang kita hanya memerlukan 13 orang pakar bagi setiap bidang perubatan, dan saya harap pihak Kementerian dapat memberitahu satu senarai yang mana doktor-doktor pakar yang hanya berkhidmat di Kuala Lumpur baik pun di Hospital Besar mahu pun di Hospital Universiti dan di negeri-negeri lain yang tidak ada langsung pakar-pakar yang saya sebutkan tadi.

Perkara yang kedua, Tuan Pengerusi, adalah berkenaan dengan penyakit buah pinggang. Buat masa ini, kita dapat melihat

satu trend yang mana kes-kes bagi penyakit buah pinggang dan penyakit kencing manis ataupun diabetes, dengan izin, kian bertambah. Sebenarnya pagi ini saya terbaca dalam surat khabar bahawa Menteri Kesihatan telah memberitahu kes-kes penyakit buah pinggang telah kian bertambah sebab penyakit diabetes juga bertambah. Oleh yang demikian, saya ingin mencadangkan supaya pihak Kerajaan ataupun Kementerian Kesihatan dapat mempertingkatkan lagi perkhidmatan bagi dialysis machine. Saya telah banyak kali membangkitkan soal perkhidmatan dialysis di dalam ucapan saya dan sentiasa diberitahu bahawa dialysis machines yang ada di hospital-hospital besar hanya diberikan kepada kes-kes acute renal failure ataupun chronic renal failure.

Tuan Pengerusi, saya ingin mencadangkan, jika boleh pihak Kerajaan dapat lagi menambah mesin-mesin dialysis supaya, bukan hanya kes acute renal failure ataupun chronic renal failure dapat menerima rawatan ataupun perkhidmatan mesin dialysis di Hospital Besar ataupun hospital Kerajaan. Sepanjang pengetahuan saya, di negeri Kedah hanya mempunyai 9 unit dan semua ditempatkan di General Hospital Alor Setar dan di negeri jiran Perlis, cuma 4 unit. Selain daripada Hospital Besar, terdapat juga 6 unit yang ditempatkan di PPU iaitu Pusat Pakar Utara, sebuah hospital swasta. Pada pengetahuan saya, tiap-tiap kali pesakit menerima rawatan, ia harus membayar RM150 hingga RM170. Pesakit buah pinggang terpaksa mendapat perkhidmatan mesin dialysis sekurang-kurangnya tiga kali seminggu. Kalau kita mengambil kira wang yang perlu dibayar untuk mendapat perkhidmatan mesin dialysis, memang hanya orang-orang kaya sahaja yang mampu mendapat rawatan pencucian buah pinggang oleh mesin dialysis.

Tuan Pengerusi, saya ingin mengetahui sama ada pihak Kerajaan bercadang untuk memperluaskan perkhidmatan mesin dialysis supaya semua kes ataupun semua pesakit buah pinggang biasa dan tidak di dalam ketogeri acute renal failure ataupun chronic renal failure, dengan izin, dapat juga menerima rawatan. Jika tidak, apa solution atau apakah jalan yang paling baik supaya pesakit-pesakit ini dapat menerima rawatan ataupun perkhidmatan mesin dialysis dengan harga berpatutan.

Selain daripada ini, saya juga menerima banyak permohonan dari organisasi-organisasi dan pertubuhan-pertubuhan sukarela yang mana mereka dengan relanya sanggup memberi perkhidmatan mesin dialysis ini jika pihak Kerajaan memberi segala bantuan kepada mereka. Saya percaya sebuah mesin dialysis ini adalah dalam anggaran RM70,000 hingga RM100,000 dan jika pertubuhan-pertubuhan sukarela ataupun voluntary organisation, dengan izin, dapat bantuan dari pihak Kerajaan supaya mereka dapat menjalankan perkhidmatan ini, saya percaya ramai pesakit-pesakit akan mendapat faedah.

Saya percaya pertubuhan-pertubuhan atau organisasi sukarela ini hanya akan mengenakan caj yang berpatutan ataupun kos yang akan cukup untuk mengendalikan perkhidmatan ini sahaja dan bukan semata-mata untuk keuntungan. Saya percaya pada keseluruhannya pihak Kerajaan juga dapat dibantu oleh pertubuhan seperti ini dari segi mengurangkan kesesakan di hospital Kerajaan. Saya difahamkan, Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat pada satu ketika telah mengumumkan supaya pertubuhan kebajikan ataupun pertubuhan sukarela dapat diberikan peluang untuk mengendalikan perkhidmatan pencucian buah pinggang, tetapi sehingga hari ini, tidak

ada apa perkembangan dan mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan dapat memberitahu sedikit sebanyak perkembangan terkini tentang hal ini.

Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Pasir Mas.

6.06 ptg.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali (Pasir Mas): Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Butiran 020500, muka surat 200 – Kawalan Mutu Makanan.

Tuan Pengerusi, saya hanya bercakap mengenai dengan kesihatan khusus untuk tajuk ini sahaja kerana kawalan mutu makanan adalah salah satu aspek terpenting dalam konteks program kesihatan keseluruhannya. Apakah Kementerian Kesihatan sedar, walaupun kita mempunyai Akta Kawalan Makanan, 1983, tetapi kita dapati kawalan mutu makanan belum lagi berkesan.

Tuan Pengerusi, kalau kita lihat kepada masyarakat ataupun individu-individu yang diserang berbagai-bagai penyakit, tetapi segala-galanya berpunca daripada makanan. Soalnya, awal ataupun lambat. Kalau awal, ceret-beret; kalau lambat, macam-macam penyakit boleh kena hasil daripada mutu makanan. Tetapi kalau kita lihat, sama ada dalam bandaraya di seluruh negara, termasuk Bandaraya Kuala Lumpur, pada pandangan saya, jauh daripada berpuas hati tentang kawalan mutu makanan, terutamanya makanan-makanan yang berselerak di warung-warung. Di warung-warung, termasuk di Chow Kit Road, di kawasan sekitar Sungai Besi, di Petaling Jaya ataupun di mana-mana, kita lihat jauh dari memuaskan. Makanan-makanan masih lagi terdedah dan tidak terkawal. Ternyata sekali kita dapati lalat-lalat berkeliaran

menghinggapi makanan-makanan, malah kedai-kedai itu sendiri, kita dapati masih lagi kotor — kalau dilihat daripada hadapan ataupun di belakang, begitu kotor. Air yang digunakan masih lagi disangsikan sama ada bersih atau tidak.

Pendek kata, kalau kita pergi secara terperinci, saya dapati bahawa Kementerian Kesihatan belum lagi berjaya dalam ertikata sebenarnya mengawal mutu makanan. Manakala agenda dalam konteks pembangunan negara tidak akan bererti kalau kita tidak dapat kawal mutu makanan. Kita sekarang ini mempunyai bandaraya yang indah. Kita juga mula mengawal negara kita daripada pencemaran alam sekitar. Perumahan-perumahan dibina dengan cantik, kita lihat bangunan-bangunan mencakar langit, kenderaan-kenderaan yang *sekarang ini moden, segala-galanya sudah mula menjadi cantik*, tetapi yang menghidupkan manusia dari segi makanan, belum lagi cantik. Ianya tidak ada erti kalau mutu makanan yang kita manusia mesti makan tetapi inilah yang rata-ratanya belum cantik. Yang boleh diyakini mutu makanan yang baik ataupun yang bersih ialah mungkin di hotel-hotel besar, hotel-hotel bertaraf 5 bintang, 4 bintang, 3 bintang ataupun restoran-restoran bertaraf antarabangsa ataupun yang besar-besar. Tetapi bagi masyarakat pertengahan ataupun rakyat di peringkat bawahan yang bergantung kepada makanan di warung-warung dan kedai-kedai kecil nyata sekali kita lihat mutu makanannya jauh daripada memuaskan. Ini Kementerian Kesihatan bertanggungjawab. Begitu juga kita lihat bukan setakat di bandar-bandar, malah di luar bandar juga, di kampung-kampung – terkeluar daripada tindakan-tindakan yang sepatutnya diambil oleh pihak Kementerian Kesihatan.

Begitu juga kedai-kedai yang dibenar buka ataupun yang membuka jualan gerai 24 jam di sepanjang lebu-lebu raya. Kita

lihat kalau kita pergi ke Kedah, berapa banyak kita dapati kedai-kedai atau warung di tepi jalan. Kalau pergi ke Pantai Timur, kita lihat berapa banyak warung yang berada di terowong ataupun di sepanjang lebuh raya. Begitu juga ke selatan. Bagaimana makanan-makanan yang mereka jual dan di manakah tugas dan fungsi peranan pihak penguatkuasa Kementerian Kesihatan dari segi mengawal mutu makanan ini? Bukan sahaja makanan, tetapi juga termasuk buah-buahan yang juga dikira dari segi jenis makanan. Pendek kata, mutunya jauh sekali.

Jadi, saya minta dan menggesa Kementerian Kesihatan supaya melihat dan mengkaji semula Akta Makanan 1983 dan kalau Akta ini tidak memuaskan, ianya perlu dirombak semula bagi membolehkan Kementerian Kesihatan mengambil tindakan yang lebih tegas dari segi penguatkuasaan. Jika tidak mencukupi kakitangan maka kakitangan wajar ditambah oleh pihak Kerajaan.

Ini penting kerana inilah yang penting segala-galanya. Pada setengah orang yang penting saham naik, supaya untung banyak. Betulkah tidak? Memanglah saham penting, supaya dapat banyak duit. Orang berniaga pun hendak untung. Orang makan gaji pun hendak naik gaji. Semua ini duit. Tetapi duit tidak ada makna kalau makanan tidak baik. Sebab orang tidak boleh makan duit. Dia kena makan makanan yang boleh dibeli dengan duit. Jadi kalau makanan itu tidak baik, duit banyak tidak guna. Saya mementingkan makanan yang baik daripada benda-benda lain. Sebab kalau benda-benda lain semua baik, makanan tidak baik, dia tidak jadi baik. Betulkan tidak? Betul. Semua setuju.

Jadi yang pentingnya ialah mutu makanan. Mutu makanan ini termasuklah yang kita lihat di warung-warung ataupun yang diproses di kilang-kilang. Ini tidak

terkecuali. Saya bercakap ini semua sekali. Masih lagi kita dapati makanan dalam tin, dalam botol yang kita lihat betul-betul membahayakan pengguna-pengguna. Saya ada baca *Consumers Bulletin* – akhbar pengguna yang dikeluarkan oleh Persatuan Pengguna. Saya dapati terlalu banyak isu-isu yang berkaitan dengan mutu makanan ini. Ini bererti kita belum dapat mengawal mutu makanan ini dengan secara berkesan.

Oleh itu Tuan Pengerusi, saya berharap sangat bahawa suatu hari nanti Malaysia indah segala-galanya. Indah dari segi saya katakan tadi pencainderanya, indah segala-galanya termasuk indahnya makanan ini iaitu makanan yang benar-benar bermutu dan bebas daripada bahan yang boleh membawa penyakit kepada pengguna. Sekian, saya menyokong.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Nilam Puri.

6.16 ptg.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Nilam Puri): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Butiran 020000 – Kesihatan Awam yang diperuntukkan lebih kurang RM549 juta. Ini satu peruntukan yang banyak dan kita harap pihak Kementerian dapat menjalankan tugas dengan sempurna mungkin terhadap peruntukan yang begitu banyak.

Tuan Pengerusi, dalam peruntukan ini juga kempen-kempen terhadap kesihatan perlu dipergiatkan lagi terutama sekali soal kesihatan bukan suatu soal yang perlu kita politikkan ataupun suatu perkara yang perlu kita letakkan bangsa dan sebagainya. Misalnya, kita lihat selalu bila berlaku kemalangan jalan raya, pertama sekali bila berlaku kemalangan, katalah seorang penunggang motosikal itu jatuh; pertama dia tanya, "Melayukah atau Cina yang accident itu?" Ini selalu berlaku begitu.

Di Kota Setar pun serupalah juga. Ini ungkapan-ungkapan awam dan kita dengar, "Melayukah atau Cina yang accident itu. Kalau Cina biar". Ataupun kalau di kawasan orang Cina pula, misalnya, berlaku kemalangan, lambat orang tolong. Jadi perkara ini sebenarnya ada berlaku kadangkalanya, dan ini satu perkara yang tidak baik.

Kementerian Kesihatan mesti mempergiatkan lagi kempen untuk menghapuskan perkara seperti ini dari berlaku. Bahkan kita dalam Islam, anjing yang tersepit atau babi yang cedera pun boleh kita rawat. Dalam keadaan haram pun kita boleh rawat dia, lepas itu kita ikutlah undang-undang atau hukum kita, untuk samak dan sebagainya. Tetapi perkara ini memang berlaku walaupun mungkin kita gelak, mungkin kita ketawa tetapi bila berlaku accident misalnya di Kampung Baru, orang Cina yang terlanggar motosikal giginya tercabut. Pertama sekali dia tanya, "Cinakah Melayu yang accident itu?" Bila disebut, "Cina". Dia kata, "Biarlah". Tetapi kalau Melayu, baru dia cepat tolong. Jadi ini satu perkara yang perlu dikempen bahawa soal kesihatan, soal nyawa, soal ini tidak perlu kita pandang bangsa dan sebagainya. Sebab perkara ini berlaku walau pun kadang-kadang kita malu untuk mengaku dan pihak Kementerian Kesihatan hendaklah berkempen dengan memberi lebih penekanan bahawa soal nyawa, soal kesihatan ini adalah satu perkara yang penting.

Perkara yang kedua ialah perkara yang berlaku di Dungun, Terengganu kira-kira dalam bulan Jun atau Julai yang lalu iaitu bila pihak parti PAS merasmikan bangunan di Dungun. Kita telah menghantar surat kepada pihak hospital untuk menderma darah dan pihak hospital telah bersetuju untuk menerima darah daripada orang yang hendak menderma semasa kita membuka bangunan PAS di Dungun. Tetapi seminggu

kemudian usaha untuk mengambil darah itu dibatalkan. Katanya ada campur tangan dari pihak Lembaga Pentadbir, iaitu yang terdapat orang UMNO di dalam Lembaga Pentadbiran, itu yang menyebabkan derma darah itu tidak jadi.

Ini satu perkara yang kita kesal kerana soal darah, soal nyawa kadang-kala kita campur dalam politik. Memang di Terengganu itu agak teganglah antara PAS dengan UMNO. Tetapi soal darah ini janganlah kita main-mainkan. Kemudian Alhamdulillah selepas itu kita buat perayaan di Masjid Rusila Negeri Terengganu – Ijtimak Antarabangsa. Pemuda-pemuda kita menderma darah dan pihak Hospital Terengganu menerimanya. Begitu juga Pemuda-pemuda PAS yang menderma di Kota Bharu dan sebagainya didapati hundred percent tanpa AIDS. Ini suatu yang boleh dicabarlah bagaimana pula darah Pemuda UMNO? Tetapi ini hundred percent diterima.

Yang saya hendak tekankan di sini, Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan, iaitu kita boleh berpolitik dalam bidang lain tetapi dalam bidang pelajaran dan dalam bidang kesihatan kalau boleh kita hendaklah minimumkan benda-benda seperti itu supaya tidak berlaku. Walaupun barangkali Timbalan Menteri Kesihatan akan mengatakan tidak ada campur tangan UMNO, tetapi kita juga ada orang dalam. Doktor-doktor di Hospital Dungun yang mengatakan ada campur tangan UMNO untuk tidak mahu menerima darah ahli-ahli PAS yang hendak menderma sedangkan negara kita memerlukan darah, dan kita tahu ada beratus orang pemuda-pemuda PAS yang telah derma darah sekarang ini. Alhamdulillah tidak ada penyakit AIDS.

Tuan Pengerusi, kadangkalanya bila PAS menderma darah, dewan kita payah dapat dan sebagainya. Kita derma darah dalam masjid seperti di Masjid Rusila, dan

kita beritahu lebih awal supaya jururawat-jururawat yang datang itu berpakaian lebih sopan kerana derma darah dilancarkan di dalam masjid. Tetapi ada di kalangan mereka yang berpakaian yang kurang kemas yang ditegur oleh masyarakat kampung. Tetapi bagi kami ini mungkinlah boleh faham kerana datang tergesa-gesa. Tetapi bagi masyarakat desa, mereka nampak jururawat-jururawat yang tidak begitu mengikut pakaian Islam dan sebagainya mengambil darah ataupun orang menderma darah dalam masjid kerana di situ bagi kita aktiviti derma darah adalah satu kebajikan, maka ia boleh dibuat di dalam masjid dan inilah yang kita lakukan di Masjid Rusila Negeri Terengganu.

Tuan Pengerusi, seterusnya perkara Rawatan Perubatan iaitu di bawah Maksud B. 34, Butiran 030000, yang kita lihat sekarang ini hospital-hospital masih lagi kenakan bayaran walaupun kita bercakap berkali-kali. Kita harap bersungguh-sungguh orang-orang miskin ini kalau bolehlah, yang pergi ke hospital Kerajaan ini tidak kena bayaran apa-apa. Sebab negara kita telah maju dan sebagainya. Apa benefit yang kita hendak beri kepada orang kampung. Memanglah pihak Timbalan Menteri atau pihak Kementerian Kesihatan akan menjawab iaitu hendak minta rekomen daripada Pegawai Daerah, daripada Tok Penghulu dan sebagainya. Tetapi bila kita minta, orang kampung bukan dia tahu sangat hendak pergi satu tahap ke satu tahap untuk mendapatkan surat-surat sokongan daripada pihak-pihak tertentu. Sedangkan soal sakit ini kadangkalanya mereka sudah tenggelam punca, tidak ingat hendak cari surat-surat sokongan daripada mana-mana pihak untuk mendapatkan rawatan yang percuma.

Seterusnya, saya ingin juga menyentuh soal Maksud P. 34 mengenai Majlis Perubatan Malaysia. Setakat manakah kuasa mereka? Kuasa mereka dari segi menilai doktor-doktor ataupun kelulusan-kelulusan

perubatan yang hendak diiktirafkan oleh Kerajaan. Setakat mana 'power'nya badan ini, sebab kita lihat kadangkala kelulusan doktor daripada beberapa buah negeri belum lagi diiktirafkan. Misalnya, perubatan kedokteran di negeri Iran, di antara negeri yang baik di Timur Tengah. Tetapi sampai sekarang, saya mendapat maklumat bahawa pihak MMA atau pihak Kementerian Kesihatan belum lagi mengiktirafkan kelulusan kedokteran daripada negeri Iran yang menyebabkan pelajar-pelajar kita yang hendak membuat 'degree' ataupun membuat usaha lanjutan pengajian mereka di negeri itu agak terbantut kerana belum lagi diiktirafkan oleh pihak MMA ataupun pihak Kerajaan.

Seterusnya, saya ingin menyentuh Maksud P. 34 juga iaitu Aktiviti Farmasi dan Bekalan. Kita lihat sekarang ini, bila farmasi digalakkan iaitu untuk orang yang pergi ke hospital ataupun pergi ke klinik, beli ubat di farmasi. Di hospital, ubat ada disediakan sendiri tetapi tidak di klinik-klinik perubatan. Masalahnya, di farmasi ini kadangkala harga ubat yang sama itu lebih mahal daripada kedai ubat Cina atau pun kedai 'senseh'. Ini kita boleh lihat juga orang yang makan ubat di antaranya, yang menyebabkan hilang penyakit ialah 'confidence'. Kadangkala yang beri ubat itu adalah seorang atendan ataupun seorang jururawat tetapi ini berbeza daripada doktor yang beri ubat. Walaupun ubat itu sama tetapi doktor yang beri ubat, dia rasa 'confident' bahawa ubat yang doktor beri itu boleh menghilangkan penyakit. Tetapi kadangkala ubat itu diberi oleh seorang nurse, dia nampak ubat itu nurse yang beri. Walaupun ubat itu sama, tetapi 'confidence' kepada dirinya kurang.

Begitu juga ubat yang dijual di farmasi ini. Walaupun kita lihat ada jurujual di farmasi yang memakai pakaian yang cantik, yang pakai pakaian putih, orang pergi beli ubat itu nampak 'confident'. Tetapi ada di setengah kedai farmasi, kadang-kadang dia

pakai kain pelekat dan pakai kasut kayu. Jadi, orang yang pergi beli ubat di kedai itu, selepas pergi berjumpa doktor, dia tengok betulkah ubat ini? Kalau panadol, betulkah panadol ataupun batu kapur dicampur dengan apa-apa?

Jadi, pihak Kementerian Kesihatan mesti mendisiplinkan kedai-kedai farmasi ini. Pakaian itu mesti bersih dan dengan gayanya. Apabila orang pergi beli ubat, orang nampak yang jual ubat itu nampaknya ada gaya, mukanya berseri. Tetapi kadangkala terdapat orang dengan kain pelekat dan kasut selipar, T-shirt tiada tangan. Kemudian, bila orang pergi beli ubat, dia jual ubat. Jadi, orang yang beli ubat itu, dia kata, "Ini orang yang jual ubat itu, muka pucat, dan kadang-kadang batuk kering". Bila dia makan ubat itu pun dia tidak 'confident'. Bila tidak 'confident', ini menyebabkan penyakit itu agak lambat untuk sembuh. Jadi, kita harap pihak Kementerian Kesihatan mendisiplinkan penjual ubat di farmasi-farmasi ini dari sudut pakaian. Tidak kira apa bangsa pun mesti pakai dalam bentuk kemas supaya orang yang beli ubat itu dengan penuh 'confident', sebab 'confidence' itu di antara perkara yang boleh mengubati penyakit.

Tuan Pengerusi, saya ingat itulah sahaja. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat dari Arau.

6.24 ptg.

Tuan Shahidan bin Kassim (Arau): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh sepertimana yang disebutkan oleh kawan-kawan tadi berhubung dengan Kawalan Makanan. Walaupun sebenarnya Yang percaya dia akan bercakap besok.

Berhubung dengan Kawalan Mutu Makanan, Tuan Pengerusi, ini sebagai sambungan. Mengikut rekod yang kita terima, pada tahun 1992 terdapat 963 kes. Ini rekod daripada Kementerian Kesihatan yang melaporkan 963 kes keracunan. Dalam kes keracunan ini, semua negeri terlibat, kecuali yang tidak terlibat ialah Negeri Sembilan dan Perlis. Tetapi ini tidak bermakna tidak ada kes keracunan. Sebab utama kes keracunan ialah makanan yang disediakan di gerai dan juga di restoran-restoran, sebagaimana yang kita sedia maklum, tidak ada kawalan yang mencukupi untuk memastikan bahawa makanan tersebut adalah makanan bersih.

Saya kurang pasti, Tuan Pengerusi, tetapi saya percaya kalau Kementerian Kesihatan membuat rondaan ataupun penguatkuasaan bagi gerai-gerai di depan hospital pun, saya ingat ada di antara gerai-gerai yang tidak bersih. Saya tidak mahu sebut hospital mana, tetapi Yang Berhormat Dato' Mohamed Farid Ariffin tahu semua hospital ada gerai-gerai di hadapan hospital, termasuk hospital besar di Alor Setar dan di semua negeri. Di Kangar, kurang sedikit tetapi saya tidak tahu macam mana boleh tiba-tiba tidak ada keracunan makanan. Saya ingat ada, cuma tidak report sahaja.

Walau bagaimanapun, gerai-gerai yang ada di depan hospital itu, di antara gerai-gerai yang menjual makanan, pada pandangan kita, kita kena tengok dari segi tempat itu ialah tempat yang tidak memuaskan dan tidak 'hygienic', dengan izin. Walaupun Kementerian mempunyai Akta Makanan 1985 dan sebagainya, saya ingin tahu setakat ini apakah yang telah dibuat oleh pihak Kementerian untuk menguatkuasakan undang-undang ini? Dan berapa kes yang telah diambil tindakan untuk memastikan bahawa undang-undang ini sebenarnya berkuatkuasa ataupun undang-undang ini masih tidak mencukupi pengawalan makanan?

Lagi satu, Tuan Pengerusi, walaupun saya diisytiharkan sebagai Pengerusi FAMA tetapi bukan tugas FAMA hendak jaga tentang kawalan makanan. Saya ingin tahu sejauh manakah hubungan Kementerian Kesihatan berhubung dengan kawalan makanan mengenai racun? Racun ini, saya kurang pasti sama ada masuk di bawah Kementerian Yang Berhormat ataupun tidak. Tetapi racun ini, kalau orang makan, dia mati. Bila dia mati, kena pergi ke hospital juga.

Baru-baru ini saya ada mesyuarat di Singapura dan Singapura mengatakan bahawa sayur-sayuran dari Malaysia, dia terpaksa tahan sementara sebab dia kata kuantiti racun yang digunakan sudah sampai ke tahap yang merbahaya. Sebenarnya, saya tidak pasti. Baru-baru ini saya bertanya Yang Berhormat, tetapi saya ingat Yang Berhormat jawab bukan di bawah Kementerian Yang Berhormat. Ini termasuklah di bawah racun ini, walaupun yang menggunakannya adalah Kementerian Pertanian tetapi yang mendatangkan mudarat ialah Kementerian Kesihatan, sebab Kementerian Kesihatan yang akan menerima beban orang-orang yang sakit. Jadi, kalau Singapura tidak membenarkan sayur ini masuk, sebab kuantiti racun serangga yang digunakan kepada sayur-sayuran itu terlalu tinggi, tetapi di sini kita boleh jual dengan bebas.

Kita kena ingat, kalau kita pergi ke market, orang suka sayur yang segar. Sayur yang segar pasti sudah ada racun serangga yang tinggi, tidak dapat dielakkan. Malah saya berani mengatakan tiap-tiap rakyat Malaysia yang makan sayur adalah makan racun. Cuma racun itu, ia tidak banyak – sedikit. Tetapi bila kita campur banyak-banyak – apabila dia berumur 50 tahun ke atas macam Yang Berhormat dari Ipoh, dia

akan rasa lenguh-lenguh badan, sakit-sakit belakang sebab racun itu sudah accumulated dan mudah menjadi penyakit dan sebagainya.

Jadi, saya ingin bertanya Yang Berhormat, kalau Singapura membuat syarat yang ketat, mana-mana sayur-sayuran daripada Malaysia ditahan sementara, kita terpaksa membuat mesyuarat, mengapa kita buat macam ini sebab racun kita di tahap yang terkawal. Dia kata di tahap yang tidak terkawal dan boleh mendatangkan mudarat kepada pemakan-pemakan. Tetapi sayur yang sama telah dijual dengan berleluasa di Malaysia

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, masa sudah suntuk.

Tuan Shahidan bin Kassim: Ya?

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Masa sudah suntuk. Yang Berhormat diminta sambung

Tuan Shahidan bin Kassim: Besok, saya sambung 12 minit lagi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ada 10 minit lagi. *(Ketawa)*

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Majlis Mesyuarat ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.